

D.R. 37/2009

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI BARANG DAN
PERKHIDMATAN 2009**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pengertian “perniagaan”
4. Pengertian “pembekalan”

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

5. Ketua Pengarah dan pegawai lain dan tanggungjawab mereka
6. Pengiktirafan jawatan
7. Pegawai hendaklah menjadi penjawat awam
8. Kerahsiaan maklumat

BAHAGIAN III

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

9. Pengenaaan dan skop cukai barang dan perkhidmatan
10. Kadar cukai
11. Masa pembekalan
12. Tempat pembekalan
13. Pembekalan perkhidmatan diimport
14. Tempat beradanya pembekal atau penerima perkhidmatan
15. Nilai pembekalan barang atau perkhidmatan

Fasal

16. Nilai barang yang diimport
17. Pembekalan berkadar sifar
18. Pembekalan dikecualikan

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN

19. Pendaftaran orang kena cukai
20. Tanggungan untuk berdaftar
21. Pemberitahuan tanggungan dan pendaftaran
22. Pemberhentian tanggungan untuk berdaftar
23. Arahan untuk mengira orang sebagai orang kena cukai tunggal
24. Pendaftaran secara sukarela
25. Pemberitahuan pemberhentian tanggungan atau pendaftaran secara sukarela
26. Pembatalan pendaftaran
27. Pendaftaran kumpulan
28. Pendaftaran perkongsian
29. Pendaftaran pertubuhan atau organisasi yang serupa
30. Pendaftaran cawangan atau bahagian
31. Wakil peribadi disifatkan sebagai orang kena cukai
32. Pengecualian pendaftaran bagi orang yang membuat atau berniat untuk membuat pembekalan berkadar sifar

BAHAGIAN V

PERAKAUNAN, TAKSIRAN, MENDAPATKAN, DSB.

33. Pengeluaran invoice cukai
34. Pengeluaran invoice cukai oleh komputer
35. Nota kredit dan nota debit
36. Kewajipan untuk menyimpan rekod
37. Asas pengakaunan
38. Kredit bagi cukai input terhadap cukai output
39. Amaun cukai input yang dibenarkan
40. Tempoh bercukai

Fasal

41. Pemberian penyata dan pembayaran cukai
42. Pemberian perisytiharan dan pembayaran cukai oleh orang selain orang kena cukai
43. Kuasa untuk mentaksir
44. Ketua Pengarah boleh tidak mengambil kira atau mengubah perkiraan tertentu
45. Penalti pembayaran lewat
46. Mengimbangi cukai belum bayar terhadap pembayaran balik
47. Mendapatkan cukai, dsb., sebagai suatu hutang sivil
48. Penyitaan barang untuk mendapatkan semula cukai, dsb.
49. Kuasa untuk memungut cukai, dsb., daripada orang yang berhutang wang kepada orang kena cukai
50. Mendapatkan cukai daripada orang yang meninggalkan Malaysia
51. Kuasa untuk menghendaki jaminan
52. Pembayaran secara ansuran
53. Barang diimport tidak boleh dilepaskan sehingga cukai dibayar
54. Tanggungan pengarah, dsb.

BAHAGIAN VI

KUMPULAN WANG BAGI PEMBAYARAN BALIK CBP

55. Penubuhan Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik CBP
56. Ketidakbolehpakaian seksyen 14A Akta Tatacara Kewangan 1957

BAHAGIAN VII

PELEPASAN, PENGECUALIAN, PEMBAYARAN BALIK DAN PEREMITAN

57. Kuasa Menteri untuk membenarkan pelepasan dan pengecualian
58. Pembayaran balik cukai, dsb., yang terlebih bayar atau terkhilaf bayar
59. Pelepasan hutang lapuk
60. Pelepasan barang terpakai
61. Mendapatkan cukai, dsb., yang dibayar balik secara terkhilaf
62. Skim Bayar Balik Pelancong
63. Peremitan cukai, dsb.
64. Peremitan cukai ke atas barang yang hilang, dsb., di bawah kawalan kastam

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN VIII

KES KHAS

65. Ketidapkakaian kepada Kerajaan
66. Ejen
67. Bekalan menjangkau perubahan kadar atau perihalan
68. Pelarasan kontrak pada perubahan cukai
69. Pemindahan usaha berterusan
70. Usaha sama
71. Skim Penggudangan
72. Skim Pedagang Diluluskan
73. Skim Pengilang Tol Diluluskan
74. Skim Tukang Emas Diluluskan
75. Skim Kadar Rata
76. Ekuiti dan pasaran niaga hadapan

BAHAGIAN IX

KETETAPAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

77. Ketetapan umum
78. Ketetapan awal
79. Kemuktamadan ketetapan awal
80. Penerimaan dua ketetapan awal
81. Ketetapan tidak terpakai apabila peruntukan Akta dipinda atau dimansuhkan

BAHAGIAN X

PENGUATKUASAAN

82. Kuasa pemeriksaan dan penyiasatan
83. Akses ke tempat atau premis
84. Akses kepada maklumat yang direkodkan atau data berkomputer
85. Majistret boleh mengeluarkan waran geledah
86. Mengeledah boleh dilakukan tanpa waran
87. Kuasa untuk menahan dan mengeledah pengangkut
88. Penyitaan barang, dsb., yang menjadi subjek kesalahan

Fasal

89. Senarai barang, dsb., yang disita
90. Pemulangan atau pelupusan barang boleh alih
91. Kuasa menangkap
92. Kuasa untuk memeriksa orang
93. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

BAHAGIAN XI

KESALAHAN DAN PENALTI

94. Penalti bagi penyata yang tidak betul
95. Penalti bagi pengelakan cukai, fraud
96. Penalti bagi memperoleh pembayaran balik secara tidak wajar, dsb.
97. Penalti bagi kesalahan berhubungan dengan barang, invois dan resit
98. Penalti bagi menghalang, dsb., pegawai cukai barang dan perkhidmatan
99. Penalti bagi keengganan untuk menjawab soalan atau memberikan maklumat palsu
100. Penalti bagi kesalahan oleh orang yang diberi kuasa dan tidak diberi kuasa
101. Percubaan dan persubahatan
102. Penalti am
103. Kesalahan oleh kumpulan orang, dsb.
104. Cukai, dsb., hendaklah kena dibayar walau apa pun apa-apa prosiding, dsb.

BAHAGIAN XII

PERBICARAAN DAN PROSIDING

105. Pendakwaan
106. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
107. Sabitan di bawah undang-undang lain
108. Beban pembuktian
109. Peruntukan keterangan
110. Nilai keterangan salinan notis elektronik
111. Keterangan melalui perakuan, dsb.
112. Pemeriksaan atau ujian berkadar barang yang disita hendaklah diterima oleh mahkamah

Fasal

113. Pengemukaan perakuan analisis
114. Bukti tentang pendaftaran atau pelesenan vesel dan pengangkut di Malaysia atau Singapura
115. Bukti tentang tanan atau buatan suatu pesawat
116. Bukti tentang ketepatan meter atau peranti lain bagi penyukatan petroleum
117. Pemenjaraan kerana tidak membayar denda
118. Cara penyitaan tidak boleh diperiksa dalam perbicaraan di hadapan mahkamah atau rayuan ke Mahkamah Tinggi
119. Obligasi kerahsiaan
120. Perlindungan pemberi maklumat daripada diketahui
121. Pelucuthakan dan pelepasan barang yang boleh disita
122. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan melainkan jika penyitaan dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab yang mungkin
123. Mahkamah hendaklah memerintahkan pelupusan barang yang disita
124. Barang yang disita yang berkenaan dengannya tiada pendakwaan, atau hasil jualannya, terlucut hak jika tidak dituntut dalam masa sebulan
125. Barang atau amaun yang dilucuthakkan boleh diserahkan atau dibayar balik kepada pemunya atau orang lain
126. Penyampaian saman
127. Pengkompaunan kesalahan
128. Perintah mahkamah

BAHAGIAN XIII

KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN

129. Tafsiran
130. Permohonan semakan dan kajian semula
131. Penubuhan Tribunal
132. Hak untuk merayu
133. Bidang kuasa Tribunal
134. Keanggotaan Tribunal
135. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
136. Pembatalan pelantikan
137. Peletakan jawatan
138. Pengosongan jawatan dan pelantikan pemangkuan

Fasal

139. Setiausaha Tribunal dan pegawai lain
140. Penjawat awam
141. Pendengaran rayuan
142. Pendengaran oleh anggota tunggal
143. Penzahiran kepentingan
144. Pengetepian bidang kuasa mahkamah
145. Notis rayuan dan pendengaran
146. Rundingan bagi penyelesaian
147. Perwakilan semasa pendengaran
148. Keterangan
149. Tribunal boleh meminta maklumat
150. Keputusan
151. Keputusan dan penyelesaian hendaklah direkodkan secara bertulis
152. Keputusan Tribunal adalah muktamad
153. Pemberesan rayuan
154. Rujukan persoalan undang-undang kepada Mahkamah Tinggi
155. Rayuan lanjutan
156. Tribunal hendaklah menerima pakai tatacara
157. Tidak mengikut bentuk
158. Peruntukan yang berhubungan dengan kos dan perbelanjaan
159. Pelupusan dokumen, dsb.
160. Tindakan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati

BAHAGIAN XIV

KAWASAN DITETAPKAN

161. Tafsiran
162. Pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat dalam atau antara kawasan ditetapkan
163. Barang atau perkhidmatan yang diimport ke dalam atau dibekalkan dari kawasan ditetapkan
164. Pembekalan barang atau perkhidmatan dalam Malaysia
165. Perisytiharan barang yang dibekalkan dari kawasan ditetapkan ke Malaysia
166. Pemungutan cukai di kawasan ditetapkan
167. Kuasa Menteri untuk mengenakan cukai

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN XV

PELBAGAI

Fasal

168. Kuasa untuk mengambil sampel
169. Orang yang terikat untuk mengemukakan barang atau memberikan maklumat, dsb.
170. Penggunaan perkhidmatan elektronik
171. Penyampaian notis
172. Pengesahan notis, dsb.
173. Bayaran pos percuma
174. Ejen cukai
175. Ganjaran
176. Borang yang hendaklah digunakan
177. Kuasa Ketua Pengarah untuk mengenakan fi
178. Pemakaian perundangan Kastam
179. Perlindungan Kerajaan daripada liabiliti
180. Perlindungan pegawai cukai barang dan perkhidmatan daripada liabiliti
181. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

BAHAGIAN XVI

PEMANSUHAN DAN KECUALIAN AKTA CUKAI JUALAN 1972

182. Pemansuhan dan kecualian Akta Cukai Jualan 1972
183. Pemberian penyata bagi tempoh bercukai yang terakhir
184. Pembayaran cukai jualan bagi orang tidak berdaftar

BAHAGIAN XVII

PEMANSUHAN DAN KECUALIAN AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

185. Pemansuhan dan kecualian Akta Cukai Perkhidmatan 1975
186. Pemberian penyata bagi tempoh bercukai yang terakhir

BAHAGIAN XVIII

PERUNTUKAN PERALIHAN

Fasal

187. Pembayaran, invois dan pengimportan sebelum tarikh ditetapkan
188. Pendaftaran sebelum tarikh ditetapkan
189. Kesan ke atas cukai jualan dan cukai perkhidmatan
190. Nilai bekalan barang dan perkhidmatan
191. Kontrak tanpa peluang untuk dikaji semula
192. Bekalan berperingkat atau berkala
193. Hak yang diberikan sepanjang hayat
194. Pembayaran balik cukai jualan bagi barang dalam pegangan
195. Tuntutan bagi pembayaran balik khas
196. Mengimbangi cukai jualan belum bayar atau penalti terhadap pembayaran balik khas
197. Pelarasan bagi potongan cukai jualan yang dibuat di bawah seksyen 31B Akta Cukai Jualan 1972
198. Perjanjian pembinaan yang dibuat sebelum tarikh ditetapkan
199. Bayaran tahanan
200. Baucar yang tidak ditebus
201. Pembekalan daripada mesin yang dikendalikan oleh syiling, token, dsb.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan dan pemungutan cukai barang dan perkhidmatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa bahagian yang berlainan atau peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ini” termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“balasan” berhubung dengan pembekalan barang atau perkhidmatan kepada mana-mana orang, termasuklah apa-apa bayaran yang dibuat atau hendaklah dibuat, sama ada dalam bentuk wang atau selainnya, atau apa-apa perbuatan atau perbuatan menahan diri, sama ada secara sukarela atau tidak, berkenaan dengan, gerak balas kepada, atau bagi mendorong, pembekalan barang atau perkhidmatan, sama ada oleh orang itu atau mana-mana orang lain:

Dengan syarat bahawa suatu deposit, sama ada boleh dibayar balik atau tidak, yang diberikan berkenaan dengan pembekalan barang atau perkhidmatan tidak boleh dianggap sebagai bayaran yang dibuat bagi pembekalan itu melainkan jika pembekal menggunakan deposit itu sebagai balasan bagi pembekalan itu;

“barang” ertinya apa-apa jenis harta alih dan tak alih tetapi tidaklah termasuk wang kecuali—

- (a) wang kertas atau syiling sebelum ia menjadi sah diperlakukan di Malaysia atau di mana-mana negara lain; atau
- (b) item yang digemari pengumpul, artikel pelaburan atau item yang bernilai numismatik;

“cukai” ertinya cukai barang dan perkhidmatan;

“cukai input” ertinya—

- (a) apa-apa cukai ke atas apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan kepada orang kena cukai; dan
- (b) apa-apa cukai yang dibayar atau hendaklah dibayar oleh orang kena cukai ke atas apa-apa pengimportan barang,

dan barang atau perkhidmatan itu digunakan atau akan digunakan bagi maksud apa-apa perniagaan yang dijalankan atau akan dijalankan oleh orang kena cukai itu:

Dengan syarat bahawa jika barang atau perkhidmatan itu digunakan atau akan digunakan sebahagiannya bagi maksud apa-apa perniagaan yang dijalankan atau akan dijalankan oleh orang kena cukai dan sebahagiannya bagi maksud lain, cukai ke atas pembekalan dan pengimportan hendaklah diagihkan supaya hanya sebanyak yang berkaitan dengan maksud perniagaannya dikira sebagai cukai inputnya;

“cukai output” ertinya apa-apa cukai ke atas apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh orang kena cukai dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya di Malaysia;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“dokumen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

“duti eksais” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Eksais 1976 [*Akta 176*];

“duti kastam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

“elektronik” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 5 Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 [*Akta 680*];

“import” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967;

“invois” termasuklah apa-apa dokumen yang serupa dengan suatu invois;

“invois cukai” ertinya suatu invois yang dikehendaki supaya dikeluarkan oleh orang kena cukai di bawah seksyen 33;

“kawalan eksais” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Eksais 1976;

“kawalan kastam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967;

“kawasan ditetapkan” ertinya Labuan, Langkawi atau Tioman;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Kastam 1967;

“komputer” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Jenayah Komputer 1997 [*Akta 563*];

“Labuan” ertinya Pulau Labuan dan pulau takluknya, iaitu, Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burong, Papan dan Daat;

“Langkawi” ertinya Pulau Langkawi dan semua pulau yang berdampingan dan terletak lebih hampir dengan Pulau Langkawi berbanding dengan tanah besar;

“Malaysia” ertinya wilayah-wilayah dalam Persekutuan Malaysia, perairan wilayah Malaysia dan dasar laut dan tanah bawah perairan wilayah itu, dan termasuklah mana-mana kawasan yang melangkaui had wilayah perairan Malaysia, dan dasar laut dan tanah bawah mana-mana kawasan sedemikian, yang telah atau mungkin selepas ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia sebagai kawasan yang terhadapnya Malaysia mempunyai hak kedaulatan bagi maksud menjelajah dan mengeksplorasi sumber semula jadi, sama ada yang berupa hidupan atau bukan hidupan;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“notis elektronik” ertinya apa-apa dokumen yang dihantar oleh pengguna berdaftar dengan cara perkhidmatan elektronik;

“orang berdaftar” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah Bahagian IV;

“orang kena cukai” ertinya mana-mana orang yang atau yang bertanggungjawab untuk didaftarkan di bawah Akta ini;

“pegawai cukai barang dan perkhidmatan” ertinya mana-mana pegawai kastam yang bertindak dalam menjalankan kewajibannya di bawah Akta ini, sama ada kewajipan itu diberikan kepadanya secara khusus atau am, atau secara nyata atau tersirat;

“pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan” ertinya—

- (a) mana-mana pegawai kanan kastam sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967; atau
- (b) mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan yang diberi kuasa seorang pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan di bawah seksyen 5;

“pegawai kastam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967;

“pembekalan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 4;

“pembekalan bercukai” ertinya suatu pembekalan barang atau perkhidmatan, selain pembekalan dikecualikan tetapi termasuklah pembekalan berkadar sifar;

“pembekalan berkadar sifar” ertinya suatu pembekalan berkadar sifar di bawah seksyen 17;

“pembekalan dikecualikan” ertinya suatu pembekalan dikecualikan yang ditentukan di bawah seksyen 18;

“pemunya” —

- (a) berkenaan dengan barang, termasuklah mana-mana orang yang merupakan atau yang mengemukakan dirinya sebagai pemunya, atau orang yang memiliki, atau yang berkepentingan secara benefisial dalam, atau mempunyai apa-apa kawalan ke atas, atau kuasa melupuskan, barang itu;
- (b) berkenaan dengan sesuatu vesel, termasuklah mana-mana orang yang bertindak sebagai seorang ejen bagi pemunya vesel itu atau yang menerima tambang muatan atau caj-caj lain yang kena dibayar berkenaan dengan vesel itu;

“pengangkut” termasuklah apa-apa vesel, kereta api, kenderaan, pesawat udara atau apa-apa cara pengangkutan lain yang boleh mengangkut orang atau barang;

“perkhidmatan” ertinya apa-apa yang dilakukan atau hendak dilakukan termasuk pemberian, peletakhakan atau penyerahan apa-apa hak atau penyediaan apa-apa kemudahan atau faedah tetapi tidak termasuk pembekalan barang atau wang;

“perkhidmatan diimport” ertinya apa-apa perkhidmatan oleh pembekal yang tempatnya di suatu negara selain Malaysia atau yang menjalankan perniagaan di luar Malaysia, kepada penerima yang tempatnya di Malaysia, dan perkhidmatan itu digunakan di Malaysia;

“perkhidmatan elektronik” ertinya perkhidmatan yang disediakan oleh Ketua Pengarah kepada pengguna berdaftar di bawah seksyen 170;

“perkiraan” ertinya apa-apa perjanjian, kontrak, pelan, persefahaman, skim, amanah, pemberian, waad, pelupusan atau transaksi dan termasuklah segala langkah yang melaluinya ia dilaksanakan;

“perniagaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3;

“surcaj” berkenaan dengan apa-apa kemungkiran membayar apa-apa ansuran, ertinya caj yang terakru di bawah subseksyen 52(3);

“tambahan kadar rata” ertinya tambahan kadar rata yang ditetapkan di bawah seksyen 75;

“tarikh ditetapkan” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* bagi permulaan kuat kuasa seksyen 9 dan Bahagian XVI dan XVII;

“tempat tinggal biasa” ertinya—

- (a) berhubungan dengan pertubuhan perbadanan, tempat yang perbadanan itu diperbadankan atau selainnya ditubuhkan di sisi undang-undang;
- (b) berhubungan dengan pertubuhan orang bukan perbadanan, tempat yang perbadanan itu mempunyai pusat pentadbirannya;
- (c) berhubungan dengan individu, tempat yang dia biasa tinggal;

“tempoh bercukai” ertinya apa-apa kategori tempoh bercukai yang diberikan oleh Ketua Pengarah kepada setiap orang kena cukai di bawah seksyen 40;

“Tioman” ertinya Pulau Tioman dan pulau-pulau Soyak, Rengis, Tumok, Tulai, Chebeh, Labas, Sepoi dan Jahat;

“wang” termasuklah mata wang sama ada mata wang Malaysia atau mana-mana negara lain.

Pengertian “perniagaan”

3. (1) Dalam Akta ini, “perniagaan” termasuklah apa-apa tred, perdagangan, profesion, pekerjaan atau apa-apa aktiviti serupa yang lain, sama ada bagi keuntungan wang atau tidak.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan apa-apa yang lain dalam Akta ini, yang berikut adalah disifatkan sebagai menjalankan suatu perniagaan:

- (a) kemudahan atau manfaat yang tersedia kepada anggota-anggotanya atau pemilik petaknya, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh sesuatu kelab, persatuan, pertubuhan, perbadanan pengurusan, badan pengurusan bersama atau organisasi (bagi suatu yuran atau balasan lain); dan
- (b) penerimaan masuk seseorang ke mana-mana premis bagi suatu balasan.

(3) Apa-apa yang dilakukan berkaitan dengan penamatan atau penamatan yang diniatkan sesuatu perniagaan dikira sebagai telah dilakukan dalam perjalanan atau penerusan perniagaan itu.

(4) Tertakluk kepada Jadual Kedua, pelupusan apa-apa perniagaan sebagai suatu usaha berterusan, atau aset atau tanggungannya (sama ada atau tidak berkaitan dengan penstrukturan semula atau penggulungannya atau tidak), ialah suatu pembekalan yang dibuat dalam perjalanan atau penerusan perniagaan itu.

(5) Jika mana-mana orang, dalam menjalankan apa-apa tred, perdagangan, profesion, pekerjaan atau apa-apa aktiviti serupa yang lain menerima apa-apa jawatan, apa-apa perkhidmatan yang dibekalkan oleh orang itu sebagai pemegang jawatan hendaklah dikira sebagai dibekalkan dalam perjalanan atau penerusan tred, perdagangan, profesion, pekerjaan atau apa-apa aktiviti serupa yang lain itu.

Pengertian “pembekalan”

4. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), “pembekalan” ertinya semua bentuk pembekalan, termasuk pembekalan perkhidmatan diimport, dilakukan bagi suatu balasan dan apa-apa yang bukan pembekalan barang tetapi dilakukan bagi suatu balasan ialah suatu pembekalan perkhidmatan.

(2) Perkara yang hendaklah dikira sebagai suatu pembekalan barang atau suatu pembekalan perkhidmatan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Perkara yang hendaklah dikira sebagai bukan suatu pembekalan barang mahupun suatu pembekalan perkhidmatan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(4) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua.

(5) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subsekyen (4) hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Ketua Pengarah dan pegawai lain dan tanggungjawab mereka

5. (1) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai pengawasan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan cukai barang dan perkhidmatan, tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri.

(2) Tertakluk kepada arahan dan penyeliaan am Ketua Pengarah, pegawai kastam yang berpangkat Penguasa atau apa-apa pangkat yang lebih tinggi daripada pangkat Penguasa hendaklah mempunyai dan menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah Akta ini selain yang diberikan oleh seksyen 8, 63, 77, 78, 176 dan 177.

(3) Mana-mana orang selain pegawai kastam boleh dilantik oleh atau diambil kerja dengan persetujuan Ketua Pengarah bagi apa-apa tugas atau perkhidmatan yang berhubungan dengan cukai barang dan perkhidmatan dan orang itu hendaklah disifatkan sebagai pegawai cukai barang dan perkhidmatan.

(4) Ketua Pengarah boleh, melalui pemberikuasaan secara bertulis, memberi mana-mana pegawai yang bukan pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan semua atau mana-mana kuasa pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi sembilan puluh hari berkenaan dengan mana-mana satu pemberikuasaan.

(5) Mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan hendaklah mempunyai semua kewajipan dan kuasa untuk menguatkuasakan dan memastikan pematuhan sewajarnya peruntukan Akta ini.

Pengiktirafan jawatan

6. (1) Tiap-tiap pegawai cukai barang dan perkhidmatan apabila melaksanakan kewajipannya hendaklah, apabila diminta oleh mana-mana orang, mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kad kuasa atau lencana yang ditetapkan di bawah seksyen 8A Akta Kastam 1967 kepada orang itu atau dalam hal mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan yang bukan pegawai kastam, apa-apa kad kuasa lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan untuk mematuhi apa-apa permintaan, tuntutan atau perintah yang dibuat oleh mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan yang bertindak atau yang berupa sebagai bertindak di bawah Akta ini jika pegawai itu enggan untuk mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kad kuasa atau lencananya apabila diminta berbuat demikian oleh orang itu.

(3) Mana-mana orang, yang bukan pegawai cukai barang dan perkhidmatan, yang secara tidak sah di sisi undang-undang memakai, menggunakan, memiliki atau mempamerkan, melainkan dalam perjalanan suatu pertunjukan pentas atau persembahan teater, apa-apa kad kuasa atau lencana yang disebut dalam subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pegawai hendaklah menjadi penjawat awam

7. Semua pegawai cukai barang dan perkhidmatan hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kerahsiaan maklumat

8. (1) Tiap-tiap orang, yang mempunyai apa-apa kewajipan rasmi atau yang dilantik atau yang diambil kerja di bawah Akta ini, hendaklah menganggap dan menguruskan semua dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan yang berhubungan dengan perniagaan, nilai pembekalan barang atau perkhidmatan oleh mana-mana orang kena cukai atau nilai barang yang diimport sebagai rahsia.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (4), tiap-tiap orang yang mempunyai milikan atau kawalan ke atas apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan atau salinannya yang berhubungan dengan perniagaan atau nilai pembekalan barang atau perkhidmatan mana-mana orang kena cukai atau nilai barang yang diimport, yang pada bila-bila masa, melainkan bagi maksud Akta ini atau dengan kuasa nyata Ketua Pengarah—

- (a) menyampaikan atau cuba untuk menyampaikan maklumat itu atau apa-apa yang terkandung dalam dokumen, penyata atau perisytiharan itu atau salinannya kepada mana-mana orang; atau
- (b) membiarkan atau membenarkan mana-mana orang untuk mempunyai akses kepada apa-apa maklumat itu atau kepada apa-apa yang terkandung dalam dokumen, penyata atau perisytiharan itu atau salinannya,

melakukan suatu kesalahan.

(3) Tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa kewajipan rasmi atau yang dilantik atau yang diambil kerja di bawah Akta ini atau yang disebut dalam subseksyen (4) dikehendaki untuk mengemukakan dalam apa-apa perkara atau prosiding dalam mana-mana mahkamah atau tribunal apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan atau untuk mendedahkan atau menyampaikan dalam perkara atau prosiding itu, apa-apa perkara atau benda, yang dibawa kepada pengetahuannya dalam pelaksanaan kewajibannya di bawah Akta ini, kecuali sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini atau bagi memulakan suatu pendakwaan atau dalam perjalanan suatu pendakwaan bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini.

(4) Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, menghantar atau menyampaikan apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan yang disebut dalam subseksyen (1) atau apa-apa yang terkandung dalamnya, kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri atau Ketua Perangkaan yang boleh dikehendaki dalam melaksanakan kewajipan rasminya.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), Menteri boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, membenarkan Ketua Pengarah untuk menghantar atau menyampaikan apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan yang disebut dalam subseksyen (1) atau apa-apa yang terkandung dalamnya kepada mana-mana orang lain.

BAHAGIAN III

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

Pengenaan dan skop cukai barang dan perkhidmatan

9. (1) Suatu cukai, yang dikenali sebagai cukai barang dan perkhidmatan, hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas—

(a) apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat di Malaysia, termasuk apa-apa yang dikira sebagai suatu pembekalan di bawah Akta ini; dan

(b) apa-apa pengimportan barang ke Malaysia.

(2) Cukai hendaklah dikenakan ke atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat di Malaysia jika ia suatu pembekalan bercukai yang dibuat oleh orang kena cukai dalam perjalanan atau penerusan apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya.

(3) Cukai yang dikenakan ke atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan ialah tanggungan orang yang membuat bekalan itu dan tertakluk kepada Bahagian V, menjadi genap masa dan kena dibayar pada masa pembekalan.

(4) Cukai ke atas apa-apa pengimportan barang ke Malaysia hendaklah dikenakan, dilevikan dan kena dibayar seolah-olah ia suatu duti kastam atau duti eksais dan seolah-olah barang yang diimport itu adalah berduti dan boleh dikenakan duti kastam atau duti eksais.

(5) Bagi maksud Akta ini, “pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat di Malaysia” hendaklah dikira sebagai barang atau perkhidmatan yang dibekalkan di Malaysia.

Kadar cukai

10. (1) Cukai hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang ditetapkan di bawah seksyen ini ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan atau ke atas pengimportan barang dengan merujuk kepada nilai pembekalan atau pengimportan sebagaimana yang ditentukan di bawah Akta ini.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) menetapkan kadar cukai yang akan dikenakan ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan atau ke atas pengimportan barang; dan
- (b) mengubah atau meminda kadar cukai yang ditetapkan di bawah perenggan (a).

(3) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah, pada mesyuarat Dewan Rakyat yang berikutnya dibentangkan di Dewan Rakyat dan hendaklah, apabila habis tempoh satu ratus dua puluh hari dari tarikh perintah itu dibentangkan atau dari apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diarahkan oleh Dewan Rakyat melalui ketetapan, terhenti berkuat kuasa jika dan setakat yang ia tidak disahkan oleh ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh satu ratus dua puluh hari itu atau, jika tempoh itu telah dilanjutkan, dalam apa-apa tempoh yang dilanjutkan itu.

(4) Jika suatu perintah terhenti berkuat kuasa secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (3), apa-apa cukai yang telah dikenakan dan dilevikan menurut perintah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi apa-apa bahagian perintah itu yang terhenti berkuat kuasa hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6), kena dibayar balik kepada orang yang membayar cukai itu.

(5) Melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya, tiada cukai yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (4) boleh dibayar balik, melainkan jika orang yang membayar cukai itu membuat tuntutan secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh satu tahun dari tarikh perintah itu terhenti berkuat kuasa secara keseluruhannya atau sebahagiannya dan tuntutan itu hendaklah mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(6) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau menolak apa-apa cukai yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (4) setakat yang pembayaran balik itu akan secara tidak patut mengayakan orang yang membayar cukai itu.

Masa pembekalan

11. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai dalam menentukan masa pembekalan barang atau perkhidmatan bagi maksud mengenakan cukai kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (4), (5), (6) dan (7), masa pembekalan barang hendaklah—

- (a) pada masa pengalihan barang itu jika barang itu hendak dialihkan;
- (b) pada masa barang itu tersedia kepada orang yang barang itu dibekalkan kepadanya jika barang itu tidak dialihkan;
- (c) jika barang, yang dihantar atau diambil dengan kelulusan atau jualan atau dipulangkan atau terma yang serupa dengannya, dialihkan sebelum diketahui sama ada pembekalan bercukai akan berlaku, pada masa ia menjadi pasti bahawa pembekalan bercukai itu telah berlaku atau dua belas bulan selepas pengalihan itu, mengikut yang mana-mana terdahulu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), (5), (6) dan (8), masa pembekalan perkhidmatan hendaklah pada masa perkhidmatan itu dilaksanakan.

(4) Jika, sebelum masa yang terpakai di bawah subseksyen (2) atau (3), orang yang membuat pembekalan mengeluarkan suatu invoice cukai berkenaan dengan pembekalan itu atau jika, sebelum masa yang terpakai di bawah perenggan (2)(a) atau (b) atau subseksyen (3), dia menerima pembayaran berkenaan dengan pembekalan itu, pembekalan itu hendaklah, setakat yang diliputi oleh invoice atau pembayaran itu, dikira sebagai berlaku pada masa invoice itu dikeluarkan atau pembayaran itu diterima, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau mengikut yang mana-mana terdahulu.

(5) Jika, dalam tempoh dua puluh satu hari selepas masa yang terpakai di bawah subseksyen (2) atau (3), orang yang membuat pembekalan mengeluarkan suatu invoice cukai berkenaan dengan pembekalan itu, maka, pembekalan itu hendaklah, setakat yang pembekalan itu tidak dikira sebagai berlaku pada masa yang disebut dalam subseksyen (4) hendaklah dikira sebagai berlaku pada masa invoice itu dikeluarkan.

(6) Atas permintaan yang dibuat secara bertulis oleh orang kena cukai, Ketua Pengarah boleh secara bertulis, sebagaimana yang difikirkannya patut, mengubah masa pembekalan yang dibuat oleh orang kena cukai dikira sebagai telah berlaku.

(7) Jika ada pembekalan barang semata-mata oleh sebab pindah hakmilik atau pelupusan aset perniagaan di bawah subperenggan 4(1) Jadual Pertama, masa pembekalan ialah pada masa barang itu dipindah hakmilik atau dilupuskan.

(8) Jika ada pembekalan perkhidmatan semata-mata menurut kuasa subperenggan 4(3) Jadual Pertama, masa pembekalan ialah pada masa barang itu diuntukkan bagi penggunaan yang disebut dalam subperenggan itu.

(9) Walau apa pun subseksyen (1), (2), (3), (4), (5), (6), (7) dan (8), jika ada—

- (a) pembekalan barang atau perkhidmatan bagi suatu balasan yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditentukan atau kena dibayar secara berkala, atau dari semasa ke semasa, atau pada akhir apa-apa tempoh;
- (b) pembekalan barang bagi suatu balasan yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditentukan pada masa barang itu diuntukkan bagi apa-apa maksud;
- (c) pembekalan perkhidmatan menurut kuasa subperenggan 4(3) Jadual Pertama bagi suatu tempoh masa;
- (d) pembekalan barang atau perkhidmatan di bawah apa-apa hal keadaan yang ditetapkan,

masa yang pembekalan itu dibuat dalam perjalanan atau penerusan apa-apa perniagaan di Malaysia hendaklah ditentukan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(10) Bagi mana-mana hal yang disebut dalam subseksyen (9), peraturan-peraturan itu boleh memperuntukkan supaya barang atau perkhidmatan itu dikira sebagai dibekalkan secara berasingan dan berturutan pada masa atau lat tempoh yang ditetapkan.

Tempat pembekalan

12. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai untuk menentukan, bagi maksud untuk mengenakan cukai, sama ada barang atau perkhidmatan dibekalkan di Malaysia.

(2) Jika pembekalan apa-apa barang melibatkan pengalihannya dari suatu tempat di Malaysia ke suatu tempat yang lain di Malaysia, barang itu hendaklah dikira sebagai dibekalkan di Malaysia jika barang itu berada di Malaysia dan jika pembekalan barang itu melibatkan pengalihannya dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat yang lain di luar Malaysia, barang itu hendaklah dikira sebagai dibekalkan di luar Malaysia.

(3) Jika pembekalan apa-apa barang melibatkan pengalihannya dari suatu tempat di Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia, barang itu hendaklah dikira sebagai dibekalkan di Malaysia dan jika pembekalan barang itu melibatkan pengalihannya dari suatu tempat di luar Malaysia ke suatu tempat di Malaysia, barang itu hendaklah dikira sebagai dibekalkan di luar Malaysia.

(4) Suatu pembekalan perkhidmatan hendaklah disifatkan sebagai dibuat—

(a) di Malaysia jika pembekalnya berada di Malaysia; dan

(b) di negara yang lain, jika pembekalnya berada di negara yang lain itu.

Pembekalan perkhidmatan diimport

13. (1) Jika perkhidmatan diimport, yang merupakan suatu pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia, dibekalkan kepada seseorang (kemudian daripada ini disebut “penerima”) bagi maksud apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya, pembekalan itu hendaklah dikira sebagai suatu pembekalan kepada dan oleh penerima dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya, dan pembekalan itu ialah pembekalan bercukai.

(2) Jika penerima ialah orang kena cukai, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai baginya mengenai pembekalan perkhidmatan diimport itu.

(3) Jika cukai genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (1) dan penerima ialah seseorang yang selain orang kena cukai, dia hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas pembekalan perkhidmatan diimport itu.

(4) Walau apa pun seksyen 11 dan bagi maksud subseksyen (1), masa pembekalan perkhidmatan diimport hendaklah, setakat yang diliputi oleh apa-apa pembayaran oleh penerima, hendaklah dikira sebagai dibuat apabila bekalan itu dibayar.

Tempat beradanya pembekal atau penerima perkhidmatan

14. (1) Pembekal perkhidmatan hendaklah dikira sebagai berada di sesuatu negara jika—

- (a) dia mempunyai suatu establismen perniagaan atau establismen tetap di negara itu dan tiada establismen sedemikian di tempat lain;
- (b) dia tidak mempunyai establismen sedemikian di mana-mana negara tetapi tempat tinggal biasanya ialah di negara itu; atau
- (c) dia mempunyai establismen sedemikian di kedua-dua negara itu dan di tempat lain dan establismennya yang paling berkaitan secara langsung dengan pembekalan itu ialah di negara itu.

(2) Penerima perkhidmatan hendaklah dikira sebagai berada di sesuatu negara jika—

- (a) dia mempunyai tempat tinggal biasanya di negara itu jika pembekalan itu dibuat kepadanya sebagai seorang individu dan dia menerimanya selain bagi maksud apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya; dan
- (b) jika perenggan (a) tidak terpakai—
 - (i) dia mempunyai suatu establismen perniagaan atau establismen tetap di negara itu dan tiada establismen sedemikian di tempat lain;
 - (ii) dia tidak mempunyai establismen sedemikian di mana-mana negara tetapi tempat tinggal biasanya ialah di negara itu; atau
 - (iii) dia mempunyai establismen sedemikian di kedua-dua negara itu dan di tempat lain dan establismennya di mana, atau bagi maksud yang baginya, perkhidmatan itu paling digunakan atau akan digunakan secara langsung ialah di negara itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, suatu establismen tetap di mana-mana negara termasuklah suatu cawangan atau ejensi yang melaluinya seseorang menjalankan suatu perniagaan di negara itu.

Nilai pembekalan barang atau perkhidmatan

15. (1) Tertakluk kepada Jadual Ketiga, nilai apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan hendaklah ditentukan mengikut seksyen ini.

(2) Jika pembekalan ialah bagi suatu balasan wang, nilai pembekalan itu hendaklah diambil sebagai suatu amaun, dengan tambahan cukai yang dikenakan, yang bersamaan dengan balasan itu.

(3) Jika pembekalan ialah bagi suatu balasan bukan wang, nilai pembekalan itu hendaklah diambil sebagai nilai pasaran terbuka bagi balasan itu.

(4) Jika pembekalan ialah bagi suatu balasan yang bukan keseluruhannya wang, nilai pembekalan itu hendaklah diambil sebagai suatu amaun, dengan tambahan cukai yang dikenakan, yang bersamaan dengan agregat—

(a) setakat yang pembekalan itu ialah bagi suatu balasan wang, amaun wang itu; dan

(b) setakat yang pembekalan itu bukan bagi balasan wang, nilai pasaran terbuka bagi balasan itu.

(5) Jika pembekalan bukan bagi suatu balasan, nilai pembekalan itu hendaklah diambil sebagai nilai pasaran terbuka bagi pembekalan itu.

(6) Jika pembekalan ialah bukan semata-mata perkara yang dengannya suatu balasan wang adalah berhubungan, pembekalan itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian balasan sebagaimana yang balasan itu boleh dikaitkan dengan sewajarnya dengan pembekalan itu.

(7) Bagi maksud seksyen ini, nilai pembekalan barang termasuklah duti eksais yang dibayar atau yang hendaklah dibayar jika terpakai.

(8) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Ketiga dan memperuntukkan bagi penentuan nilai pembekalan selain mengikut seksyen ini.

(9) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (8) hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Nilai barang yang diimport

16. Nilai barang yang diimport ke Malaysia hendaklah jumlah amaun yang berikut, iaitu—

- (a) nilai barang bagi maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967;
- (b) amaun duti kastam, jika ada, yang dibayar atau yang hendaklah dibayar ke atas barang itu; dan
- (c) amaun duti eksais, jika ada, yang dibayar atau yang hendaklah dibayar ke atas barang itu.

Pembekalan berkadar sifar

17. (1) Pembekalan berkadar sifar ialah—

- (a) apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang ditentukan sebagai suatu pembekalan berkadar sifar oleh Menteri di bawah subseksyen (4); dan
- (b) apa-apa pembekalan barang jika barang itu dieksport.

(2) Jika orang kena cukai membekalkan barang atau perkhidmatan dan pembekalan itu ialah berkadar sifar, sama ada cukai akan dikenakan ke atas pembekalan selain seksyen ini atau tidak, tiada cukai boleh dikenakan ke atas pembekalan itu.

(3) Pembekalan yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah, dalam apa-apa hal lain, dikira sebagai suatu pembekalan bercukai dan kadar yang cukai itu dikira sebagai dikenakan ke atas pembekalan itu hendaklah sifar peratus.

(4) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menentukan apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan di Malaysia sebagai suatu pembekalan berkadar sifar.

(5) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4) hendaklah, pada mesyuarat Dewan Rakyat yang berikutnya, dibentangkan di Dewan Rakyat dan hendaklah, apabila habis tempoh satu ratus dua puluh hari dari tarikh perintah itu dibentangkan atau dari apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diarahkan oleh Dewan Rakyat melalui ketetapan, terhenti berkuat kuasa jika dan setakat yang ia tidak disahkan oleh ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh satu ratus dua puluh hari tersebut atau, jika tempoh itu telah dilanjutkan, dalam apa-apa tempoh yang dilanjutkan itu.

(6) Jika suatu perintah terhenti berkuat kuasa secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (5), apa-apa cukai yang telah dikenakan dan dilevikan menurut perintah itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi apa-apa bahagian perintah itu yang terhenti berkuat kuasa hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (7) dan (8), kena dibayar balik kepada orang yang membayar cukai itu.

(7) Melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya, tiada cukai yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (6) boleh dibayar balik, melainkan jika orang yang membayar cukai itu membuat tuntutan secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh satu tahun dari tarikh perintah itu terhenti berkuat kuasa secara keseluruhannya atau sebahagiannya dan tuntutan itu hendaklah mengandungi apa-apa butir yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(8) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau menolak apa-apa cukai yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (6) setakat yang pembayaran balik itu akan secara tidak patut mengayakan orang yang membayar cukai itu.

(9) Jika apa-apa barang yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4) diimport ke Malaysia, tiada cukai boleh dikenakan ke atas pengimportannya.

(10) Jika apa-apa barang dikatakan telah atau hendak dieksport dan pembekalan barang itu ialah suatu pembekalan berkadar sifar, yang bukan barang berkadar sifar jika dibekalkan bagi kegunaan tempatan dan—

(a) barang itu didapati di Malaysia selepas tarikh yang barang itu dikatakan telah atau hendak dieksport; dan

- (b) kewujudan barang itu di Malaysia selepas tarikh itu tidak diluluskan oleh Ketua Pengarah,

cukai yang sepatutnya dikenakan ke atas pembekalan itu tetapi jika tidak kerana berkadaran sifar hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar serta-merta oleh pembekal atau oleh mana-mana orang yang dalam milikannya barang itu didapati di Malaysia dan barang itu boleh disita di bawah Akta ini.

Pembekalan dikecualikan

18. (1) Pembekalan dikecualikan ialah pembekalan apa-apa barang atau perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah seksyen 9.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menentukan apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan di Malaysia sebagai suatu pembekalan dikecualikan.

(3) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah, pada mesyuarat Dewan Rakyat yang berikutnya, dibentangkan di Dewan Rakyat dan hendaklah, apabila habis tempoh satu ratus dua puluh hari dari tarikh perintah itu dibentangkan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diarahkan oleh Dewan Rakyat melalui ketetapan, terhenti berkuat kuasa jika dan setakat yang ia tidak disahkan oleh ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh satu ratus dua puluh hari itu atau, jika tempoh itu telah dilanjutkan, dalam apa-apa tempoh yang dilanjutkan itu.

(4) Jika suatu perintah terhenti berkuat kuasa secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (3), apa-apa cukai yang dikenakan dan dilevikan menurut perintah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi apa-apa bahagian perintah itu yang terhenti berkuat kuasa hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6), kena dibayar balik kepada orang yang membayar cukai itu.

(5) Melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya, tiada cukai yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (4) boleh dibayar balik, melainkan jika orang yang membayar cukai itu membuat tuntutan secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh

satu tahun dari tarikh perintah itu terhenti berkuat kuasa secara keseluruhannya atau sebahagiannya dan tuntutan itu hendaklah mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(6) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau menolak apa-apa cukai yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (4) setakat yang pembayaran balik itu akan secara tidak patut mengayakan orang yang membayar cukai itu.

(7) Jika apa-apa barang yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) diimport ke Malaysia, tiada cukai boleh dikenakan ke atas pengimportannya.

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN

Pendaftaran orang kena cukai

19. (1) Pendaftaran orang kena cukai di bawah Akta ini hendaklah mengikut peruntukan Bahagian ini dan mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Dalam Bahagian ini—

- (a) sebutan mengenai pembekalan ialah sebutan mengenai pembekalan yang dibuat dalam perjalanan atau penerusan perniagaan;
- (b) sebutan mengenai nilai suatu pembekalan barang atau perkhidmatan ialah sebutan mengenai nilai yang ditentukan atas asas bahawa tiada cukai boleh dikenakan ke atas pembekalan atau tiada tambahan kadar rata dimasukkan dalam balasan bagi pembekalan itu.

Tanggungjawab untuk berdaftar

20. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menyatakan amaran pembekalan bercukai untuk melaksanakan peruntukan seksyen ini.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6), mana-mana orang yang tidak berdaftar yang membuat apa-apa pembekalan bercukai adalah bertanggung untuk berdaftar—

- (a) pada akhir mana-mana bulan, jika jumlah nilai bagi semua pembekalan bercukainya dalam bulan itu dan sebelas bulan sebaik sebelum bulan itu telah melebihi amaun pembekalan bercukai yang ditentukan di bawah subseksyen (1); atau
- (b) pada akhir mana-mana bulan, jika ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa jumlah nilai bagi semua pembekalan bercukainya dalam bulan itu dan sebelas bulan sebaik selepas bulan itu akan melebihi amaun pembekalan bercukai yang ditentukan di bawah subseksyen (1).

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6), jika apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh mana-mana orang kena cukai dipindahkan kepada orang yang lain sebagai usaha berterusan di bawah seksyen 69 dan penerima pindahan itu tidak berdaftar pada masa pemindahan itu, penerima pindahan itu adalah bertanggung untuk berdaftar pada masa itu jika—

- (a) jumlah nilai bagi semua pembekalan bercukainya dalam tempoh dua belas bulan sebaik sebelum masa pemindahan itu telah melebihi amaun pembekalan bercukai yang ditentukan di bawah subseksyen (1); atau
- (b) ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa jumlah nilai bagi semua pembekalan bercukainya dalam tempoh dua belas bulan yang bermula dari masa pemindahan itu akan melebihi amaun pembekalan bercukai yang ditentukan di bawah subseksyen (1).

(5) Dalam menentukan nilai pembekalan mana-mana orang bagi maksud perenggan (3)(a) dan (4)(a), apa-apa pembekalan yang dibuat pada masa dia berdaftar sebelumnya tidaklah boleh diambil kira jika—

- (a) pendaftarannya dibatalkan selain di bawah subseksyen 26(3); dan
- (b) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa sebelum pendaftarannya dibatalkan, dia telah memberikan segala maklumat yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah bagi tujuan untuk menentukan sama ada untuk membatalkan pendaftaran itu.

(6) Dalam menentukan nilai pembekalan mana-mana orang bagi maksud subseksyen (3) dan (4), pembekalan yang berikut hendaklah dikecualikan:

- (a) pembekalan barang yang merupakan aset modal perniagaan yang dalam perjalanan atau penerusannya barang itu dibekalkan atau akan dibekalkan;
- (b) pembekalan perkhidmatan diimport;
- (c) pembekalan yang dibuat menurut Skim Penggudangan di bawah seksyen 71; dan
- (d) pembekalan yang dibuat di dalam atau di antara kawasan ditetapkan di bawah seksyen 162.

(7) Mana-mana orang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah subseksyen (3) atau (4) tetapi tidak berdaftar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pemberitahuan tanggungan dan pendaftaran

21. (1) Seseorang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah subseksyen 20(3) hendaklah memberitahu Ketua Pengarah tentang tanggungan itu dengan memohon untuk didaftarkan dalam borang yang ditetapkan dalam tempoh dua puluh lapan hari dari berakhirnya bulan yang disebut dalam perenggan 20(3)(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Ketua Pengarah hendaklah mendaftarkan mana-mana orang yang memberitahu tanggungannya di bawah subseksyen (1) berkuat kuasa dari hari pertama bulan yang berikutnya yang jatuhnya dua puluh lapan hari itu atau dari apa-apa tarikh yang lebih awal sebagaimana yang dipersetujui antara Ketua Pengarah dengan orang itu tetapi tarikh itu tidak boleh lebih awal daripada tarikh yang orang itu menjadi bertanggung untuk berdaftar.

(3) Seseorang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah subseksyen 20(4) hendaklah memberitahu Ketua Pengarah tentang tanggungan itu dengan memohon untuk didaftarkan dalam borang yang ditetapkan dalam tempoh dua puluh lapan hari dari masa perniagaan itu dipindahkan.

(4) Ketua Pengarah hendaklah mendaftarkan mana-mana orang yang memberitahu tentang tanggungannya di bawah subseksyen (3) berkuat kuasa dari tarikh perniagaan itu dipindahkan.

(5) Jika orang kena cukai gagal untuk mematuhi subseksyen (1) atau (3)—

(a) Ketua Pengarah hendaklah mendaftarkannya pada tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah tetapi tidak lebih awal daripada tarikh tanggungannya untuk berdaftar diketahui atau diberitahu kepada Ketua Pengarah; dan

(b) orang itu hendaklah bertanggung untuk membayar suatu penalti pendaftaran lewat yang bersamaan dengan peratusan cukai yang ditentukan yang sepatutnya telah dibayar dari tarikh dia sepatutnya didaftarkan sehingga tarikh dia didaftarkan dan selepas ini disebut sebagai tempoh pendaftaran lewat.

(6) Peratusan yang disebut dalam subseksyen (5) hendaklah terpakai bagi tempoh pendaftaran lewat yang berikut:

(a) lima peratus jika dalam tempoh tiga puluh hari;

(b) tambahan lima peratus selepas tiga puluh hari tetapi tidak melebihi enam puluh hari; dan

(c) tambahan tiga peratus bagi tiap-tiap tiga puluh hari yang berikutnya atau sebahagian daripadanya,

dan tertakluk kepada maksimum dua puluh lima peratus.

(7) Sebutan mengenai pendaftaran dalam Bahagian ini ialah sebutan mengenai pendaftaran dalam suatu daftar yang disimpan oleh Ketua Pengarah dalam bentuk yang ditentukan olehnya bagi maksud Akta ini.

(8) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan.

Pemberhentian tanggungan untuk berdaftar

22. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang kena cukai hendaklah berhenti daripada bertanggung untuk berdaftar pada akhir mana-mana bulan jika Ketua Pengarah berpuas hati

bahawa nilai bagi semua pembekalan bercukainya dalam tempoh bermulanya dua belas bulan, tidak akan melebihi amaun pembekalan bercukai yang ditentukan di bawah subseksyen 20(1).

(2) Seseorang tidak berhenti daripada bertanggung untuk berdaftar menurut kuasa subseksyen (1) jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa alasan nilai bagi semua pembekalan bercukainya tidak akan melebihi amaun pembekalan bercukai yang ditentukan di bawah subseksyen 20(1) ialah bahawa dalam tempoh yang berkenaan dia akan berhenti daripada membuat pembekalan bercukai, atau akan berhenti sementara daripada membuat pembekalan bercukai bagi tempoh tiga puluh hari atau lebih.

(3) Dalam menentukan nilai pembekalan mana-mana orang bagi maksud subseksyen (1), pembekalan yang berikut hendaklah dikecualikan:

- (a) pembekalan barang yang merupakan aset modal perniagaan yang dalam perjalanan atau penerusannya barang itu dibekalkan atau akan dibekalkan;
- (b) pembekalan perkhidmatan diimport;
- (c) pembekalan yang dibuat menurut Skim Penggudangan di bawah seksyen 71; dan
- (d) pembekalan yang dibuat di dalam atau di antara kawasan ditetapkan di bawah seksyen 162.

Arahan untuk mengira orang sebagai orang kena cukai tunggal

23. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 20, jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa apa-apa perasingan aktiviti perniagaan adalah dibuat-buat yang menyebabkan pengelakan cukai, dia boleh membuat suatu arahan mengarahkan supaya orang yang dinamakan dalam arahan itu dikira sebagai orang kena cukai tunggal yang menjalankan aktiviti perniagaan yang diperihalkan dalam arahan itu dan bahawa orang kena cukai tunggal itu hendaklah bertanggung untuk berdaftar berkuat kuasa dari tarikh yang ditentukan dalam arahan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), dalam menentukan sama ada apa-apa perasingan aktiviti perniagaan adalah dibuat-buat, hendaklah diambil kira setakat manakah orang yang berlainan yang menjalankan aktiviti perniagaan itu berkait rapat antara satu sama lain melalui hubungan kewangan, ekonomi dan organisasi.

(3) Ketua Pengarah boleh membuat arahan dengan menamakan mana-mana orang jika Ketua Pengarah berpuas hati—

- (a) bahawa orang itu membuat atau telah membuat pembekalan bercukai;
- (b) bahawa aktiviti yang dalam perjalanannya orang itu membuat atau telah membuat pembekalan bercukai itu menjadi hanya sebahagian daripada aktiviti tertentu dalam perniagaan itu dan bahawa aktiviti lain dalam perniagaan itu sama ada aktiviti itu serupa dengan aktiviti yang dijalankan oleh orang itu sedang dijalankan serentak atau sebelumnya atau tidak, atau kedua-duanya, oleh seorang orang lain atau lebih; dan
- (c) bahawa jika semua pembekalan bercukai yang dibuat dalam perniagaan itu diambil kira, orang yang menjalankan perniagaan itu akan, pada masa arahan itu, dikehendaki untuk berdaftar menurut kuasa seksyen 20.

(4) Apa-apa arahan yang dibuat hendaklah disampaikan kepada setiap orang yang dinamakan dalam arahan itu.

(5) Jika, selepas suatu arahan telah diberikan di bawah seksyen ini dengan menyatakan perihal perniagaan itu, ternyata pada Ketua Pengarah bahawa mana-mana orang yang tidak dinamakan dalam arahan itu sedang membuat pembekalan bercukai dalam perjalanan aktiviti yang patut dianggap sebagai sebahagian daripada aktiviti perniagaan itu, Ketua Pengarah boleh membuat dan menyampaikan kepada orang itu suatu arahan tambahan yang merujuk kepada arahan yang terdahulu dan perihal perniagaan yang dinyatakan dalam arahan itu, dan menambah nama orang itu kepada nama orang-orang yang dinamakan dalam arahan yang terdahulu berkuat kuasa dari—

- (a) tarikh orang itu mula-mula membuat pembekalan bercukai; atau
- (b) tarikh yang dinyatakan dalam arahan yang terdahulu yang orang kena cukai tunggal yang disebut itu adalah berdaftar di bawah subseksyen (1),

yang mana terkemudian.

(6) Jika, sebaik sebelum apa-apa arahan, termasuk arahan tambahan, dibuat, mana-mana orang yang dinamakan dalam arahan itu didaftarkan berkena dengan pembekalan bercukai yang dibuat olehnya sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (3) atau (5), pendaftarannya hendaklah dibatalkan oleh Ketua Pengarah berkuat kuasa dari tarikh orang kena cukai tunggal itu didaftarkan di bawah subseksyen (1) dan sebaik pembatalan pendaftarannya, dia berserta dengan semua orang yang dinamakan dalam arahan itu hendaklah dikira sebagai orang kena cukai tunggal di bawah seksyen ini.

(7) Berhubung dengan sesuatu perniagaan yang dinyatakan dalam sesuatu arahan, orang yang dinamakan dalam arahan itu berserta dengan orang yang dinamakan dalam arahan tambahan itu yang berhubungan dengan perniagaan itu sebagai orang yang bersama-sama dikira sebagai orang kena cukai tunggal adalah disebut sebagai “anggota konstituen” dalam subseksyen (8) dan (9).

(8) Jika apa-apa arahan dibuat di bawah seksyen ini—

- (a) orang kena cukai tunggal yang menjalankan perniagaan yang dinyatakan dalam arahan itu hendaklah didaftarkan dengan nama yang akan dicadangkan secara bersesama oleh orang yang dinamakan dalam arahan itu melalui notis secara bertulis diberikan kepada Ketua Pengarah tidak kurang daripada empat belas hari selepas tarikh arahan itu atau, jika cadangan itu tidak dibuat, dengan nama sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu;
- (b) mana-mana pembekalan bercukai yang dibuat oleh salah seorang daripada anggota konstituen dalam perjalanan aktiviti orang kena cukai tunggal hendaklah dikira sebagai pembekalan bercukai yang dibuat oleh orang kena cukai tunggal;
- (c) setiap anggota konstituen hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar oleh orang kena cukai tunggal;
- (d) tanpa menjejaskan perenggan (c), apa-apa kegagalan oleh orang kena cukai tunggal itu untuk mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan oleh atau di bawah Akta ini hendaklah dikira sebagai suatu kegagalan oleh setiap anggota konstituen secara berasingan; dan

- (e) tertakluk kepada perenggan (a) hingga (d), anggota konstituen hendaklah dikira sebagai suatu perkongsian yang menjalankan perniagaan orang kena cukai tunggal dan apa-apa persoalan tentang skop aktiviti perniagaan itu pada bila-bila masa hendaklah ditentukan dengan sewajarnya.

(9) Jika ternyata pada Ketua Pengarah bahawa mana-mana orang yang merupakan salah seorang daripada anggota konstituen tidak patut lagi dianggap sedemikian bagi maksud perenggan (8) (c) dan (d) dan Ketua Pengarah memberikan notis secara bertulis yang bermaksud sedemikian, orang itu tidak lagi mempunyai apa-apa tanggungan menurut kuasa perenggan itu bagi apa-apa jua yang dilakukan selepas tarikh yang dinyatakan dalam notis itu dan dengan itu dan sewajarnya pada tarikh itu dia hendaklah dikira sebagai telah terhenti menjadi anggota perkongsian yang disebut dalam perenggan (8)(e).

Pendaftaran secara sukarela

24. (1) Jika mana-mana orang yang tidak bertanggung untuk berdaftar memuaskannya hati Ketua Pengarah bahawa dia menjalankan suatu perniagaan dan dia—

- (a) membuat pembekalan bercukai termasuk pembekalan bercukai yang tidak diambil kira di bawah Akta ini; atau
- (b) berniat untuk membuat pembekalan bercukai,

dalam perjalanan atau penerusan perniagaan itu, Ketua Pengarah boleh, jika orang itu memohon dalam borang yang ditetapkan dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut untuk dikenakan oleh Ketua Pengarah, mendaftarkan orang itu dari apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan orang itu hendaklah kekal berdaftar bagi tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun atau apa-apa tempoh lain yang lebih pendek.

(2) Jika mana-mana orang yang tidak bertanggung untuk berdaftar memuaskannya hati Ketua Pengarah bahawa dia menjalankan suatu perniagaan dan dia—

- (a) membuat pembekalan di luar Malaysia yang akan menjadi suatu pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia; atau

- (b) berniat untuk membuat pembekalan di luar Malaysia yang akan menjadi suatu pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia,

dalam perjalanan atau penerusan perniagaan itu, dan dalam mana-mana yang berkenaan dia—

- (A) mempunyai suatu establismen perniagaan di Malaysia atau tempat tinggal biasanya ialah di Malaysia; dan
- (B) tidak membuat dan tidak berniat untuk membuat pembekalan bercukai di Malaysia,

Ketua Pengarah boleh, jika orang itu memohon dalam borang yang ditetapkan dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut untuk dikenakan oleh Ketua Pengarah, mendaftarkan orang itu dari apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran seseorang di bawah perenggan (1)(b) atau (2)(b) jika dia belum bermula untuk membuat suatu pembekalan mengikut tarikh yang diniatkan dalam permohonannya itu atau jika dia melanggar apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) atau (2).

(4) Ketua Pengarah boleh menolak apa-apa permohonan bagi pendaftaran yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (2) sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pemberitahuan pemberhentian tanggungan atau pendaftaran secara sukarela

25. (1) Seseorang yang berdaftar di bawah seksyen 21 atau subseksyen 24(1) yang berhenti membuat atau tidak lagi mempunyai niat untuk membuat suatu pembekalan bercukai hendaklah memberitahu Ketua Pengarah tentang hakikat itu secara bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberhentian atau ketiadaan niat itu.

(2) Seseorang yang berdaftar di bawah subseksyen 24(2) yang—

- (a) berhenti membuat atau tidak lagi berniat untuk membuat pembekalan di luar Malaysia yang akan menjadi suatu pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia; atau

- (b) membuat atau berniat untuk membuat pembekalan bercukai di Malaysia,

hendaklah memberitahu Ketua Pengarah tentang hakikat itu secara bertulis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh ia berlaku.

- (3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Pembatalan pendaftaran

26. (1) Jika seseorang orang berdaftar membuat permintaan secara bertulis untuk membatalkan pendaftarannya atau membuat pemberitahuan di bawah seksyen 25, Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran orang itu dari apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah jika dia berpuas hati bahawa orang itu boleh dibatalkan pendaftarannya.

(2) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa seseorang orang berdaftar telah terhenti dari boleh didaftarkan, Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftarannya berkuat kuasa dari tarikh dia terhenti dari boleh didaftarkan atau dari apa-apa tarikh terkemudian yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pada hari yang seseorang orang berdaftar telah didaftarkan dia bukan orang yang boleh didaftarkan, Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftarannya berkuat kuasa dari tarikh pemberitahuan secara bertulis oleh Ketua Pengarah.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “boleh didaftarkan” ertinya bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 20 atau layak untuk berdaftar di bawah seksyen 24.

Pendaftaran kumpulan

27. (1) Dua syarikat atau lebih adalah layak untuk dikira sebagai anggota suatu kumpulan jika syarikat itu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

(2) Anggota-anggota suatu kumpulan boleh memohon kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan untuk dikira sebagai suatu kumpulan dan tiap-tiap anggota hendaklah, dalam permohonan itu, mencalonkan seorang anggota untuk menjadi anggota wakil mereka.

(3) Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, meluluskan atau menolak apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (2) dan apabila diluluskan, mengenakan syarat-syarat.

(4) Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, menolak untuk mendaftarkan anggota yang dinamakan oleh anggota-anggota kumpulan sebagai anggota wakil.

(5) Pendaftaran suatu kumpulan hendaklah atas nama anggota wakil itu.

(6) Jika syarikat telah dikira sebagai suatu kumpulan—

(a) apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan oleh suatu anggota kumpulan kepada suatu anggota kumpulan yang lain tidaklah boleh diambil kira;

(b) apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan oleh atau kepada suatu anggota kumpulan hendaklah dikira sebagai suatu pembekalan oleh atau kepada anggota wakil;

(c) apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh anggota kumpulan hendaklah dikira sebagai dijalankan oleh anggota wakil; dan

(d) apa-apa pengimportan barang atau pembekalan perkhidmatan yang diimport oleh mana-mana anggota hendaklah dikira sebagai diimport oleh anggota wakil dan apa-apa cukai yang dibayar atau genap masa dan kena dibayar oleh anggota kumpulan ke atas pengimportan barang atau pembekalan perkhidmatan yang diimport itu hendaklah dikira sebagai dibayar atau genap masa dan kena dibayar oleh anggota wakil.

(7) Semua anggota kumpulan hendaklah bertanggung secara berse sama dan berasingan bagi apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar oleh anggota wakil.

(8) Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran sesuatu kumpulan atau menamatkan layanan sesuatu syarikat sebagai anggota suatu kumpulan sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pendaftaran perkongsian**28. (1) Pendaftaran—**

- (a) orang yang menjalankan perniagaan dalam suatu perkongsian hendaklah atas nama firma itu; dan
- (b) orang yang sama yang menjalankan perniagaan yang berasingan dalam suatu perkongsian boleh atas nama berasingan firma masing-masing.

(2) Dalam menentukan sama ada barang atau perkhidmatan dibekalkan kepada atau oleh orang yang disebut dalam subseksyen (1), tidaklah boleh diambil kira apa-apa perubahan dalam perkongsian itu.

(3) Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis yang berlawanan, sehingga pemberitahuan secara bertulis tentang tarikh suatu perubahan dalam perkongsian dibuat kepada Ketua Pengarah, mana-mana orang yang terhenti menjadi rakan kongsi dalam perkongsian itu hendaklah dianggap sebagai terus menjadi rakan kongsi bagi maksud Akta ini dan hendaklah bertanggung bagi perkadaran tanggungan perkongsian ke atas apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan oleh perkongsian itu.

(4) Jika mana-mana orang terhenti menjadi rakan kongsi dalam suatu perkongsian selama apa-apa tempoh bercukai atau dikira sebagai berbuat demikian menurut kuasa subseksyen (3), apa-apa notis, sama ada taksiran atau selainnya, yang disampaikan kepada perkongsian itu dan yang berhubungan dengan tempoh bercukai itu atau apa-apa tempoh bercukai yang lain selama keseluruhan atau sebahagian yang dia menjadi rakan kongsi dalam perkongsian itu, hendaklah disifatkan sebagai disampaikan juga kepadanya.

(5) Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis yang berlawanan, apa-apa notis, sama ada taksiran atau selainnya, yang dialamatkan kepada suatu perkongsian mengikut nama yang dengannya perkongsian itu didaftarkan di bawah Akta ini, dan disampaikan menurut Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan dengan sepatutnya kepada perkongsian itu dan dengan demikian itu, jika subseksyen (4) terpakai, sebagai telah disampaikan dengan sepatutnya kepada mana-mana rakan kongsi yang terdahulu.

(6) Subseksyen (1) dan (4) tidaklah boleh menjejaskan takat, di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, seorang rakan kongsi bertanggungjawab bagi cukai yang terhutang oleh firma itu.

(7) Jika seseorang ialah rakan kongsi dalam suatu firma semasa sebahagian sahaja suatu tempoh bercukai, tanggungannya bagi cukai ke atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan oleh firma itu semasa tempoh bercukai hendaklah perkadaran tanggungan firma sebagaimana yang patut.

(8) Jika apa-apa notis dikehendaki supaya diberikan oleh suatu perkongsian di bawah Akta ini, maka menjadi tanggungan semua rakan kongsi secara bersesama dan berasingan untuk memberikan notis itu, kecuali bahawa jika suatu notis diberikan oleh mana-mana satu rakan kongsi, ia hendaklah dianggap sebagai pematuhan yang mencukupi bagi kehendak itu.

(9) Mana-mana orang yang tidak membayar perkadaran tanggungan perkongsian ke atas apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar yang dia bertanggungjawab untuk membayar di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan.

Pendaftaran pertubuhan atau organisasi yang serupa

29. (1) Pendaftaran apa-apa pertubuhan atau organisasi yang serupa boleh atas nama pertubuhan atau organisasi yang serupa itu dan dalam menentukan sama ada barang atau perkhidmatan dibekalkan kepada atau oleh pertubuhan atau organisasi yang serupa itu, tidaklah boleh diambil kira apa-apa perubahan dalam mana-mana anggotanya.

(2) Jika apa-apa dikehendaki dibuat di bawah Akta ini oleh atau bagi pihak pertubuhan atau organisasi yang serupa, yang hal ehwalnya diuruskan oleh suatu jawatankuasa, atau jawatankuasa anggota-anggotanya, ia hendaklah menjadi tanggungjawab secara bersesama dan berasingan—

- (a) tiap-tiap anggota yang memegang jawatan sebagai presiden, pengerusi, bendahari, setiausaha atau apa-apa jawatan yang serupa; atau
- (b) dalam ketiadaan mana-mana anggota sedemikian, tiap-tiap anggota yang memegang jawatan sebagai anggota suatu jawatankuasa,

kecuali bahawa jika ia dikehendaki dibuat atau dengan sepenuhnya dibuat oleh mana-mana pegawai atau anggota jawatankuasa, ia hendaklah dianggap sebagai pematuhan yang mencukupi kehendak itu.

Pendaftaran cawangan atau bahagian

30. (1) Jika apa-apa perniagaan orang kena cukai dijalankan oleh satu atau lebih cawangan atau bahagian, orang kena cukai itu boleh memohon kepada Ketua Pengarah bagi pendaftaran dalam borang yang ditetapkan mana-mana cawangan atau bahagian untuk didaftarkan atas nama cawangan atau bahagian itu.

(2) Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan jika dia berpuas hati bahawa orang kena cukai itu memenuhi kehendak yang berikut:

- (a) berkemungkinan akan menyebabkan kesulitan sebenar bagi orang kena cukai untuk mengemukakan suatu penyata tunggal berkenaan dengan semua cawangan atau bahagian jika tidak kerana pendaftaran berasingan;
- (b) setiap cawangan atau bahagian mengekalkan suatu akaun yang berasingan berkenaan dengan aktiviti;
- (c) setiap cawangan atau bahagian boleh dikenal pasti secara berasingan dengan merujuk kepada sifat aktiviti yang dijalankan oleh atau lokasi cawangan atau bahagian itu; dan
- (d) setiap cawangan atau bahagian mempunyai tempoh bercukai yang sama.

(3) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa melalui notis secara bertulis kepada orang berdaftar, membatalkan pendaftaran yang diluluskan di bawah subseksyen (2) berkenaan dengan mana-mana atau semua cawangan atau bahagian jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) orang berdaftar itu tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (2);
- (b) apa-apa kehendak yang disebut dalam subseksyen (2) telah terhenti untuk terpakai;

- (c) orang berdaftar itu telah menyediakan apa-apa perisytiharan atau maklumat palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya di bawah subseksyen (1); atau
- (d) ia adalah perlu bagi perlindungan hasil.

(4) Jika Ketua Pengarah membatalkan pendaftaran mengikut subseksyen (3), pembatalan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pembatalan itu sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (6), orang kena cukai boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah bagi mana-mana cawangan atau bahagian yang didaftarkan secara berasingan di bawah subseksyen (2) supaya terhenti didaftarkan sedemikian, dan Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran secara berasingan itu berkuat kuasa dari tarikh permohonan itu atau dari apa-apa tarikh terkemudian sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(6) Seseorang orang kena cukai yang berdaftar di bawah subseksyen (2) hendaklah terus berdaftar bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun atau apa-apa tempoh lain yang lebih pendek sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Wakil peribadi disifatkan sebagai orang kena cukai

31. (1) Jika orang kena cukai—

- (a) mati;
- (b) adalah di bawah likuidasi atau penerimaan;
- (c) menjadi bankrap; atau
- (d) menjadi tidak upaya,

Ketua Pengarah boleh menyifatkan mana-mana wakil peribadi yang menjalankan perniagaan dalam tempoh interim sebagai seorang orang kena cukai dari tarikh wakil peribadi itu mengambil alih sehingga masa apabila seseorang didaftarkan berkenaan dengan perniagaan itu atau dalam hal ketidakupayaan, sehingga masa ketidakupayaan itu terhenti.

(2) Apa-apa kehendak untuk membayar cukai ke atas wakil peribadi yang menjalankan perniagaan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah terpakai baginya setakat aset yang dikawal olehnya.

(3) Wakil peribadi yang menjalankan perniagaan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah, dalam tempoh dua puluh satu hari dari dia mula-mula berbuat demikian, memberitahu secara bertulis kepada Ketua Pengarah tentang hakikat itu dan tentang tarikh kematian, likuidasi, penerimaan, kebangkrapan atau sifat ketidakupayaan dan tarikh bila ia bermula.

(4) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, wakil peribadi yang menjalankan perniagaan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah, sebelum melupuskan apa-apa aset orang kena cukai itu, mengetepikan sejumlah wang daripada aset itu yang ternyata pada Ketua Pengarah sebagai mencukupi untuk membayar apa-apa cukai dan penalti, jika ada, yang atau akan selepas itu menjadi genap masa dan kena dibayar atau kena dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan yang telah dibekalkan oleh orang kena cukai itu sebelum wakil peribadi itu disifatkan sebagai seorang orang kena cukai yang menjalankan perniagaan dalam tempoh interim dan wakil peribadi itu hendaklah membayar cukai atau penalti itu.

(5) Wakil peribadi yang menjalankan perniagaan yang disebut dalam subseksyen (1) yang tidak mematuhi subseksyen (4) hendaklah bertanggung secara peribadi untuk membayar cukai atau penalti itu, yang atau akan selepas itu menjadi genap masa dan kena dibayar atau kena dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Jika dua wakil peribadi atau lebih menjalankan perniagaan yang disebut dalam subseksyen (1), obligasi dan tanggungan wakil peribadi itu hendaklah dihubungkan secara bersesama dan berasingan dengan mereka, tertakluk kepada hak sumbangan antara mereka sebagaimana dalam hal kontrak.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pengecualian pendaftaran bagi orang yang membuat atau berniat untuk membuat pembekalan berkadar sifar

32. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini, jika mana-mana orang yang membuat atau berniat untuk membuat pembekalan bercukai memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa pembekalan itu

ialah suatu pembekalan berkadar sifar, Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya patut dan atas permintaan orang itu, mengecualikan orang itu daripada pendaftaran sehingga pengecualian itu ditarik balik.

(2) Jika terdapat suatu perubahan dalam sifat pembekalan yang dibuat oleh orang yang dikecualikan daripada pendaftaran di bawah subseksyen (1), dia hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Ketua Pengarah tentang perubahan itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh berlakunya perubahan itu.

BAHAGIAN V

PENGAKAUNAN, TAKSIRAN, MENDAPATKAN, DSB.

Pengeluaran invoice cukai

33. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, tiap-tiap orang berdaftar yang membuat apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan dalam perjalanan atau penerusan apa-apa perniagaan di Malaysia, hendaklah mengeluarkan suatu invoice cukai—

- (a) yang mengandungi butir-butir yang ditetapkan berkenaan dengan pembekalan itu;
- (b) dalam masa dua puluh satu hari selepas masa apabila pembekalan itu disifatkan sebagai telah dibuat di bawah seksyen 11 atau dalam apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah; dan
- (c) menyatakan amaun kena dibayar yang tidak termasuk cukai, kadar cukai dan jumlah cukai yang boleh dikenakan yang ditunjukkan sebagai suatu amaun yang berasingan, kecuali jika Ketua Pengarah membenarkan selainnya dan tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut dikenakan.

(2) Ketua Pengarah boleh, apabila terdapat permintaan secara bertulis dan tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut dikenakan, membenarkan—

- (a) mana-mana satu atau lebih butir-butir yang ditetapkan untuk tidak dikandung dalam suatu invoice cukai jika dia berpuas hati bahawa terdapat atau akan terdapat rekod yang mencukupi untuk membuktikan butir-butir pembekalan itu; atau

(b) invois cukai untuk tidak dikeluarkan jika dia berpuas hati bahawa tidak wajar bagi orang berdaftar untuk mengeluarkan suatu invois cukai.

(3) Tertakluk kepada syarat yang ditetapkan, jika seseorang orang berdaftar menyediakan dokumen kepada dirinya sendiri iaitu suatu invois bil sendiri yang berupa sebagai suatu invois cukai berkenaan dengan suatu pembekalan barang atau perkhidmatan kepadanya oleh orang berdaftar yang lain, dokumen itu boleh, dengan kelulusan Ketua Pengarah terlebih dahulu, dikira sebagai invois cukai.

(4) Jika barang atau perkhidmatan yang diperihalkan dalam subseksyen 66(4) atau subperenggan 4(7) Jadual Pertama dijual secara lelong atau selain secara lelong, pelelong atau orang yang menjual barang atau perkhidmatan itu hendaklah mengeluarkan suatu dokumen yang mengandungi butir-butir cukai yang boleh dikenakan sebagaimana yang ditetapkan dan dokumen yang dikeluarkan kepada pembeli hendaklah dikira sebagai suatu invois cukai yang disediakan oleh orang yang disifatkan membekalkan barang atau perkhidmatan itu mengikut subseksyen 66(4) atau subperenggan 4(7) Jadual Pertama.

(5) Tiada invois yang menunjukkan suatu amaun yang berupa sebagai suatu cukai boleh dikeluarkan—

- (a) atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang bukan suatu pembekalan bercukai;
- (b) atas apa-apa pembekalan berkadar sifar; atau
- (c) oleh mana-mana orang yang bukan seorang orang berdaftar.

(6) Suatu invois cukai di bawah subseksyen (1) tidak perlu dikeluarkan jika seorang orang berdaftar membuat pembekalan yang berikut:

- (a) pembekalan berkadar sifar; atau
- (b) pembekalan yang dibuat tanpa balasan yang dikenakan cukai.

(7) Walau apa pun subseksyen (1), tiada invois cukai boleh dikeluarkan bagi—

- (a) apa-apa pembekalan barang terpakai di bawah seksyen 60; atau
- (b) apa-apa pembekalan perkhidmatan diimport.

(8) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Pengeluaran invois cukai oleh komputer

34. Bagi maksud mana-mana peruntukan di bawah Akta ini berhubung dengan suatu invois cukai, seorang orang berdaftar hendaklah dikira sebagai mengeluarkan suatu invois cukai kepada orang yang lain walau pun tiada penyerahan apa-apa dokumen yang setara dengannya dalam bentuk kertas kepada orang itu jika butir-butir yang dikehendaki direkodkan dalam komputer dan—

- (a) dihantar atau dijadikan tersedia kepada orang itu secara elektronik; atau
- (b) dikeluarkan atas apa-apa bahan selain kertas dan diserahkan kepada orang itu.

Nota kredit dan nota debit

35. Jika apa-apa pembekalan bercukai dibuat oleh atau kepada mana-mana orang berdaftar yang melibatkan pengeluaran dan penerimaan nota kredit atau nota debit di bawah hal keadaan dan syarat yang ditetapkan, orang berdaftar itu, sama ada dia pembekal atau penerima bekalan bercukai, hendaklah membuat pelarasan dalam penyatannya dengan sewajarnya dan nota kredit dan nota debit itu hendaklah mengandungi butir-butir yang ditetapkan.

Kewajipan untuk menyimpan rekod

36. (1) Tiap-tiap orang kena cukai hendaklah menyimpan rekod yang lengkap dan benar yang ditulis secara kemas kini mengenai semua transaksi yang menyentuh atau boleh menyentuh tanggungannya untuk dikenakan cukai, termasuk rekod-rekod yang berikut:

- (a) semua rekod barang dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh atau kepada orang kena cukai itu termasuk invois cukai, invois, resit, nota debit, nota kredit dan borang perisytiharan eksport;
- (b) semua rekod pengimportan barang; dan
- (c) apa-apa rekod lain sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Apa-apa rekod yang disimpan di bawah seksyen ini hendaklah—

- (a) dipelihara bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh terakhir yang berhubungan dengan rekod itu;
- (b) dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris; dan
- (c) disimpan di Malaysia, kecuali jika diluluskan selainnya oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut.

(3) Jika rekod itu adalah dalam bentuk yang boleh dibaca secara elektronik, rekod itu hendaklah disimpan mengikut apa-apa cara yang membolehkan rekod itu menjadi tersedia boleh diakses dan ditukar ke dalam tulisan.

(4) Jika rekod itu pada asalnya dalam bentuk manual dan kemudiannya ditukar ke dalam bentuk elektronik, rekod itu hendaklah dikekalkan dalam bentuk asalnya sebelum pertukaran itu.

(5) Suatu salinan rekod itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding ke takat yang bersamaan dengan rekod itu sendiri.

(6) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Asas pengakaunan

37. (1) Bagi maksud seksyen 41, tiap-tiap orang kena cukai hendaklah mengakaunkan cukai mengikut masa pembekalan di bawah seksyen 11, 13, 71, 73 dan 74.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh, atas permohonan secara bertulis oleh mana-mana orang berdaftar dan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan, meluluskan orang berdaftar itu untuk mengakaunkan cukai semata-mata atas asas pembayaran.

(3) Jika orang berdaftar itu telah diluluskan untuk mengakaunkan cukai atas asas pembayaran di bawah subseksyen (2), orang berdaftar itu hendaklah mengakaunkan cukai mengikut cara yang ditetapkan.

(4) Jika orang berdaftar itu telah diluluskan untuk mengakaunkan cukai atas asas pembayaran di bawah subseksyen (2) dan memilih untuk tidak meneruskan dengan asas pembayaran itu, dia boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk mengakaunkan cukai mengikut subseksyen (1).

(5) Ketua Pengarah boleh enggan untuk meluluskan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (2) atau (4) sebagaimana yang difikirkannya patut.

(6) Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, membatalkan kelulusan di bawah subseksyen (2) di bawah hal keadaan yang ditetapkan.

(7) Jika terdapat perubahan dalam asas pengakaunan, orang berdaftar itu hendaklah membuat pelarasan cukai mengikut cara yang ditetapkan.

Kredit bagi cukai input terhadap cukai output

38. (1) Mana-mana orang kena cukai berhak kepada suatu kredit sebanyak mana cukai inputnya sebagaimana yang boleh dibenarkan di bawah seksyen 39 untuk dipotong daripada apa-apa cukai output yang kena dibayar olehnya.

(2) Bagi maksud apa-apa cukai ke atas suatu pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan kepada seseorang orang kena cukai, apa-apa tambahan kadar rata yang termasuk dalam balasan bagi apa-apa bekalan yang diperolehi oleh orang berdaftar daripada orang yang diluluskan di bawah seksyen 75 hendaklah dikira sebagai suatu cukai ke atas pembekalan itu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4) dan (5), jika—

(a) tiada cukai output yang kena dibayar pada akhir apa-apa tempoh bercukai; atau

(b) amaun kredit yang orang kena cukai berhak kepadanya menurut kuasa subseksyen (1) melebihi cukai output,

amaun kredit atau amaun kredit yang melebihi cukai output itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dibayar balik kepada orang kena cukai itu oleh Ketua Pengarah.

(4) Keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai input yang genap masa sebagai kredit kepada mana-mana orang kena cukai dalam mana-mana tempoh bercukai boleh dipegang untuk dikreditkan kepada mana-mana tempoh bercukai yang berikutnya atau berturutan dengannya, sama ada atas permohonan secara bertulis orang kena cukai itu sendiri atau atas apa-apa arahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah.

(5) Jika pada akhir mana-mana tempoh bercukai apa-apa amaun adalah kena dibayar di bawah subseksyen (3), Ketua Pengarah boleh menahan pembayaran amaun itu jika—

- (a) orang kena cukai itu tidak memberikan penyata di bawah seksyen 41 atau menyediakan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah; atau
- (b) Ketua Pengarah mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa amaun itu bukan amaun yang kena dibayar kepada orang itu.

(6) Tiada potongan boleh dibuat di bawah subseksyen (1) dan tiada apa-apa pembayaran balik boleh dibuat di bawah subseksyen (3), kecuali atas suatu tuntutan yang dibuat mengikut cara yang ditetapkan dan dalam masa yang ditetapkan.

(7) Jika mana-mana orang kena cukai tidak membuat pembekalan bercukai selama suatu tempoh bercukai atau mana-mana tempoh bercukai terdahulu, apa-apa pembayaran balik yang hendak dibuat di bawah subseksyen (3) hendaklah dibuat tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah sebagaimana yang difikirkannya patut.

(8) Tertakluk kepada subseksyen (5) dan (7), apa-apa pembayaran balik yang akan dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (3) hendaklah dibuat dalam masa yang ditetapkan.

(9) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah, jika—

- (a) orang kena cukai tidak membayar pembekalannya balasan atau apa-apa bahagian daripada balasan itu bagi pembekalan apa-apa barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh

pembekalnya kepada orang kena cukai itu pada akhir tempoh enam bulan selepas tarikh pembekalan itu; dan

- (b) orang kena cukai itu telah mengkreditkan di bawah subseksyen (1) atau telah dibayar balik di bawah subseksyen (3) cukai input yang berhubungan dengan balasan atau bahagian daripada balasan itu yang tidak dibayar oleh orang kena cukai itu,

orang kena cukai itu hendaklah mengakaunkan suatu amaun yang bersamaan dengan cukai input yang hendaklah disifatkan sebagai cukai ouputnya.

(10) Orang kena cukai hendaklah mengakaunkan amaun yang disifatkan sebagai cukai output di bawah subseksyen (9) dalam tempoh bercukai selepas tamatnya tempoh enam bulan itu dan mengikut cara yang dia dikehendaki untuk menggunakan semasa dia pertama kali mengkreditkan cukai input itu dan dia hendaklah membayar semula amaun itu kepada Ketua Pengarah pada masa yang sama sebagaimana apa-apa cukai berkenaan dengan tempoh bercukai yang akan genap masa dan kena dibayar olehnya.

(11) Jika orang kena cukai—

- (a) telah mematuhi subseksyen (10); dan
- (b) membayar pembekalnya balasan atau apa-apa bahagian daripada balasan itu bagi pembekalan barang atau perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (9)(a),

orang kena cukai itu berhak untuk mengira suatu amaun yang bersamaan dengan cukai input yang berhubungan dengan pembayaran yang disebut dalam perenggan (b) seolah-olah amaun itu ialah suatu cukai input bagi tempoh bercukai yang dalamnya pembayaran itu dibuat.

(12) Keseluruhan atau apa-apa bahagian cukai yang dikenakan ke atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan atau pengimportan barang sebagaimana yang ditetapkan hendaklah dikecualikan daripada apa-apa kredit di bawah seksyen ini.

Amaun cukai input yang dibenarkan

39. (1) Amaun cukai input yang mana-mana orang kena cukai adalah berhak untuk mengkreditkan dalam apa-apa tempoh bercukai hendaklah sebanyak mana cukai input bagi tempoh itu yang boleh

dibenarkan dan dengan munasabah boleh berhubung kait dengan pembekalan yang berikut yang dibuat atau akan dibuat oleh orang kena cukai itu dalam perjalanan atau penerusan apa-apa perniagaan di Malaysia:

- (a) apa-apa pembekalan bercukai, termasuk suatu pembekalan bercukai yang tidak diambil kira di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa pembekalan yang dibuat di luar Malaysia yang akan menjadi pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia; atau
- (c) apa-apa pembekalan lain sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Cukai input yang berkaitan dengan apa-apa pembekalan dikecualikan hendaklah dikira sebagai cukai input yang berhubung kait dengan suatu pembekalan bercukai—

- (a) jika nilai semua pembekalan dikecualikan akan menjadi kurang daripada amaun yang ditetapkan dan kurang daripada perkadaran yang ditetapkan bagi jumlah nilai semua pembekalan; atau
- (b) dalam hal keadaan yang ditetapkan yang lain.

Tempoh bercukai

40. (1) Ketua Pengarah hendaklah menetapkan setiap orang kena cukai ke dalam salah satu kategori yang berikut bagi maksud menentukan tempoh bercukainya:

- (a) “Kategori A” ertinya kategori orang kena cukai yang tempoh bercukainya ialah suatu tempoh satu bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam apa-apa tahun kalendar;
- (b) “Kategori B” ertinya kategori orang kena cukai yang tempoh bercukainya ialah suatu tempoh tiga bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam apa-apa tahun kalendar; atau
- (c) “Kategori C” ertinya kategori orang kena cukai yang tempoh bercukainya ialah suatu tempoh enam bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam apa-apa tahun kalendar.

(2) Orang kena cukai boleh, selepas dia ditetapkan ke dalam mana-mana kategori di bawah subseksyen (1), memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah supaya ditetapkan ke dalam mana-mana kategori selain kategori yang telah ditetapkan baginya.

(3) Ketua Pengarah boleh, apabila diterimanya apa-apa permohonan di bawah subseksyen (2), membenarkan atau menolak permohonan itu dan jika Ketua Pengarah—

- (a) membenarkan permohonan itu, dia hendaklah menetapkan orang kena cukai itu ke dalam kategori sebagaimana yang dipohonnya;
- (b) menolak permohonan itu, dia hendaklah mengekalkan kategori yang mula-mula sekali ditetapkan bagi orang kena cukai itu.

(4) Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, menetapkan semula orang kena cukai itu ke dalam mana-mana kategori selain kategori yang mula-mula ditetapkan baginya.

(5) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya perlu dalam hal keadaan apa-apa hal tertentu, mengubah tempoh apa-apa tempoh bercukai atau tarikh bermulanya atau berakhirnya apa-apa tempoh bercukai.

Pemberian penyata dan pembayaran cukai

41. (1) Tiap-tiap orang kena cukai hendaklah, berkenaan dengan tempoh bercukainya, mengakaunkan cukai dalam penyata sebagaimana yang ditetapkan dan penyata itu hendaklah diberikan kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditetapkan tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tempoh bercukai orang kena cukai itu yang berhubungan dengan penyata itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika orang kena cukai itu berdaftar lewat daripada tarikh yang dia sepatutnya berdaftar, dia hendaklah memberikan—

- (a) kepada Ketua Pengarah penyata bagi tempoh yang bermula dari tarikh dia sepatutnya berdaftar dan berakhir pada tarikh dia telah berdaftar sedemikian tidak lewat daripada hari terakhir bulan yang berikutan dengan berakhirnya tempoh itu; dan
- (b) penyata yang berikutnya bagi tempoh bercukai sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah menurut subseksyen 40(5).

(3) Jika tempoh bercukai telah diubah di bawah subseksyen 40(5) dan walau apa pun subseksyen (1), penyata itu hendaklah diberikan tidak lewat daripada hari terakhir dalam tempoh tiga puluh hari dari berakhirnya tempoh bercukai yang berubah itu.

(4) Mana-mana orang yang—

(a) terhenti daripada bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 20; atau

(b) terhenti untuk berdaftar di bawah seksyen 24,

hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas terhenti sedemikian atau apa-apa tarikh kemudian sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, memberikan suatu penyata yang mengandungi butir-butir yang ditentukan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan bahagian tempoh bercukai yang terakhir yang dalamnya orang itu berdaftar.

(5) Mana-mana orang kena cukai yang dikehendaki untuk memberikan suatu penyata di bawah seksyen ini hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar olehnya berkenaan dengan tempoh bercukai yang berhubungan dengan penyata itu tidak lewat daripada hari terakhir yang dia dikehendaki untuk memberikan penyata itu.

(6) Penyata yang disebut dalam subseksyen (1), (2), (3) dan (4) hendaklah diberikan sama ada terdapat cukai yang kena dibayar atau tidak.

(7) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pemberian perisytiharan dan pembayaran cukai oleh orang selain orang kena cukai

42. (1) Jika mana-mana orang selain seseorang orang kena cukai adalah bertanggung bagi cukai di bawah subseksyen 13(3) dan perenggan 66(4)(b) dan 73(4)(b), orang itu hendaklah—

(a) mengakaunkan cukai dalam suatu perisytiharan yang ditetapkan dan perisytiharan itu hendaklah diberikan kepada Ketua Pengarah; dan

- (b) membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar oleh orang itu,

tidak lewat daripada hari terakhir bulan yang berturutan daripada bulan yang pembekalan itu dibuat atau dikira telah berlaku di bawah peruntukan-peruntukan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) berkeenaan dengan perenggan (a) melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) berkeenaan dengan perenggan (b) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk mentaksir

43. (1) Jika mana-mana orang kena cukai—

- (a) tidak memohon bagi pendaftaran di bawah seksyen 21;
(b) tidak memberikan suatu penyata di bawah seksyen 41;
atau
(c) memberikan suatu penyata yang ternyata pada Ketua Pengarah tidak lengkap atau tidak betul,

Ketua Pengarah boleh mentaksirkan mengikut pertimbangan terbaiknya amaun cukai termasuk penalti di bawah seksyen 45, jika ada, yang genap masa dan kena dibayar oleh orang kena cukai dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang itu secara bertulis tentang taksiran itu.

(2) Jika suatu amaun telah dibayar kepada mana-mana orang sebagai pembayaran balik cukai di bawah subseksyen 38(3) dan Bahagian VII yang sepatutnya tidak dibayar kepadanya, Ketua Pengarah boleh mentaksirkan amaun itu sebagai cukai yang genap masa dan kena dibayar olehnya dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang itu secara bertulis tentang taksiran itu.

(3) Taksiran di bawah subseksyen (1) dan (2) tidak boleh dibuat lebih daripada enam tahun dari tarikh yang cukai itu telah genap masa dan kena dibayar atau dari tarikh pembayaran balik itu telah dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali jika pada pendapat Ketua Pengarah apa-apa bentuk fraud atau keingkaran sengaja telah dilakukan oleh atau bagi pihak mana-mana orang berkaitan dengan atau berhubung dengan cukai, Ketua Pengarah boleh, bagi maksud menampung apa-apa kehilangan cukai atau pembayaran balik cukai yang boleh dikaitkan dengan fraud atau keingkaran sengaja itu, membuat pada bila-bila masa suatu taksiran.

(4) Jika mana-mana orang kena cukai telah dibekalkan dengan atau telah memperoleh kawalan apa-apa barang atau telah mengimport apa-apa barang dalam perjalanan atau penerusan suatu perniagaan, Ketua Pengarah boleh menghendaknya untuk mengakaunkan barang itu.

(5) Jika orang kena cukai itu tidak mengakaunkan barang di bawah subseksyen (4) oleh sebab barang itu telah atau tersedia untuk dibekalkan olehnya atau telah dieksport atau dipindahkan melalui pembekalan atau telah hilang atau musnah, Ketua Pengarah boleh mentaksir mengikut pertimbangan terbaiknya amaun cukai yang boleh dikenakan berkenaan dengan pembekalan barang itu jika barang itu telah dibekalkan olehnya dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu secara bertulis orang kena cukai itu tentang taksiran itu.

(6) Jika—

- (a) Ketua Pengarah telah membuat suatu taksiran di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan perenggan (1)(a) atau (b);
- (b) cukai yang ditaksirkan itu telah dibayar tetapi tiada penyata telah diberikan bagi tempoh yang berhubungan dengan taksiran itu; dan
- (c) orang itu tidak memberikan suatu penyata bagi apa-apa tempoh bercukai yang berikutnya,

Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, mentaksirkan suatu amaun cukai yang lebih tinggi berbanding dengan amaun yang dia akan pertimbangkan sebagai wajar jika tidak kerana itu.

(7) Jika ternyata pada Ketua Pengarah bahawa amaun yang sepatutnya telah ditaksirkan dalam suatu taksiran di bawah seksyen ini melebihi amaun yang ditaksirkan sedemikian, dia boleh—

- (a) di bawah peruntukan yang sama sebagaimana yang taksiran itu dibuat; dan
- (b) dalam tempoh yang dalamnya taksiran itu sepatutnya telah dibuat,

membuat suatu taksiran tambahan bagi amaun yang terlebih itu dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang itu secara bertulis dengan sewajarnya.

(8) Jika suatu amaun telah ditaksirkan dan diberitahu kepada mana-mana orang di bawah subseksyen (1), (2), (5) atau (7), amaun itu hendaklah disifatkan sebagai suatu amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar olehnya dan boleh didapatkan dengan sewajarnya dan amaun cukai dan penalti itu, jika ada, hendaklah dibayar oleh orang itu kepada Ketua Pengarah melainkan jika atau kecuali setakat taksiran itu ditarik balik atau dikurangkan.

(9) Ketua Pengarah boleh membuat apa-apa perubahan atau tambahan kepada taksiran yang dibuat di bawah seksyen ini sebagaimana yang difikirkannya patut untuk memastikan betulnya taksiran itu dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang itu secara bertulis.

Ketua Pengarah boleh tidak mengambil kira atau mengubah perkiraan tertentu

44. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa maksud atau kesan apa-apa perkiraan adalah secara langsung atau tidak langsung—

- (a) untuk mengubah apa yang berlaku atau menanggungkan masa apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar oleh atau yang jika tidak telah genap masa dan kena dibayar oleh mana-mana orang;
- (b) untuk melepaskan mana-mana orang daripada apa-apa tanggungan untuk membayar cukai atau untuk memberikan suatu penyata;
- (c) untuk mengurangkan atau mengelakkan apa-apa tanggungan yang dikenakan atau yang akan selainnya dikenakan ke atas mana-mana orang oleh Akta ini;

- (d) untuk memperoleh apa-apa kredit atau pembayaran balik cukai input atau apa-apa pertambahannya bagi mana-mana orang yang jika tidak kerana itu tidak boleh diperolehi; atau
- (e) untuk menghalang atau mencegah pelaksanaan Akta ini dalam apa-apa hal,

Ketua Pengarah boleh, tanpa menjejaskan apa-apa kesahan perkiraan itu dalam apa-apa hal lain atau bagi apa-apa maksud lain, tidak mengambil kira atau mengubah perkiraan itu dan membuat apa-apa pelarasan yang difikirkannya patut untuk mengatasi apa-apa faedah cukai yang diperolehi atau boleh diperolehi oleh orang itu daripada atau di bawah perkiraan itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini Ketua Pengarah boleh menyifatkan—

- (a) mana-mana orang yang selain orang kena cukai yang menjadi suatu pihak kepada atau telah mengambil bahagian dalam apa-apa perkiraan, sebagai seorang orang kena cukai;
- (b) apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan, sama ada suatu pembekalan bercukai atau tidak, yang tersentuh oleh atau yang merupakan sebahagian daripada apa-apa perkiraan, yang dibuat kepada dan dibuat oleh mana-mana orang kena cukai atau orang yang disifatkan sebagai seorang orang kena cukai di bawah perenggan (a), sebagai suatu pembekalan bercukai;
- (c) apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang, jika tidak kerana apa-apa perkiraan yang tersentuh oleh seksyen ini, yang merupakan tempoh bercukai yang bekalannya itu dibuat, sebagai berlaku dalam apa-apa tempoh bercukai;
- (d) apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan, yang tersentuh oleh atau yang merupakan sebahagian daripada apa-apa perkiraan, telah dibuat, atau balasan bagi pembekalan itu diberikan, pada nilai pasaran terbuka.

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi apa-apa perkiraan yang dijalankan atas alasan komersial *bona fide* dan tidak mempunyai sebagai salah satu maksud utamanya pemerolehan apa-apa faedah cukai.

- (4) Bagi maksud seksyen ini “faedah cukai” termasuklah—
- (a) apa-apa pengelakan atau pengurangan dalam tanggungan mana-mana orang untuk membayar cukai;
 - (b) apa-apa pertambahan dalam kelayakan seseorang untuk suatu kredit atau pembayaran balik cukai input;
 - (c) apa-apa pengurangan dalam jumlah balasan yang kena dibayar oleh mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan; atau
 - (d) apa-apa penangguhan masa yang cukai adalah genap masa dan kena dibayar.

Penalti pembayaran lewat

45. (1) Jika apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar masih belum dibayar oleh mana-mana orang kena cukai selepas hari terakhir yang cukai itu adalah genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen 41(5), orang kena cukai itu hendaklah tertakluk kepada peratusan penalti pembayaran lewat yang berikut:

- (a) lima peratus jika dalam masa tiga puluh hari;
- (b) tambahan lima peratus selepas tiga puluh hari tetapi tidak melebihi enam puluh hari; dan
- (c) tambahan tiga peratus bagi tiap-tiap tiga puluh hari yang berikutnya atau sebahagian daripadanya,

dan tertakluk kepada maksimum dua puluh lima peratus.

(2) Penalti pembayaran lewat di bawah subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi mana-mana cukai yang genap masa dan kena dibayar tetapi masih belum dibayar oleh mana-mana orang selain seorang orang kena cukai di bawah seksyen 42.

Mengimbangi cukai belum bayar terhadap pembayaran balik

46. Walau apa pun mana-mana peruntukan Akta ini, jika mana-mana orang tidak membayar keseluruhan atau sebahagian daripada—

- (a) apa-apa amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ini; atau
- (b) apa-apa amaun duti kastam atau duti eksais,

Ketua Pengarah boleh mengimbangkan, terhadap amaun yang masih belum dibayar yang disebut dalam perenggan (a) dan (b), apa-apa amaun atau mana-mana bahagian daripada apa-apa amaun yang boleh dibayar balik kepada orang itu dan Ketua Pengarah hendaklah mengira amaun yang diimbangkan itu sebagai pembayaran yang diterima daripada orang itu.

Mendapatkan cukai, dsb., sebagai suatu hutang sivil

47. (1) Tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain dan walau apa pun apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah seksyen 132, apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar, apa-apa penalti yang kena dibayar dan apa-apa surcaj yang terakru di bawah Akta ini boleh didapatkan oleh Menteri sebagai suatu hutang sivil yang terhutang kepada Kerajaan.

(2) Jika suatu inouis menunjukkan suatu pembekalan barang atau perkhidmatan sebagai telah berlaku dengan cukai yang boleh dikenakan ke atas pembekalan itu, maka hendaklah boleh didapatkan daripada orang yang mengeluarkan inouis itu suatu amaun yang bersamaan dengan—

- (a) yang ditunjukkan pada inouis itu sebagai cukai; atau
- (b) jika cukai itu tidak ditunjukkan secara berasingan, sebanyak mana jumlah amaun yang ditunjukkan sebagai kena dibayar yang akan diambil sebagai merupakan cukai,

ke atas pembekalan itu.

(3) Subseksyen (2) hendaklah terpakai sama ada atau tidak—

- (a) inouis itu ialah suatu inouis cukai yang dikeluarkan di bawah seksyen 33;
- (b) pembekalan yang ditunjukkan pada inouis itu sebenarnya berlaku atau telah berlaku atau amaun yang ditunjukkan sebagai cukai atau apa-apa amaun cukai ialah atau telah boleh dikenakan ke atas pembekalan itu; atau
- (c) orang yang mengeluarkan inouis itu ialah seorang orang kena cukai,

dan apa-apa amaun yang boleh didapatkan daripada orang di bawah subseksyen (2) itu hendaklah boleh didapatkan sedemikian dan hendaklah selainnya boleh didapatkan semula sebagai suatu hutang sivil yang terhutang kepada Kerajaan.

(4) Dalam apa-apa prosiding untuk mendapatkan cukai, penalti atau surcaj di bawah subseksyen (1), pengemukaan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah bahawa apa-apa cukai, penalti atau surcaj dan amaun yang ditunjukkan pada perakuan itu sebagai kena dibayar dalam apa-apa penyata, taksiran atau notis yang dibuat di bawah Akta ini daripada orang yang dinamakan pada perakuan itu dan yang menyatakan alamat orang itu dan berupa sebagai suatu salinan atau cabutan daripada apa-apa notis taksiran hendaklah menjadi keterangan muktamad bagi pembuatan taksiran itu dan hendaklah menjadi autoriti yang mencukupi untuk mahkamah memberikan penghakiman bagi amaun itu.

(5) Apa-apa penalti atau surcaj yang dikenakan di bawah Akta ini hendaklah, bagi maksud Akta ini dan Akta Had Masa 1953 [Akta 254], Ordinan Had Masa Sabah [*Sabah Cap. 72*] dan Ordinan Had Masa Sarawak [*Sarawak Cap. 49*], mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh didapatkan seolah-olah penalti atau surcaj itu ialah cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ini dan dengan yang demikian subseksyen 6(4) Akta Had Masa 1953, seksyen 3 Ordinan Had Masa Sabah dan seksyen 3 Ordinan Had Masa Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidaklah terpakai bagi penalti atau surcaj itu.

Penyitaan barang untuk mendapatkan semula cukai, dsb.

48. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 43, apa-apa barang kepunyaan orang yang disebut dalam seksyen 43 yang boleh berada dalam kawalan eksais atau kawalan kastam atau di tempat perniagaannya boleh disita sehingga cukai, penalti atau wang lain, atau kekurangan cukai, penalti atau wang lain, telah dibayar, atau pembayaran balik yang terkhalaf dibayar kepadanya itu dibayar semula.

(2) Walau apa pun seksyen 52, Ketua Pengarah boleh menyita atau menjual apa-apa barang kepunyaan orang yang bertanggung untuk membayar cukai, penalti atau wang lain bagi mendapatkan amaun yang genap masa dan kena dibayar di bawah seksyen 43 dan terakru di bawah seksyen 52 atau apa-apa baki tertunggak pada amaun itu.

(3) Jika cukai, penalti atau wang lain atau kekurangan itu, atau pembayaran balik itu yang patut dibayar semula masih belum dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, Ketua Pengarah boleh—

- (a) selepas memberikan notis secara bertulis tidak kurang daripada tiga puluh hari kepada pemunya atau ejennya jika nama dan alamat pemunya atau ejen itu diketahui olehnya; atau
- (b) selepas notis sewajarnya dalam *Warta* jika nama dan alamat pemunya atau ejen itu tidak diketahui olehnya,

menjual barang itu.

(4) Hasil penjualan mana-mana barang hendaklah digunakan bagi pembayaran cukai, penalti dan wang lain atau kekurangan cukai, penalti atau wang lain yang kena dibayar atau pembayaran balik yang dibayar secara terkhilaf atau caj-caj lain yang boleh kena dibayar berkenaan dengan penjualan apa-apa barang itu dan lebihannya, jika ada, hendaklah dibayar kepada pemunya barang itu dan jika pemunya itu tidak dapat dikesan dalam tempoh satu bulan dari penjualan itu, apa-apa lebihan hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(5) Jika semasa penjualan mana-mana barang itu tiada tawaran yang mencukupi didapatkan untuk membayar cukai, penalti atau wang lain yang kena dibayar atau kekurangan cukai, penalti atau wang lain yang kena dibayar atau pembayaran balik yang dibayar secara terkhilaf, mengikut mana-mana yang berkenaan, barang itu hendaklah dilucuthakkan kepada Kerajaan dan hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(6) Tiap-tiap penjualan lelong di bawah seksyen ini—

- (a) hendaklah dikendalikan oleh atau di hadapan seorang pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan; dan
- (b) bolehlah dikendalikan secara elektronik mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Kuasa untuk memungut cukai, dsb., daripada orang yang berhutang wang kepada orang kena cukai

49. (1) Jika apa-apa cukai, penalti, surcaj atau wang lain adalah genap masa dan kena dibayar, kena dibayar atau terakru oleh mana-mana orang kena cukai, Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis yang sesalinannya hendaklah dipanjangkan kepada orang kena cukai di tempat alamat terakhirnya yang diketahui, menghendaki—

- (a) mana-mana orang yang ada apa-apa wang yang terhutang atau terakru atau boleh menjadi terhutang dan kena dibayar kepada orang kena cukai itu;
- (b) mana-mana orang yang memegang atau yang boleh kemudiannya memegang wang bagi atau atas akaun orang kena cukai itu;
- (c) mana-mana orang yang memegang atau yang boleh kemudiannya memegang wang bagi atau atas akaun seseorang yang lain untuk pembayaran kepada orang kena cukai itu; atau
- (d) mana-mana orang yang mempunyai kuasa daripada mana-mana orang lain untuk membayar wang kepada orang kena cukai itu,

supaya membayar kepada Ketua Pengarah dengan serta-merta, atau dalam masa yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, wang yang bukan gaji atau upah yang kena dibayar atau terakru kepada orang kena cukai itu atau sebanyak mana daripadanya yang cukup untuk membayar cukai, penalti atau surcaj, jika ada, yang genap masa dan kena dibayar, kena dibayar atau terakru oleh orang kena cukai itu sebagaimana yang disebut terdahulu.

(2) Semua pembayaran yang dibuat menurut apa-apa notis di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan telah dibuat bagi pihak orang kena cukai itu dan dengan kuasa daripada orang kena cukai itu dan daripada semua orang lain yang berkenaan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, Ketua Pengarah boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberinya maklumat tentang apa-apa wang, dana atau aset yang boleh dipegang oleh orang itu untuk atau bagi apa-apa wang yang terhutang yang kena dibayar olehnya kepada mana-mana orang lain.

Mendapatkan cukai daripada orang yang meninggalkan Malaysia

50. (1) Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang hendak atau berkemungkinan meninggalkan Malaysia tanpa membayar—

- (a) apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar olehnya;
- (b) apa-apa penalti yang kena dibayar di bawah seksyen 45;
- (c) apa-apa surcaj yang terakru di bawah seksyen 52; atau
- (d) apa-apa wang lain yang boleh didapati daripadanya di bawah Akta ini,

Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada mana-mana Pesuruhjaya Polis atau Pengarah Imigresen suatu notis yang mengandungi butir-butir mengenai orang itu dan kesalahan yang dilakukan olehnya dengan permintaan supaya orang itu dihalang daripada meninggalkan Malaysia melainkan jika dan sehingga dia membayar cukai, penalti, surcaj atau apa-apa wang lain itu, atau memberikan jaminan yang memuaskan hati Ketua Pengarah bagi pembayarannya.

(2) Tertakluk kepada apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan buang negeri atau imigresen, mana-mana Pesuruhjaya Polis atau Pengarah Imigresen yang menerima notis di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan seseorang hendaklah menjalankan segala langkah yang boleh termasuk pemindahan dan penahanan apa-apa perakuan pengenalan, pasport, permit keluar atau dokumen perjalanan lain berhubungan dengan orang itu sebagaimana yang perlu untuk menguatkuasakan notis itu.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) disampaikan secara sendiri atau melalui pos berdaftar kepada orang yang dengannya notis itu adalah berhubungan:

Dengan syarat bahawa ketidakterimaan notis itu oleh orang itu tidak boleh menidaksahkan apa-apa yang dilakukan di bawah seksyen ini.

(4) Jika orang yang berkenaan dengannya suatu notis telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) mengemukakan pada atau selepas tarikh notis itu suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang menyatakan bahawa apa-apa cukai, penalti, surcaj atau apa-apa wang lain yang dinyatakan dalam notis itu telah dibayar atau bahawa jaminan telah diberikan bagi pembayarannya, pernyataan itu hendaklah menjadi autoriti yang mencukupi untuk membenarkan orang itu meninggalkan Malaysia.

(5) Tiada prosiding undang-undang boleh dimulakan atau dikekalkan terhadap Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana pegawai awam berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan dengan sah di bawah seksyen ini.

(6) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “Pesuruhjaya Polis” ertinya Pesuruhjaya yang dilantik di bawah subseksyen 5(1) Akta Polis 1967 [*Akta 344*];

(b) “Pengaroh Imigresen” ertinya Pengarah Imigresen yang dilantik di bawah subseksyen 3(1A) Akta Imigresen 1959/1963 [*Akta 155*].

Kuasa untuk menghendaki jaminan

51. Jika ternyata pada Ketua Pengarah perlu untuk berbuat sedemikian bagi pematuhan sewajarnya peruntukan Akta ini dan secara amnya bagi perlindungan hasil, Ketua Pengarah boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberikan jaminan atau jaminan tambahan bagi apa-apa amaun mengikut apa-apa cara yang ditentukan olehnya bagi pembayaran apa-apa cukai yang atau boleh menjadi genap masa dan kena dibayar olehnya.

Pembayaran secara ansuran

52. (1) Ketua Pengarah boleh membenarkan apa-apa cukai atau penalti dibayar secara ansuran, di bawah hal keadaan yang ditetapkan dalam apa-apa amaun dan pada apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Jika cukai itu dibenarkan untuk dibayar secara ansuran, seksyen 45 tidak terpakai bagi cukai itu dari tarikh Ketua Pengarah memberikan kebenaran bagi pembayaran secara ansuran itu.

(3) Jika berlaku keingkaran dalam pembayaran mana-mana satu ansuran pada tarikh genap masanya bagi pembayaran baki amaun yang genap masa dan kena dibayar atau kena dibayar, keseluruhan amaun yang tertunggak itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar atau kena dibayar pada tarikh itu dan hendaklah, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan kepada orang yang bertanggung untuk membayar amaun yang genap masa itu, menjadi tertakluk kepada suatu surcaj yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada baki itu dan surcaj itu hendaklah boleh didapatkan seolah-olah surcaj itu adalah genap masa dan kena dibayar atau kena dibayar di bawah Akta ini.

Barang diimport tidak boleh dilepaskan sehingga cukai dibayar

53. Apa-apa barang yang diimport tidak boleh dilepaskan daripada kawalan kastam sehingga cukai ke atas barang itu telah dibayar sepenuhnya kecuali sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah.

Tanggungjawab pengarah, dsb.

54. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika cukai, penalti, surcaj atau apa-apa wang lain adalah genap masa dan kena dibayar, kena dibayar atau terakru di bawah Akta ini oleh—

- (a) syarikat;
- (b) firma; atau
- (c) pertubuhan atau kumpulan orang lain,

pengarah syarikat atau rakan kongsi firma atau pegawai atau anggota jawatankuasa pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah bersama dengan syarikat, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi cukai, penalti, surcaj atau apa-apa wang lain itu:

Dengan syarat bahawa berhubung dengan sesuatu syarikat yang sedang digulungkan, pengarah syarikat itu hendaklah hanya bertanggung jika aset syarikat itu tidak mencukupi untuk menjelaskan amaun yang terhutang, selepas membayar apa-apa

jumlah yang mempunyai keutamaan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] berhubung dengan penggunaan aset syarikat itu dalam penggulangan itu berbanding dengan cukai, penalti, surcaj atau apa-apa wang lain itu.

BAHAGIAN VI

KUMPULAN WANG BAGI PEMBAYARAN BALIK CBP

Penubuhan Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik CBP

55. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik CBP (dalam seksyen ini disebut “Kumpulan Wang”) ditubuhkan yang hendaklah dinyatakan dan digabungkan dalam Jadual Kedua kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*].

(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang itu amaun cukai yang dipungut di bawah Akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri.

(3) Wang dalam Kumpulan Wang hendaklah digunakan untuk membuat apa-apa pembayaran balik di bawah seksyen 38 dan Bahagian VII.

(4) Kumpulan Wang itu hendaklah ditadbirkan oleh Akauntan Negara Malaysia.

(5) Walau apa pun subseksyen (2) dan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957, Menteri boleh memberi kuasa pembayaran ke dalam Akaun Hasil Disatukan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi semua atau sebahagian daripada wang dalam Kumpulan Wang itu.

Ketidakbolehpakaian seksyen 14A Akta Tatacara Kewangan 1957

56. Seksyen 14A Akta Tatacara Kewangan 1957 tidak terpakai bagi apa-apa pembayaran balik di bawah seksyen 38 dan Bahagian VII.

BAHAGIAN VII

PELEPASAN, PENGECUALIAN, PEMBAYARAN BALIK DAN PEREMITAN

Kuasa Menteri untuk membenarkan pelepasan dan pengecualian

57. (1) Menteri boleh, melalui perintah dalam *Warta* dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan, melepaskan mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai yang boleh menjadi genap masa dan kena dibayar ke atas apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan atau apa-apa pengimportan barang atau kelas barang.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

(3) Menteri boleh, dalam apa-apa hal tertentu dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan—

(a) melepaskan mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai itu yang boleh menjadi genap masa dan kena dibayar ke atas apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan atau apa-apa pengimportan barang atau kelas barang; dan

(b) mengecualikan mana-mana orang kena cukai atau golongan orang kena cukai daripada pengenaan dan pungutan cukai ke atas apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan.

(4) Jika seseorang orang kena cukai membekalkan barang atau perkhidmatan kepada seseorang atau suatu golongan orang yang disebut dalam subseksyen (1) atau perenggan (3)(a), orang kena cukai itu hendaklah dikecualikan daripada pengenaan dan pungutan cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas pembekalan itu.

(5) Jika mana-mana orang yang diberi pelepasan di bawah subseksyen (1) atau perenggan (3)(a) tidak mematuhi syarat yang tertakluk kepadanya pelepasan itu diberikan, apa-apa cukai yang telah menjadi hal perkara pelepasan itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar oleh orang itu pada masa syarat itu terhenti dipenuhi.

Pembayaran balik cukai, dsb., yang terlebih bayar atau terkhilaf bayar

58. (1) Mana-mana orang yang terlebih bayar atau terkhilaf bayar apa-apa cukai, penalti atau surcaj boleh membuat suatu tuntutan baginya dalam borang yang ditetapkan kepada Ketua Pengarah dalam masa enam tahun dari masa pembayaran lebih atau pembayaran terkhilaf itu berlaku dan Ketua Pengarah boleh membayar balik cukai, penalti atau surcaj itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas berpuas hati bahawa orang itu telah membuktikan tuntutan itu dengan sepatutnya.

(2) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau menolak apa-apa pembayaran balik yang kena dibayar di bawah seksyen ini setakat yang pembayaran balik itu akan dengan tidak patut mengayakan orang yang disebut dalam subseksyen (1) itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika suatu tuntutan melibatkan suatu amaun cukai yang tidak melebihi satu ribu ringgit, orang yang membuat tuntutan itu hendaklah membuat pelarasan dalam penyata di bawah seksyen 41 untuk menuntut amaun cukai yang terlebih bayar atau terkhilaf bayar itu.

(4) Tuntutan di bawah seksyen ini hendaklah disokong oleh apa-apa keterangan yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(5) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen ini, Ketua Pengarah tidaklah bertanggungjawab untuk membayar balik suatu amaun yang dibayar kepada orang yang disebut dalam subseksyen (1) dalam bentuk cukai disebabkan fakta bahawa amaun itu bukan cukai yang genap masa yang kena dibayar kepada orang itu.

(6) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu tuntutan pembayaran balik di bawah seksyen 10, 17 dan 18.

Pelepasan hutang lapuk

59. (1) Tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, mana-mana orang yang atau telah berhenti menjadi seorang orang kena cukai boleh membuat suatu tuntutan kepada

Ketua Pengarah bagi suatu pelepasan untuk hutang lapuk ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai yang dibayar olehnya berkenaan dengan pembekalan bercukai jika—

- (a) orang itu belum menerima apa-apa bayaran atau sebahagian daripada bayaran itu berkenaan dengan pembekalan bercukai itu daripada penghutang enam bulan dari tarikh pembekalan itu atau penghutang itu telah menjadi tidak solven sebelum berakhirnya tempoh enam bulan itu; dan
- (b) usaha yang mencukupi telah dibuat olehnya untuk mendapatkan hutang itu.

(2) Jika orang yang disebut dalam subseksyen (1)—

- (a) belum menerima apa-apa bayaran berkenaan dengan pembekalan bercukai itu, orang itu boleh membuat suatu potongan atau tuntutan bagi keseluruhan cukai yang dibayar itu; atau
- (b) telah menerima sebahagian daripada bayaran berkenaan dengan pembekalan bercukai itu, orang itu boleh membuat suatu potongan atau tuntutan bagi amaun yang dikira mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A1}{B} \quad x \quad C$$

iaitu A1 ialah bayaran yang tidak diterima berkenaan dengan pembekalan bercukai;

B ialah balasan bagi pembekalan bercukai; dan

C ialah cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas pembekalan bercukai.

(3) Jika suatu pelepasan bagi hutang lapuk dibuat oleh Ketua Pengarah kepada seseorang dan apa-apa bayaran berkenaan dengan pembekalan bercukai yang ke atasnya cukai itu adalah genap masa dan kena dibayar kemudiannya diterima oleh orang itu, orang itu hendaklah membayar semula kepada Ketua Pengarah amaun yang dikira mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A2}{B} \quad x \quad C$$

- iaitu A2 ialah bayaran yang diterima berkenaan dengan pembekalan bercukai;
- B ialah balasan bagi pembekalan bercukai; dan
- C ialah cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas pembekalan bercukai.

Pelepasan barang terpakai

60. (1) Mana-mana orang kena cukai boleh, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan, mendapat suatu pengurangan apa-apa cukai yang boleh dikenakan ke atas apa-apa pembekalan barang yang mengikut perihalan yang ditetapkan dalam hal jika tiada cukai boleh dikenakan ke atas pembekalan barang yang terdahulu itu.

(2) Cukai yang boleh dikenakan ke atas pembekalan barang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dikurangkan ke atas cukai yang dikenakan seolah-olah pembekalan barang itu adalah bagi suatu balasan yang bersamaan dengan lebihan $X - Y$,

iaitu X ialah balasan bagi barang yang dibekalkan;
dan

Y ialah balasan bagi barang yang diperoleh,

dan jika tiada lebihan, cukai tidaklah dikenakan.

(3) Seksyen ini hendaklah terpakai dalam hal jika pembekalan barang yang terdahulu, dan walau apa pun subseksyen (1), pengimportan barang yang terdahulu berlaku sebelum tarikh ditetapkan.

(4) Bagi maksud seksyen ini, sebutan mengenai suatu pembekalan barang jika tiada cukai dikenakan termasuk sebutan mengenai perkara di bawah perenggan 4 Jadual Kedua.

Mendapatkan cukai, dsb., yang dibayar balik secara terkhilaf

61. Jika apa-apa cukai, penalti atau surcaj selepas dibayar telah dibayar balik secara terkhilaf kepada mana-mana orang, orang itu hendaklah membayar pembayaran balik yang dibayar secara

terkhalaf kepadanya apabila suatu tuntutan dibuat oleh Ketua Pengarah dalam tempoh enam tahun dari tarikh pembayaran balik itu dibuat.

Skim Bayar Balik Pelancong

62. (1) Hendaklah ada suatu skim yang dikenali sebagai “Skim Bayar Balik Pelancong” yang membenarkan mana-mana pelancong yang layak untuk menuntut suatu pembayaran balik ke atas cukai yang dibayar ke atas barang tertentu yang dibeli di Malaysia daripada suatu kedai yang diluluskan.

(2) Pelaksanaan Skim Bayar Balik Pelancong hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

Peremitan cukai, dsb.

63. (1) Menteri boleh meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ini jika difikirkannya patut.

(2) Ketua Pengarah boleh meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian penalti yang kena dibayar atau surcaj yang terakru di bawah Akta ini jika adil dan saksama untuk berbuat demikian.

(3) Jika seseorang yang telah diberi peremitan di bawah subseksyen (1) dan (2) telah membayar apa-apa cukai, penalti atau surcaj yang dengannya peremitan itu adalah berhubungan, dia adalah berhak kepada suatu pembayaran balik amaun cukai, penalti atau surcaj yang telah diremitkan itu.

Peremitan cukai ke atas barang yang hilang, dsb., di bawah kawalan kastam

64. (1) Jika apa-apa barang yang diimport—

(a) hilang, rosak atau musnah kerana kemalangan yang tidak dapat dielakkan; atau

(b) hilang disebabkan kecurian atau penyejatan,

pada bila-bila masa selepas ketibaan barang yang diimport itu di Malaysia tetapi sebelum pemindahan daripada kawalan kastam, Ketua Pengarah boleh meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas barang yang diimport itu.

(2) Selepas pemindahan apa-apa barang daripada kawalan kastam, tiada pengurangan apa-apa cukai yang dikenakan ke atas pengimportan barang itu boleh dibenarkan—

- (a) atas sebab kehilangan atau kerosakan; atau
- (b) atas sebab apa-apa tuntutan bahawa berat, ukuran, isi padu atau nilai sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah bagi maksud menentukan cukai ke atas barang, atau apa-apa faktor lain yang menyentuh barang itu, adalah tidak betul,

melainkan jika notis secara bertulis tentang tuntutan itu telah diberikan kepada Ketua Pengarah oleh mana-mana orang yang menuntut pada atau sebelum masa pemindahan itu.

BAHAGIAN VIII

KES KHAS

Ketidakkapaian kepada Kerajaan

65. (1) Akta ini tidak terpakai berhubung dengan apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh—

- (a) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Menteri dalam perintah dalam *Warta*; atau
- (b) mana-mana pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun berkenaan dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaannya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun dikira menjalankan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaannya jika—

- (a) pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun itu diberi kuasa oleh mana-mana undang-undang bertulis yang suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaannya; dan

- (b) pembekalan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun itu bukanlah yang sama jenis atau serupa dengan suatu pembekalan bercukai yang dibuat oleh mana-mana orang lain dalam perjalanan atau penerusan sesuatu perniagaan.

Ejen

66. (1) Jika barang atau perkhidmatan dibekalkan oleh seseorang ejen yang bertindak bagi pihak seseorang prinsipal, pembekalan itu hendaklah disifatkan dibuat oleh prinsipal dan bukan oleh ejen itu.

(2) Jika barang atau perkhidmatan dibekalkan kepada seseorang ejen yang bertindak bagi pihak seseorang prinsipal, pembekalan itu hendaklah disifatkan dibuat kepada prinsipal dan bukan kepada ejen itu.

(3) Jika barang atau perkhidmatan dibekalkan melalui seseorang ejen yang bertindak atas namanya sendiri, pembekalan itu hendaklah dikira sebagai suatu pembekalan kepada ejen itu dan sebagai suatu pembekalan oleh ejen itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), jika seseorang ejen bertindak atas namanya sendiri sebagai seorang pelelong dan barang itu bukan barang yang diperihalkan di bawah subperenggan 4(7) Jadual Pertama—

- (a) pembekalan oleh seorang prinsipal yang ialah seorang orang kena cukai kepada pelelong itu tidaklah diambil kira; dan
- (b) pembekalan yang dibuat oleh pelelong itu hendaklah dikira sebagai suatu pembekalan yang dibuat oleh prinsipal itu dan pelelong itu sama ada dia ialah seorang orang kena cukai atau tidak hendaklah bertanggung bagi apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas pembekalan itu.

(5) Jika barang atau perkhidmatan dibekalkan oleh seseorang ejen yang bertindak bagi pihak seorang prinsipal yang ialah seorang orang kena cukai dan tempatnya bukan di Malaysia, pembekalan itu hendaklah disifatkan dibuat oleh ejen itu:

Dengan syarat bahawa pembekalan yang disifatkan dibuat oleh ejen itu tidak termasuk apa-apa pembekalan yang dibuat oleh ejen itu atas namanya sendiri.

(6) Bagi maksud subseksyen (5), seseorang hendaklah dikira sebagai tempatnya bukan di Malaysia jika—

- (a) dia tiada establismen perniagaan atau establismen tetap lain di Malaysia;
- (b) dia tiada apa-apa establismen sedemikian di mana-mana negara dan tempat tinggal biasanya bukan di Malaysia; atau
- (c) dia mempunyai establismen sedemikian kedua-duanya di Malaysia dan di tempat lain dan establismennya yang paling berkaitan secara langsung dengan pembekalan itu bukan di Malaysia,

dan bagi maksud perenggan (a), (b) dan (c), suatu establismen tetap di Malaysia atau di mana-mana negara lain termasuklah suatu cawangan atau agensi yang melaluinya seseorang itu menjalankan suatu perniagaan di Malaysia atau di negara lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Jika barang diimport dan dibekalkan oleh seseorang ejen yang ialah seorang orang kena cukai yang bertindak bagi pihak seorang prinsipal yang ialah seorang yang selain orang kena cukai, barang itu hendaklah disifatkan diimport dan dibekalkan oleh ejen itu.

Bekalan menjangkau perubahan kadar atau perihalan

67. (1) Walau apa pun seksyen 11, seksyen ini hendaklah terpakai jika terdapat suatu perubahan dalam—

- (a) kadar cukai yang ditetapkan di bawah seksyen 10;
- (b) perihalan pembekalan barang atau perkhidmatan yang ditentukan sebagai pembekalan berkadar sifar di bawah seksyen 17; atau
- (c) perihalan pembekalan barang atau perkhidmatan yang ditentukan sebagai pembekalan dikecualikan di bawah seksyen 18.

(2) Jika terdapat perubahan dalam kadar cukai yang ditetapkan di bawah seksyen 10, kadar yang cukai itu boleh dikenakan ke

atas apa-apa pembekalan yang menjangkau perubahan dalam kadar cukai hendaklah seperti yang berikut:

- (a) cukai hendaklah dikenakan pada kadar cukai lama atas amaun yang lebih tinggi yang berikut:
 - (i) bayaran penuh atau bayaran sebahagian yang diterima sebelum tarikh perubahan dalam kadar cukai itu; atau
 - (ii) nilai pembekalan barang itu jika barang itu dipindahkannya atau tersedia secara keseluruhannya atau sebahagiannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebelum tarikh perubahan dalam kadar cukai itu; dan
- (b) cukai hendaklah dikenakan pada kadar cukai baru atas perbezaan, jika ada, antara amaun keseluruhan pembekalan dengan amaun yang disebut dalam perenggan (a).

(3) Jika terdapat perubahan dalam perihalan pembekalan barang atau perkhidmatan yang ditentukan sebagai pembekalan berkadar sifar di bawah seksyen 17, kadar yang cukai itu boleh dikenakan ke atas pembekalan yang menjangkau perubahan dalam perihalan hendaklah seperti yang berikut:

- (a) dalam hal pembekalan berkadar sifar bertukar kepada pembekalan berkadar standard dan yang menjangkau perubahan itu—
 - (i) tiada cukai hendaklah dikenakan ke atas amaun yang lebih tinggi yang berikut:
 - (aa) bayaran penuh atau bayaran sebahagian yang diterima sebelum tarikh perubahan dalam perihalan itu; atau
 - (bb) nilai pembekalan berkadar sifar barang itu jika barang itu dipindahkan atau tersedia secara keseluruhannya atau sebahagiannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebelum tarikh perubahan dalam perihalan itu; dan
 - (ii) cukai hendaklah dikenakan atas perbezaan, jika ada, antara amaun keseluruhan pembekalan dengan amaun yang disebut dalam subperenggan (a)(i);

(b) dalam hal pembekalan berkadar standard bertukar kepada pembekalan berkadar sifar dan yang menjangkau perubahan—

(i) cukai hendaklah dikenakan atas amaun yang lebih tinggi yang berikut:

(aa) bayaran penuh atau bayaran sebahagian yang diterima sebelum tarikh perubahan dalam perihalan itu; atau

(bb) nilai pembekalan berkadar standard barang itu jika barang itu dipindahkan atau tersedia secara keseluruhannya atau sebahagiannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebelum tarikh perubahan dalam perihalan itu; dan

(ii) tiada cukai hendaklah dikenakan atas perbezaan, jika ada, antara amaun keseluruhan pembekalan dengan amaun yang disebut dalam subperenggan (b)(i).

(4) Jika terdapat perubahan dalam perihalan pembekalan barang atau perkhidmatan yang ditentukan sebagai suatu pembekalan dikecualikan di bawah seksyen 18, kadar yang cukai itu boleh dikenakan atas pembekalan yang menjangkau perubahan dalam perihalan itu hendaklah seperti yang berikut:

(a) dalam hal suatu pembekalan dikecualikan bertukar kepada pembekalan bercukai dan yang menjangkau perubahan—

(i) tiada cukai hendaklah dikenakan atas amaun yang lebih tinggi yang berikut:

(aa) bayaran penuh atau bayaran sebahagian yang diterima sebelum tarikh perubahan dalam perihalan itu; atau

(bb) nilai pembekalan dikecualikan barang itu jika barang itu dipindahkan atau tersedia secara keseluruhannya atau sebahagiannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebelum tarikh perubahan dalam perihalan itu; dan

- (ii) cukai hendaklah dikenakan atas perbezaan, jika ada, antara amaun keseluruhan pembekalan dengan amaun yang disebut dalam subperenggan (a)(i);
- (b) dalam hal pembekalan bercukai bertukar kepada pembekalan dikecualikan dan yang menjangkau perubahan—
 - (i) cukai hendaklah dikenakan pada kadar cukai lama atas amaun yang lebih tinggi yang berikut:
 - (aa) bayaran penuh atau bayaran sebahagian yang diterima sebelum tarikh perubahan dalam perihalan itu; atau
 - (bb) nilai pembekalan bercukai barang itu jika barang itu dipindahkan atau tersedia secara keseluruhannya atau sebahagiannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebelum tarikh perubahan dalam perihalan itu; dan
 - (ii) tiada cukai boleh dikenakan atas perbezaan, jika ada, antara amaun pembekalan keseluruhan dengan amaun yang disebut dalam subperenggan (b)(i).
- (5) Bagi maksud seksyen ini—
 - (a) apa-apa pembekalan yang menjangkau perubahan dalam kadar cukai atau perihalan merujuk kepada apa-apa pembekalan jika—
 - (i) bayaran penuh diterima sebelum tarikh perubahan dalam kadar cukai atau perihalan dan barang itu dipindahkan atau tersedia secara keseluruhannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara keseluruhannya selepas tarikh itu;
 - (ii) bayaran penuh diterima selepas tarikh perubahan dalam kadar cukai atau perihalan dan barang itu dipindahkan atau tersedia secara keseluruhannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara keseluruhannya sebelum tarikh itu;
 - (iii) bayaran penuh diterima sebelum tarikh perubahan dalam kadar cukai atau perihalan dan barang itu dipindahkan atau tersedia secara sebahagiannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara sebahagiannya sebelum dan selepas tarikh itu;

- (iv) bayaran penuh diterima selepas tarikh perubahan dalam kadar cukai atau perihalan dan barang itu dipindahkan atau tersedia secara sebahagiannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara sebahagiannya sebelum dan selepas tarikh itu;
 - (v) barang itu dipindahkan atau tersedia secara keseluruhannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara keseluruhannya sebelum tarikh perubahan dalam kadar cukai atau perihalan dan bayaran sebahagian diterima sebelum dan selepas tarikh itu;
 - (vi) barang itu dipindahkan atau tersedia secara keseluruhannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara keseluruhannya selepas tarikh perubahan dalam kadar cukai atau perihalan dan bayaran sebahagian diterima sebelum dan selepas tarikh itu;
 - (vii) bayaran sebahagian diterima sebelum tarikh perubahan dalam kadar cukai atau perihalan dan bayaran sebahagian diterima selepas tarikh itu;
 - (viii) bayaran sebahagian diterima sebelum tarikh perubahan dalam kadar cukai atau perihalan dan barang itu dipindahkan atau tersedia secara sebahagiannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara sebahagiannya selepas tarikh itu;
 - (ix) barang dipindahkan atau tersedia secara sebahagiannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara sebahagiannya sebelum tarikh perubahan dalam kadar cukai atau perihalan dan bayaran sebahagian diterima selepas tarikh itu; atau
 - (x) barang dipindahkan atau tersedia secara sebahagiannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara sebahagiannya sebelum tarikh perubahan dalam kadar cukai atau perihalan dan barang itu dipindahkan atau tersedia secara sebahagiannya atau perkhidmatan dilaksanakan secara sebahagiannya selepas tarikh itu;
- (b) “kadar cukai baru” ertinya kadar cukai yang terpakai pada tarikh perubahan dalam kadar cukai itu berkuat kuasa;
- (c) “kadar cukai lama” ertinya kadar cukai yang terpakai sebaik sebelum tarikh perubahan dalam kadar cukai itu berkuat kuasa;

(d) “pembekalan berkadar standard” ertinya apa-apa pembekalan yang boleh dikenakan kadar cukai yang ditetapkan di bawah seksyen 10.

(6) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Pelarasan kontrak pada perubahan cukai

68. Jika selepas membuat apa-apa kontrak bagi apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan dan sebelum barang itu dibekalkan atau perkhidmatan itu dilaksanakan, terdapat perubahan dalam kadar cukai yang dikenakan atas pembekalan itu, maka melainkan jika terdapat peruntukan yang nyata bagi mengecualikan apa-apa perubahan pada cukai yang dikenakan dalam kontrak itu atau jika perubahan pada kadar cukai telah diambil kira, kontrak itu hendaklah disifatkan sebagai diselaraskan seperti yang berikut:

(a) jika perubahan pada kadar cukai menjadikan pembekalan itu bertanggung untuk dikenakan cukai atau menaikkan amaun apa-apa cukai yang dikenakan atau yang boleh dikenakan berhubung dengan pembekalan itu, pembekal itu boleh menambah kepada harga yang dipersetujui dalam kontrak amaun cukai atau kenaikan pada cukai itu;

(b) jika perubahan pada kadar cukai menjadikan pembekalan itu dikecualikan daripada cukai atau mengurangkan amaun apa-apa cukai yang dikenakan atau yang boleh dikenakan berhubung dengan pembekalan itu, pembekal boleh memotong daripada harga yang telah dipersetujui dalam kontrak amaun cukai atau pengurangan pada cukai itu.

Pemindahan usaha berterusan

69. (1) Jika mana-mana orang kena cukai (kemudian daripada ini disebut “pemindah”) memindahkan perniagaannya kepada orang lain (kemudian daripada ini disebut “penerima pindahan”) sebagai usaha berterusan—

(a) bagi maksud untuk menentukan sama ada penerima pindahan adalah bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta ini, penerima pindahan hendaklah dikira

sebagai telah menjalankan perniagaan itu sebelum dan juga selepas pemindahan itu dan apa-apa pembekalan oleh pemindah hendaklah dikira sebagai dibekalkan oleh penerima pindahan itu; dan

- (b) pemindah hendaklah memindahkan kepada penerima pindahan, melainkan jika dibenarkan selainnya secara bertulis oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan atas permintaan pemindah itu, semua rekod yang berhubungan dengan perniagaan itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 36 dan penerima pindahan itu hendaklah menyimpan rekod itu menurut seksyen 36.

(2) Jika—

- (a) suatu perniagaan atau sebahagian daripadanya yang dijalankan oleh orang kena cukai dipindahkan sebagai usaha berterusan kepada penerima pindahan yang ialah atau akan menjadi orang kena cukai menurut kuasa pemindahan itu bersama dengan aset perniagaan itu; dan
- (b) menurut kuasa Jadual Kedua, pembekalan aset kepada orang kena cukai dikira sebagai bukan pembekalan barang atau pembekalan perkhidmatan,

penerima pindahan hendaklah disifatkan telah menanggung cukai input atas nilai pembekalan aset itu dan telah menolak cukai input daripada apa-apa cukai output yang kena dibayar oleh penerima pindahan pada hari pembekalan itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, nilai pembekalan apa-apa aset di bawah subseksyen (2) hendaklah dikira mengikut seksyen 15 tanpa tambahan cukai.

(4) Pemindah dan penerima pindahan boleh menuntut apa-apa cukai input yang ditanggung yang bersampingan dengan pemindahan usaha berterusan itu.

Usaha sama

70. (1) Jika dua orang berdaftar atau lebih menyertai suatu aktiviti yang berhubungan dengan petroleum di bawah suatu usaha sama, yang dibuktikan secara kontrak bertulis, bagi maksud membuat pembekalan bercukai (kemudian daripada ini disebut “pengusaha”), pengusaha itu boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk disifatkan sebagai suatu usaha sama.

(2) Pengusaha hendaklah, dalam permohonan di bawah subseksyen (1), mencalonkan seorang daripada pengusaha untuk menjadi pengendali usaha atau melantik suatu syarikat pengendalian bersama untuk menjadi pengendali usaha.

(3) Suatu syarikat pengendalian bersama yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai orang kena cukai bagi maksud usaha sama itu.

(4) Jika suatu usaha sama di bawah subseksyen (1) telah diluluskan, usaha sama itu hendaklah didaftarkan sebagai orang berdaftar dan pendaftaran itu hendaklah atas nama pengendali usaha itu.

(5) Jika suatu usaha sama telah didaftarkan di bawah subseksyen (4)—

(a) pengendali usaha hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi usaha sama itu;

(b) apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan bagi maksud untuk menjalankan perniagaan usaha sama antara seorang pengusaha dengan pengendali usaha tidaklah diambil kira;

(c) jika—

(i) setiap pengusaha yang memperoleh apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan bagi usaha sama itu, pengusaha itu hendaklah menuntut potongan cukai input atas perolehan yang dibuat olehnya berkenaan dengan usaha sama itu;

(ii) pengendali usaha yang memperoleh apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan bagi usaha sama itu, pengendali usaha itu hendaklah menuntut potongan cukai input atas perolehan yang dibuat olehnya berkenaan dengan usaha sama itu;

(d) setiap pengusaha hendaklah mengakaun dan membayar cukai atas pembekalan yang dibuat olehnya berkenaan dengan usaha sama itu.

(6) Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran suatu usaha sama di bawah subseksyen (4) jika difikirkannya patut bagi perlindungan hasil.

(7) Semua pengusaha usaha sama itu hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa cukai yang kena dibayar daripada pengendali usaha.

(8) Jika Menteri menetapkan apa-apa aktiviti lain untuk disifatkan sebagai suatu usaha sama di bawah seksyen 181, seksyen ini hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi aktiviti yang ditetapkan itu.

(9) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “usaha sama” ertinya suatu perkiraan secara kontrak yang menurutnya dua pihak atau lebih mengusahakan suatu aktiviti ekonomi yang tertakluk kepada kawalan bersama tetapi tidak termasuk entiti yang dikawal secara bersama;
- (b) “aktiviti yang berhubungan dengan petroleum” ertinya suatu aktiviti huluan yang bermula dengan carigali awal termasuk aktiviti seismos dan menggerudi dan berakhir apabila hasil (minyak mentah atau gas asli) meninggalkan pelantar untuk diangkut ke kemudahan penyimpanan;
- (c) apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan petroleum yang dikhidmat luar kepada pihak ketiga hendaklah diambil sebagai suatu aktiviti yang dijalankan dan diuruskan oleh pihak ketiga itu dan bukan suatu aktiviti yang dijalankan dan diuruskan oleh usaha sama itu;
- (d) “pengusaha” ertinya suatu pihak kepada suatu usaha sama dan yang mempunyai kawalan bersama ke atas usaha sama itu; dan
- (e) “pengendali usaha ” ertinya orang yang mengendalikan atau menguruskan usaha sama itu.

(10) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (5) berhubungan dengan perenggan (d) melakukan suatu kesalahan.

Skim Penggudangan

71. (1) Jika barang diimport yang ke atasnya cukai boleh dikenakan di bawah Akta ini dibekalkan sedangkan barang diimport itu adalah tertakluk kepada skim penggudangan dan sebelum peringkat duti, maka jika terdapat lebih daripada satu pembekalan sedemikian, apa-apa pembekalan melainkan pembekalan terakhir hendaklah, kecuali jika ternyata niatnya adalah berlawanan, tidak diambil kira.

(2) Pembekalan terakhir yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dikira sebagai berlaku di peringkat duti dan nilai pembekalan itu hendaklah dikira sebagai termasuk duti, jika ada.

(3) Cukai atas pembekalan terakhir yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah genap masa dan kena dibayar di peringkat duti, bersama dengan duti, jika ada, oleh orang yang dikehendaki untuk membayar duti atau, jika tiada duti yang genap masa dan kena dibayar, oleh orang yang memindahkan barang, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Tiada seorang pun boleh memindahkan daripada skim penggudangan apa-apa barang yang tertakluk kepada cukai dan duti kecuali—

- (a) selepas pembayaran cukai bersama dengan duti, jika ada;
- (b) jika barang itu berada dalam gudang kastam atau gudang berlesen, di bawah apa-apa syarat yang difikirkan oleh Ketua Pengarah patut untuk dikenakan, untuk disimpan dalam gudang kastam atau gudang berlesen yang lain; atau
- (c) menurut apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Ketua Pengarah patut untuk dikenakan, untuk dieksport semula dari Malaysia,

dan apa-apa barang tidak sekali-kali boleh dipindahkan dari suatu gudang.

(5) Apa-apa barang yang tidak tertakluk kepada apa-apa duti hendaklah ditafsirkan sebagai berada di bawah kawalan kastam jika barang itu tertakluk kepada skim penggudangan dan hendaklah ditafsirkan sebagai dipindahkan daripada kawalan kastam jika barang itu dipindahkan dari skim penggudangan.

(6) Sebutan mengenai barang yang tertakluk kepada skim penggudangan di bawah seksyen ini ialah sebutan mengenai barang yang disimpan dalam suatu gudang atau yang diangkut antara gudang tanpa pembayaran apa-apa cukai atau duti dan sebutan mengenai pemindahan barang dari suatu gudang hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

- (7) Bagi maksud seksyen ini—
- (a) “gudang kastam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967;
 - (b) “duti” ertinya duti kastam atau duti eksais atau kedua-dua duti kastam dan duti eksais;
 - (c) “kedai bebas cukai” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967;
 - (d) “peringkat duti”, berhubungan dengan apa-apa barang, ertinya masa apabila barang itu dipindahkan daripada skim penggudangan;
 - (e) “depot pelepasan pedalaman” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967;
 - (f) “gudang berlesen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967;
 - (g) “gudang” ertinya—
 - (i) mana-mana gudang kastam;
 - (ii) mana-mana gudang berlesen;
 - (iii) mana-mana kedai bebas cukai;
 - (iv) mana-mana depot pelepasan pedalaman.

(8) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan.

Skim Pedagang Diluluskan

72. (1) Hendaklah ada suatu skim yang dikenali sebagai “Skim Pedagang Diluluskan” yang membenarkan Ketua Pengarah untuk menggantung pembayaran cukai yang dikenakan ke atas barang yang diimport oleh mana-mana orang kena cukai yang layak pada masa pengimportan dengan syarat barang itu diimport dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya.

(2) Mana-mana orang kena cukai yang diberi kelulusan di bawah Skim Pedagang Diluluskan hendaklah mengakaun pembayaran cukai yang digantung bersama dengan cukai yang boleh dikenakan ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat olehnya dalam penyata bagi tempoh bercukai yang penggantungan itu adalah berhubungan dengannya tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

Skim Pengilang Tol Diluluskan

73. (1) Hendaklah ada suatu skim yang dikenali sebagai “Skim Pengilang Tol Diluluskan” yang membenarkan mana-mana orang kena cukai yang layak untuk tidak mengambil kira pembekalan barang yang mengandungi perawatan atau pemprosesan barang bagi dan kepada seseorang yang tempatnya di suatu negara selain Malaysia tertakluk kepada syarat yang ditetapkan (kemudian daripada ini disebut “pengilang tol”).

(2) Mana-mana orang yang tempatnya di Malaysia dan menerima barang yang telah dirawat atau diproses daripada pengilang tol (kemudian daripada ini disebut “penerima”), hendaklah mengakaun dan membayar cukai seolah-olah penerima itu sendiri telah membekalkan dan memperoleh barang itu di Malaysia dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya dan seolah-olah pembekalan itu ialah pembekalan bercukai.

(3) Walau apa pun seksyen 11, pembekalan barang yang telah dirawat atau diproses itu hendaklah dianggap sebagai berlaku pada masa yang lebih awal daripada masa-masa yang berikut:

- (a) apabila suatu pembayaran berkenaan dengan pembekalan itu dibuat; atau
- (b) apabila penerima menerima suatu invoice yang berhubungan dengan pembekalan itu.

(4) Penerima hendaklah—

- (a) jika dia seorang orang kena cukai, memasukkan cukai yang genap masa dan kena dibayar dalam penyatannya; atau
- (b) jika dia bukan seorang orang kena cukai, menjadi bertanggung terhadap cukai itu.

(5) Penerima hendaklah mengakaun dan membayar cukai seolah-olah cukai itu ialah suatu cukai atas pembekalan yang dibuat olehnya.

(6) Bagi maksud seksyen ini, seseorang hendaklah dikira tempatnya di sesuatu negara jika—

- (a) dia mempunyai establismen perniagaan atau establismen tetap di negara itu dan tiada establismen sedemikian di tempat lain;

- (b) dia tidak mempunyai establismen sedemikian di mana-mana negara tetapi tempat tinggal biasanya ialah di negara itu; atau
- (c) dia mempunyai establismen sedemikian di negara itu dan di tempat lain dan establismennya yang paling berkaitan secara langsung dengan pembekalan itu ialah di negara itu.

(7) Bagi maksud subseksyen (6), suatu establismen tetap dalam mana-mana negara termasuk suatu cawangan atau agensi yang melaluinya seseorang menjalankan perniagaan dalam negara itu.

Skim Tukang Emas Diluluskan

74. (1) Hendaklah ada suatu skim yang dikenali sebagai “Skim Tukang Emas Diluluskan” yang membenarkan mana-mana orang kena cukai yang layak untuk mengira suatu pembekalan barang yang ditetapkan kepadanya seolah-olah dia sendiri telah membekalkan dan memperoleh barang itu dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya (kemudian daripada ini disebut “tukang emas diluluskan”).

(2) Jika mana-mana orang kena cukai membuat apa-apa pembekalan barang yang ditetapkan kepada tukang emas diluluskan dan pembekalan barang yang ditetapkan itu ialah suatu pembekalan bercukai (kemudian daripada ini disebut “pembekal”), cukai atas pembekalan barang yang ditetapkan itu hendaklah tidak diakaun oleh pembekal tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

(3) Tukang emas diluluskan yang menerima pembekalan barang yang ditetapkan daripada pembekal hendaklah mengakaun dan membayar cukai itu seolah-olah dia sendiri telah membekalkan dan memperoleh barang itu di Malaysia dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya dan seolah-olah pembekalan barang yang ditetapkan itu merupakan pembekalan bercukai.

(4) Walau apa pun seksyen 11, pembekalan barang yang ditetapkan itu hendaklah dikira sebagai telah dibuat pada masa yang lebih awal daripada masa-masa yang berikut:

- (a) apabila suatu pembayaran berkenaan dengan pembekalan barang yang ditetapkan itu dibuat; atau
- (b) apabila tukang emas diluluskan menerima suatu invoice yang berhubungan dengan pembekalan itu.

(5) Tukang emas diluluskan hendaklah mengakaun dan membayar cukai seolah-olah cukai itu ialah cukai ke atas pembekalan barang yang ditetapkan yang dibuat olehnya.

Skim Kadar Rata

75. (1) Hendaklah ada suatu skim yang dikenali sebagai “Skim Kadar Rata” yang membenarkan mana-mana orang yang layak dan menjalankan perniagaan yang melibatkan aktiviti yang ditetapkan (kemudian daripada ini disebut “orang yang diluluskan”) untuk memasukkan suatu tambahan kadar rata yang ditetapkan dalam balasan bagi apa-apa pembekalan bercukai barang yang dibuat olehnya daripada aktiviti yang ditetapkan kepada mana-mana orang berdaftar dalam perjalanan atau penerusan perniagaan itu.

(2) Orang yang diluluskan tidak boleh—

(a) mengakaun tambahan kadar rata yang ditetapkan itu; dan

(b) berhak kepada kredit cukai input terhadap cukai output di bawah seksyen 38.

(3) Orang yang berdaftar hendaklah berhak kepada kredit cukai input terhadap cukai output di bawah seksyen 38 atas apa-apa pembekalan bercukai barang yang diperolehi daripada orang yang diluluskan daripada aktiviti yang ditetapkan di bawah Skim Kadar Rata yang bersamaan dengan amaun tambahan kadar rata yang ditetapkan atas pembekalan itu.

Ekuiti dan pasaran niaga hadapan

76. (1) Seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dan pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah dikira sebagai suatu entiti tunggal bagi maksud pendaftaran di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal ialah orang kena cukai.

(2) Pendaftaran entiti tunggal itu hendaklah atas nama pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu hendaklah menjadi ketua anggota bagi entiti tunggal itu.

(3) Jika pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dan pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal telah didaftarkan sebagai suatu entiti tunggal—

- (a) pemegang-pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah menjadi anggota kepada entiti tunggal itu;
- (b) apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan dalam menjalankan suatu perniagaan yang berurusan dalam sekuriti atau perdagangan kontrak niaga hadapan antara anggota dengan ketua anggota bagi entiti tunggal itu hendaklah tidak diambil kira;
- (c) apa-apa perniagaan yang berurusan dalam sekuriti atau perdagangan kontrak niaga hadapan yang ditransaksikan oleh seorang anggota entiti tunggal itu hendaklah dikira sebagai pembekalan yang dibuat oleh ketua anggota itu;
- (d) apa-apa pembekalan barang dan perkhidmatan dalam menjalankan suatu perniagaan yang berurusan dalam sekuriti atau perdagangan kontrak niaga hadapan yang dibuat kepada anggota entiti tunggal itu hendaklah dikira sebagai pembekalan yang dibuat kepada ketua anggota itu;
- (e) ketua anggota entiti tunggal itu hendaklah menyenggara akaun yang berasingan bagi setiap anggota entiti tunggalnya;
- (f) ketua anggota entiti tunggal itu hendaklah bertanggung ke atas apa-apa pembekalan bercukai yang dibuat oleh entiti tunggal itu dalam menjalankan perniagaan yang berurusan dalam sekuriti atau perdagangan kontrak niaga hadapan;
- (g) apa-apa cukai input yang dibenarkan kepada mana-mana anggota entiti tunggal itu dalam menjalankan perniagaan yang berurusan dalam sekuriti atau perdagangan kontrak niaga hadapan hendaklah dituntut oleh ketua anggota itu bagi pihak anggota-anggota entiti tunggal itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*];

- (b) “Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

BAHAGIAN IX

KETETAPAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

Ketetapan umum

77. (1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, membuat suatu ketetapan umum tentang pemakaian mana-mana peruntukan Akta ini berhubung dengan mana-mana orang atau golongan orang, atau apa-apa jenis perkiraan.

(2) Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, apa-apa ketetapan umum yang dibuat di bawah seksyen ini.

(3) Walau apa pun peruntukan Akta ini, jika suatu ketetapan umum dalam subseksyen (1) terpakai bagi mana-mana orang berhubung dengan suatu perkiraan dan orang itu menggunakan peruntukan itu mengikut cara yang dinyatakan dalam ketetapan itu, Ketua Pengarah hendaklah menggunakan peruntukan itu berhubung dengan orang dan perkiraan itu mengikut ketetapan itu.

Ketetapan awal

78. (1) Tertakluk kepada seksyen ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atas permohonan yang dibuat oleh mana-mana orang, Ketua Pengarah hendaklah membuat suatu ketetapan awal tentang pemakaian mana-mana peruntukan Akta ini bagi orang itu dan perkiraan yang baginya ketetapan itu dipohon dan ketetapan itu hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam ketetapan itu.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat mengikut cara dan bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada fi yang ditetapkan.

(3) Walau apa pun peruntukan Akta ini, jika suatu ketetapan awal terpakai bagi mana-mana orang berhubung dengan suatu perkiraan dan orang itu menggunakan peruntukan itu mengikut

cara yang dinyatakan dalam ketetapan itu, Ketua Pengarah hendaklah menggunakan peruntukan itu berhubung dengan orang dan perkiraan itu mengikut ketetapan itu.

(4) Suatu ketetapan awal yang dibuat di bawah subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang berhubung dengan suatu perkiraan jika—

- (a) perkiraan itu secara material berbeza daripada perkiraan yang dinyatakan dalam ketetapan itu;
- (b) terdapat suatu peninggalan atau salah nyataan yang material dalam, atau berkaitan dengan pemakaian ketetapan itu;
- (c) Ketua Pengarah membuat tanggapan tentang suatu kejadian masa hadapan atau perkara lain yang material kepada ketetapan itu, dan tanggapan itu kemudiannya terbukti sebagai tidak betul; atau
- (d) orang itu tidak memenuhi apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

Kemuktamadan ketetapan awal

79. (1) Suatu ketetapan awal yang dikeluarkan kepada mana-mana orang bagi maksud apa-apa perkiraan adalah muktamad.

(2) Tiada rayuan boleh dikemukakan oleh mana-mana orang terhadap apa-apa ketetapan awal.

Penerimaan dua ketetapan awal

80. Jika seseorang pemohon menerima dua atau lebih ketetapan awal yang berbeza mengenai hal perkara yang sama, ketetapan itu hendaklah disifatkan sebagai batal dan pemohon itu hendaklah dengan serta-merta memberitahu Ketua Pengarah yang hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu, mengeluarkan suatu ketetapan awal yang baru.

Ketetapan tidak terpakai apabila peruntukan Akta dipinda atau dimansuhkan

81. Suatu ketetapan tidak terpakai dari tarikh suatu peruntukan Akta ini dipinda atau dimansuhkan setakat yang pindaan atau pemansuhan itu mengubah cara peruntukan itu terpakai dalam ketetapan itu.

BAHAGIAN X

PENGUATKUASAAN

Kuasa pemeriksaan dan penyiasatan

82. Mana-mana pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu untuk menjalankan suatu pemeriksaan dan untuk menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Akses ke tempat atau premis

83. (1) Mana-mana pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan hendaklah bagi maksud Akta ini pada setiap masa mempunyai akses sepenuhnya dan secara bebas ke mana-mana tempat atau premis di mana seseorang menjalankan perniagaannya.

(2) Jika mana-mana pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), orang yang menjalankan perniagaannya atau mana-mana orang lain yang berada di tempat atau premis pada masa kemasukan itu hendaklah menyediakan kepadanya segala kemudahan dan bantuan yang munasabah dan bantuan bagi dia menjalankan kewajipannya di bawah seksyen ini.

(3) Jika mana-mana pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan memasuki mana-mana tempat atau premis mengikut peruntukan seksyen ini, dia boleh—

- (a) menghendaki orang kena cukai atau mana-mana orang lain untuk mengemukakan apa-apa barang, dokumen atau benda yang berhubungan dengan perniagaan orang itu dan, jika dia ialah orang kena cukai, apa-apa rekod yang dikehendaki untuk disimpan di bawah seksyen 36;
- (b) memeriksa apa-apa barang, dokumen atau benda;
- (c) menyita dan menahan apa-apa barang, dokumen atau benda jika pada pendapatnya ia boleh memberi keterangan mengenai pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (d) menghendaki orang itu untuk menjawab apa-apa soalan yang berhubungan dengan apa-apa barang, dokumen atau benda;

- (e) menghendaki apa-apa bekas, sampul atau bekas muatan yang lain di dalam tempat atau premis itu untuk dibuka;
- (f) atas risiko dan perbelanjaan pemunya perniagaan itu, membuka dan memeriksa apa-apa bungkusan, atau apa-apa barang atau bahan di dalam tempat atau premis itu; atau
- (g) mengambil sampel mana-mana barang atau bahan dan membuat salinan atau cabutan apa-apa dokumen, jika difikirkannya perlu.

(4) Jika mana-mana pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan tidak dapat memperoleh akses sepenuhnya dan secara bebas ke tempat atau premis di bawah subseksyen (1) atau ke mana-mana bekas muatan yang berada di dalam tempat atau premis itu dia boleh, pada bila-bila masa, memasuki tempat atau premis itu, dan membuka tempat muatan itu dengan menggunakan kekerasan, jika perlu.

(5) Mana-mana orang yang enggan untuk membenarkan mana-mana pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan untuk memasuki mana-mana tempat atau premis mengikut seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Akses kepada maklumat yang direkodkan atau data berkomputer

84. (1) Mana-mana pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 82, 83 dan 86 dan mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 87 hendaklah diberi akses kepada apa-apa maklumat yang direkodkan atau data berkomputer, sama ada disimpan dalam komputer atau selainnya.

(2) Dalam menjalankan kuasanya, pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan atau pegawai cukai barang dan perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) boleh memeriksa dan meneliti pengendalian apa-apa komputer dan apa-apa alat atau bahan yang berkaitan yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu; dan

(b) boleh menghendaki—

- (i) orang yang olehnya atau yang bagi pihaknya, pegawai cukai dan perkhidmatan itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki komputer itu digunakan atau telah digunakan sedemikian; atau
- (ii) orang yang menjaga, atau selainnya terlibat dalam, pengendalian komputer, alat atau bahan itu,

untuk memberinya apa-apa bantuan yang munasabah sebagaimana yang dikehendakinya bagi maksud seksyen ini.

(3) Pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan atau pegawai cukai barang dan perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat salinan atau mengambil cabutan maklumat yang direkodkan atau data berkomputer, jika difikirkannya perlu.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), “akses” termasuk diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki bagi membolehkan pemahaman maklumat yang direkodkan atau data berkomputer itu.

Majistret boleh mengeluarkan waran geledah

85. (1) Apabila ternyata pada mana-mana Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam mana-mana tempat, premis atau pengangkut, terdapat apa-apa barang, dokumen atau benda yang disembunyikan atau disimpan yang boleh memberikan keterangan berhubung dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan yang dinamakan dalamnya, pada bila-bila masa dan dengan atau tanpa bantuan—

- (a) untuk memasuki tempat, premis atau pengangkut itu untuk menggeledah dan menyita barang, dokumen atau benda itu;

- (b) untuk menangkap mana-mana orang atau orang-orang yang berada di dalam tempat, premis atau pengangkut itu yang dalam milikannya barang, dokumen atau benda ditemui atau yang disyaki dengan munasabah sebagai telah menyembunyikan atau menyimpan barang, dokumen, atau benda itu.

(2) Pegawai cukai barang dan perkhidmatan yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) boleh, jika perlu untuk berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam tempat, premis atau pengangkut itu dan memasuki tiap-tiap bahagiannya, jika perlu dengan kekerasan;
- (b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan untuk menggeledah atau menyita sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melakukannya; dan
- (c) menahan tiap-tiap orang yang ditemui di dalam tempat, premis atau pengangkut itu sehingga penggeledahan itu selesai.

Mengeledah boleh dilakukan tanpa waran

86. Apabila pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan mendapati bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam mana-mana tempat, premis atau pengangkut ada tersembunyi atau disimpan apa-apa barang, dokumen, atau benda yang boleh memberikan keterangan berhubung dengan pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan jika dia mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa oleh sebab kelewatan dalam memperoleh suatu waran geledah barang, dokumen atau benda itu mungkin akan dialihkan, dia boleh menjalankan dalam, ke atas dan berkenaan dengan tempat, premis atau pengangkut itu, semua kuasa di bawah seksyen 85 mengikut cara yang sama seolah-olah dia telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Kuasa untuk menahan dan menggeledah pengangkut

87. (1) Pegawai cukai barang dan perkhidmatan boleh menahan dan memeriksa mana-mana pengangkut bagi maksud menentukan sama ada apa-apa barang yang berkenaan dengannya dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah

Akta ini telah dilakukan terkandung di dalamnya dan orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan itu—

- (a) memberhentikan pengangkut itu dan membenarkan pegawai cukai barang dan perkhidmatan untuk memeriksanya;
- (b) memindahkan pengangkut itu ke tempat lain untuk pemeriksaan; dan
- (c) tidak meneruskan sehingga kebenaran untuk berbuat demikian diberikan oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut yang diperiksa di bawah seksyen ini hendaklah, atas permintaan pegawai cukai barang dan perkhidmatan, membuka semua bahagian pengangkut itu untuk pemeriksaan oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan itu dan mengambil segala langkah yang perlu bagi membolehkan pemeriksaan sebagaimana yang difikirkan perlu untuk dibuat oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan itu.

Penyitaan barang, dsb., yang menjadi subjek kesalahan

88. (1) Semua barang, dokumen atau benda yang berkenaan dengannya pegawai cukai barang dan perkhidmatan mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa telah berlaku apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini dan apa-apa bekas muatan, bungkusan, pengangkut (jika pengangkut itu ialah vesel, vesel itu hendaklah tidak melebihi dua ratus tan bersih muatan tanan berdaftarnya atau jika pengangkut itu ialah pesawat, pesawat itu hendaklah bukan pesawat yang terlibat dengan pengangkutan antarabangsa) yang dalamnya barang, dokumen atau benda itu dijumpai atau telah digunakan berkaitan dengan kesalahan atau pelanggaran itu, dan apa-apa barang, dokumen, atau benda lain yang dipercayai dengan munasabah sebagai mempunyai kaitan dengan kes itu, boleh disita oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan di dalam mana-mana tempat sama ada di darat atau di dalam perairan wilayah.

(2) Apabila mana-mana barang, dokumen, benda, bekas muatan, bungkusan atau pengangkut disita di bawah Akta ini, pegawai cukai barang dan perkhidmatan hendaklah dengan serta merta memberikan notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan mengenainya kepada pemunya barang, dokumen, bekas muatan, bungkusan atau pengangkut itu, jika diketahui, sama ada dengan menyerahkan notis itu kepadanya secara sendiri atau melalui pos ke tempat kediamannya, jika diketahui.

(3) Seksyen ini berhubungan dengan penyitaan—

(a) apa-apa barang, dokumen atau benda hendaklah terpakai bagi semua kandungan apa-apa bekas muatan, bungkusan atau pengangkut yang dalamnya barang, dokumen atau benda itu dijumpai dan bagi apa-apa barang yang digunakan untuk menyembunyikan barang, dokumen atau benda itu;

(b) apa-apa pengangkut hendaklah terpakai bagi takal, kelengkapan dan perabot pengangkut itu dan jika pengangkut itu ialah kenderaan binatang, bagi mana-mana binatang yang menarik pengangkut itu.

(4) Apa-apa barang daripada jenis yang cepat rosak atau mana-mana binatang yang disita di bawah seksyen ini boleh dengan serta merta dijual dan hasil jualan itu hendaklah dipegang untuk mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan.

Senarai barang, dsb., yang disita

89. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Bahagian ini, pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan atau pegawai cukai barang dan perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyediakan suatu senarai barang, dokumen atau benda yang disita dan dengan segera menghantar suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni tempat atau premis atau pemunya pengangkut itu yang telah digeledah atau kepada mana-mana orang lain yang berada di tempat, premis atau pengangkut itu.

(2) Jika tempat atau premis itu tidak dihuni, pegawai itu hendaklah, bila-bila masa yang mungkin, menampalkan senarai barang, atau dokumen yang disita itu secara mudah dilihat di tempat atau premis itu.

Pemulangan atau pelupusan barang boleh alih

90. (1) Jika mana-mana barang boleh alih telah disita di bawah Bahagian ini, pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan boleh, mengikut budi bicaranya—

- (a) memulangkan barang boleh alih itu secara sementara kepada pemunya atau kepada orang yang daripada pemilikan, jagaan atau kawalannya ia disita, atau kepada mana-mana orang yang difikirkan oleh pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan itu sebagai berhak ke atas barang boleh alih itu, tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan, dan, tertakluk dalam apa-apa keadaan, kepada pemberian jaminan yang mencukupi yang memuaskan hati pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan bahawa barang boleh alih itu akan diserahkan kepada pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan atas permintaan yang dibuat oleh pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan dan apa-apa terma dan syarat tersebut, jika ada, hendaklah dipatuhi;
- (b) memulangkan barang boleh alih itu kepada pemunya atau kepada orang yang daripadanya pemilikan, jagaan atau kawalannya ia disita, atau kepada orang yang difikirkan oleh pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan itu sebagai berhak ke atas barang boleh alih itu, dengan kebebasan bagi orang itu yang kepadanya barang boleh alih itu dipulangkan untuk melupuskannya, pemulangan itu tertakluk kepada pemberian jaminan yang memuaskan hati pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan itu dalam suatu amaun yang tidak kurang daripada suatu amaun yang, pada pendapat pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan itu, menunjukkan—
 - (i) nilai barang boleh alih, pada tarikh barang itu dipulangkan; dan
 - (ii) cukai genap masa dan kena dibayar berkenaan dengannya,

bagi pembayaran amaun yang dijamin kepada Ketua Pengarah dalam keadaan sekiranya mahkamah membuat suatu perintah pelucuthakkan di bawah seksyen 123; atau

(c) menjual atau memusnahkan barang boleh alih itu, mengikut kesesuaian hal keadaan, jika ia suatu benda hidup atau jika, pada pendapat pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan, ia merupakan jenis yang cepat rosak atau merbahaya atau mungkin merosot dengan cepat dari segi kualiti atau nilai, dan jika ia dijual, dia hendaklah memegang hasil jualan itu untuk mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan.

(2) Bila-bila masa apa-apa barang boleh alih dipulangkan atau dilupuskan di bawah subseksyen (1), suatu dokumen yang berupa suatu perakuan mengikut subseksyen 118(1) hendaklah dikeluarkan oleh pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan.

(3) Mana-mana orang yang—

(a) tidak menyerahkan atas permintaan kepada pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan barang boleh alih yang dipulangkan secara sementara kepadanya di bawah perenggan (1)(a); atau

(b) tidak mematuhi atau melanggar apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah perenggan (1)(a),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Tanggungan jenayah mana-mana orang di bawah subseksyen (3) adalah sebagai tambahan kepada apa-apa tanggungan lain yang orang tersebut atau mana-mana orang lain boleh menanggung di bawah terma dan syarat yang berhubungan dengan pemulangan barang boleh alih di bawah perenggan (1)(a).

(5) Peruntukan subseksyen (3) tidak terpakai bagi orang, jika ada, yang menjadi penggerenti atau penjamin orang yang kepadanya barang itu dipulangkan di bawah perenggan (1)(a).

(6) Menteri boleh, sama ada secara am atau dalam mana-mana keadaan tertentu atau kelas keadaan, memberikan apa-apa arahan kepada Ketua Pengarah sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat berkenaan dengan penyalinan kuasa yang diberikan kepada pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan di bawah subseksyen (1).

(7) Tiada seorang pun berhak untuk mengambil apa-apa tindakan atas sebab apa-apa perbuatan yang dilakukan atau apa-apa keputusan yang diambil oleh atau bagi pihak Menteri atau oleh atau bagi pihak pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan di bawah seksyen ini, dan tiada mahkamah mempunyai apa-apa bidang kuasa untuk mendengar mana-mana tindakan sedemikian.

(8) Bagi maksud seksyen ini “barang boleh alih” termasuk apa-apa jua perihalan barang boleh alih yang disita di bawah Akta ini.

Kuasa menangkap

91. (1) Mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan boleh menangkap tanpa waran—

- (a) mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba untuk melakukan, atau mengambil khidmat atau menolong mana-mana orang untuk melakukan atau bersubahat dalam pelakuan, suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) mana-mana orang yang disyaknya dengan munasabah ada dalam milikannya apa-apa barang, dokumen atau benda yang boleh disita di bawah Bahagian ini;
- (c) mana-mana orang yang disyaknya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini,

dan pegawai cukai barang dan perkhidmatan itu boleh memeriksa atau menyebabkan untuk diperiksa mana-mana orang yang ditangkap sedemikian:

Dengan syarat bahawa—

- (A) mana-mana orang yang ditangkap sedemikian yang meminta supaya dirinya diperiksa dalam kehadiran seorang pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan tidak boleh diperiksa kecuali dalam kehadiran dan di bawah penyeliaan pegawai itu, tetapi orang itu boleh ditahan sehingga ketibaan pegawai itu, atau dibawa ke mana-mana pejabat atau balai polis di mana pegawai itu boleh ditemui;

- (B) barang dan bagasi mana-mana orang yang meminta dirinya hadir semasa barang dan bagasi itu diperiksa dan dia menghadirkan dirinya dalam masa yang munasabah tidak boleh diperiksa kecuali dengan kehadirannya;
- (C) tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang lain yang sama jantina dan pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan dengan mengambil kira dengan tegas akan kesopanan.

(2) Mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan yang membuat tangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan sesudah itu orang itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

(3) Jika mana-mana orang yang boleh ditangkap di bawah Akta ini tidak ditangkap pada masa dia melakukan kesalahan itu yang dia bertanggung baginya, atau selepas dia ditangkap dia melepaskan dirinya, dia boleh pada bila-bila masa selepas itu ditangkap dan diperlakukan seolah-olah dia telah ditangkap pada masa dia melakukan kesalahan itu.

(4) Pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan boleh menyebabkan diambil fotograf, kesan jari, ibu jari dan apa-apa bentuk pengenalan lain yang mungkin dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain mana-mana orang yang dipertuduh atas suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(5) Tiap-tiap orang yang ditangkap boleh dilepaskan daripada jagaan—

- (a) apabila dia mendepositkan sejumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan;
- (b) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan penjamin atau penjamin-penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan; atau
- (c) apabila dia mendepositkan sejumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan dan dia menyempurnakan suatu bon, dengan penjamin atau penjamin-penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan.

(6) Mana-mana orang yang telah dilepaskan daripada jagaan di bawah subseksyen (5) boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan—

- (a) jika pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau tertakluk kepadanya orang itu dilepaskan atau selainnya dibenarkan untuk dijamin telah atau berkemungkinan akan dimungkiri; atau
- (b) apabila diberitahu secara bertulis oleh penjamin orang itu bahawa orang itu berkemungkinan akan memungkiri mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan dan bahawa penjamin itu berhasrat untuk dilepaskan daripada tanggungjawabnya sebagai penjamin.

Kuasa untuk memeriksa orang

92. (1) Pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan yang menyiasat suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh—

- (a) memerintahkan mana-mana orang yang tampak mengetahui fakta dan keadaan kes itu untuk hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan berhubung dengan apa-apa perkara yang boleh, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu; atau
- (b) memerintahkan mana-mana orang mengemukakan di hadapannya apa-apa dokumen atau apa-apa salinan dokumen yang ditentukan, atau apa-apa artikel atau benda lain yang boleh, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu.

(2) Perenggan (1)(b) tidak terpakai bagi buku jurubank.

(3) Seseorang yang kepadanya suatu perintah telah diberikan di bawah perenggan (1)(a) hendaklah—

- (a) menghadiri diri mengikut terma perintah itu untuk diperiksa, dan hendaklah terus hadir dari sehari ke sehari jika diarahkan sedemikian sehingga pemeriksaan itu selesai; dan

(b) semasa pemeriksaan itu, terikat untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes yang dikemukakan kepadanya dan adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada jawapan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan tetapi dia boleh menolak untuk menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mempunyai kecenderungan untuk mendedahkan dirinya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(4) Seseorang yang kepadanya suatu perintah diberikan di bawah perenggan (1)(b) tidak boleh menyembunyikan, memusnahkan, mengubah, memindahkan dari Malaysia, atau berurusan dengan, menggunakan, atau melupuskan, apa-apa dokumen, artikel atau benda yang dinyatakan dalam perintah itu, atau mengubah atau merosakkan apa-apa catatan dalam dokumen, artikel atau benda itu, atau menyebabkan perbuatan itu dilakukan, atau membantu atau berkomplot untuk melakukan perbuatan itu.

(5) Seseorang yang kepadanya suatu perintah diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi perintah itu dan kehendak subseksyen (3) dan (4) walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan dengannya.

(6) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang dalam perjalanan suatu penyiasatan di bawah Akta ini sama ada suatu amaran telah dibacakan kepadanya atau tidak di bawah subseksyen 93(3) hendaklah direkodkan secara bertulis oleh pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan yang memeriksanya dan pernyataan yang direkodkan itu hendaklah dibacakan kepada dan ditandatangani oleh orang itu, dan jika orang itu enggan untuk menandatangani rekod itu, pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan itu hendaklah mengendorskan ke atasnya dengan tangannya sendiri fakta keengganan itu dan sebab baginya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa.

(7) Rekod pemeriksaan yang telah dibuat dalam perjalanan suatu penyiasatan dikemukakan di bawah Akta ini atau apa-apa dokumen, artikel atau benda yang dikemukakan di bawah perenggan (1)(a), hendaklah, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini dalam mana-mana mahkamah—

(a) bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

(b) bagi pelucuthakan barang di bawah seksyen 123 atau 124,

tanpa mengambil kira sama ada prosiding itu adalah terhadap orang yang diperiksa, atau yang mengemukakan dokumen, artikel atau benda, atau terhadap mana-mana orang lain.

(8) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (4) atau (5) melakukan suatu kesalahan.

Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

93. (1) Dalam mana-mana perbicaraan atau pemeriksaan oleh suatu mahkamah mengenai suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada pengakuan salah atau tidak atau sama ada secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh atau sama ada semasa penyiasatan di bawah Akta ini atau tidak, dan sama ada atau tidak secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan, oleh seseorang tertuduh kepada atau dengan didengar oleh mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan, dan sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan atau mana-mana orang lain, hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya dan, jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, pernyataan itu boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan dalam pemeriksaan balas atau bagi maksud mencabar kebolehpercayaan orang yang membuat pernyataan itu jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang merujuk kepada pertuduhan terhadap orang itu, yang datang daripada orang yang berkuasa dan mencukupi pada pendapat mahkamah itu untuk memberi orang itu sebab yang pada pendapatnya munasabah untuk menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelak apa-apa durjana keduniaan yang berkaitan dengan prosiding terhadapnya itu.

(3) Jika mana-mana orang ditangkap bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia hendaklah diberi amaran dalam perkataan-perkataan yang berikut atau perkataan-perkataan yang bermaksud seperti yang berikut:

“Adalah menjadi kewajipan saya untuk memberi amaran kepada kamu bahawa kamu tidak berkewajipan untuk menyatakan apa-apa atau menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa yang kamu nyatakan, sama ada sebagai jawapan kepada suatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan”.

(4) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang yang dituduh bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini yang dibuat sebelum ada masa untuk memberinya amaran tidaklah menjadi tidak boleh diterima dalam keterangan semata-mata kerana tiada amaran sedemikian diberikan jika amaran itu diberikan dengan seberapa segera yang mungkin.

(5) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, seseorang yang dituduh bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini yang subseksyen (1) terpakai baginya, tidak terikat untuk menjawab apa-apa soalan yang berhubungan dengan kes itu selepas apa-apa amaran yang disebut dalam subseksyen (3) telah diberikan kepadanya.

BAHAGIAN XI

KESALAHAN DAN PENALTI

Penalti bagi penyata yang tidak betul

94. Mana-mana orang yang—

- (a) membuat suatu penyata yang tidak betul dengan meninggalkan daripada penyata itu apa-apa maklumat;
- (b) mentaksirkan apa-apa cukai output kurang daripada yang sebenarnya atau menyatakan apa-apa cukai input berlebihan dalam suatu penyata; atau
- (c) memberikan apa-apa maklumat yang tidak betul berhubungan dengan apa-apa perkara yang menjejaskan tanggungannya sendiri terhadap cukai atau tanggungan terhadap cukai mana-mana orang lain,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (A) didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan
- (B) dikenakan suatu penalti yang bersamaan dengan amaun cukai yang terkurang dikenakan atau berkemungkinan akan terkurang dikenakan sedemikian jika penyata atau maklumat itu telah diterima sebagai betul.

Penalti bagi pengelakan cukai, fraud

95. (1) Mana-mana orang yang dengan niat untuk mengelak atau membantu mana-mana orang lain untuk mengelak cukai—

- (a) meninggalkan daripada suatu penyata apa-apa maklumat berhubung dengan apa-apa perkara yang menjejaskan amaun yang dia atau orang lain boleh dikenakan cukai;
- (b) membuat apa-apa pernyataan atau catatan palsu dalam mana-mana penyata;
- (c) memberikan apa-apa jawapan palsu sama ada secara bertulis atau selainnya kepada apa-apa soalan yang ditanyakan atau permintaan untuk maklumat yang dibuat mengikut peruntukan Akta ini;
- (d) menyediakan atau menyenggarakan atau membenarkan penyediaan atau penyenggaran apa-apa buku akaun palsu, invois palsu atau rekod palsu yang lain, atau memalsukan atau membenarkan pemalsuan apa-apa buku akaun, invois atau rekod; atau
- (e) membuat, menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa fraud, muslihat atau helah,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (A) bagi kesalahan pertama, didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda dan tidak lebih daripada dua puluh kali ganda amaun cukai atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan

- (B) bagi kesalahan kedua atau kesalahan yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada dua puluh kali ganda dan tidak lebih daripada empat puluh kali ganda amaun cukai atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa jika amaun cukai tidak boleh ditentukan, orang itu boleh didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang membantu dalam, atau menasihati berkenaan dengan, penyediaan apa-apa penyata jika penyata itu mengakibatkan suatu pengurangnyataan terhadap tanggungan cukai orang lain hendaklah, melainkan jika orang itu memuaskan hati mahkamah bahawa bantuan atau nasihat itu telah diberikan dengan penelitian yang munasabah, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Apa-apa sebutan dalam seksyen ini berhubungan dengan seseorang yang membuat, menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa fraud, muslihat atau helah termasuklah sebutan mengenai seseorang yang, tanpa kuasa pegawai cukai barang dan perkhidmatan—

- (a) memusnahkan, merosakkan, memadamkan, meminda atau memanipulasi data yang disimpan dalam, atau yang digunakan berkaitan dengan, suatu komputer; atau
- (b) memasukkan ke dalam, atau merekodkan atau menyimpan dalam, suatu komputer dengan apa-apa cara data bagi maksud—
 - (i) memusnahkan, merosakkan, memadamkan, memindahkan atau memanipulasi data yang tersimpan dalam, atau digunakan berkaitan dengan, suatu komputer; atau
 - (ii) mengusik, mengganggu, atau menghalang penggunaan secara sah komputer itu, atau data yang disimpan dalamnya, atau digunakan berkaitan dengan, suatu komputer; atau

(c) selainnya menggunakan komputer,

yang maksud atau kesannya adalah untuk mengelak cukai.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), “data” termasuklah apa-apa program komputer atau bahagian daripada suatu program komputer.

(5) Apa-apa sebutan dalam seksyen ini yang berhubungan dengan pengelakan cukai termasuklah suatu sebutan untuk memperoleh mana-mana daripada yang berikut:

- (a) kredit bagi cukai input terhadap cukai output di bawah seksyen 38;
- (b) pelepasan bagi hutang lapuk di bawah seksyen 59; dan
- (c) tuntutan di bawah Skim Bayar Balik Pelancong di bawah seksyen 62,

jika orang berkenaan itu tidak berhak untuk kredit, pelepasan atau tuntutan itu.

(6) Dalam apa-apa pendakwaan di bawah seksyen ini, apa-apa pengelakan cukai hendaklah disifatkan berada dalam pengetahuan tertuduh melainkan jika dibuktikan sebaliknya oleh tertuduh itu.

Penalti bagi memperoleh pembayaran balik secara tidak wajar, dsb.

96. Mana-mana orang yang menyebabkan atau cuba untuk menyebabkan pembayaran balik di bawah subseksyen 10(4), 17(6), 18(4), 38(3), 58(1), 62(1) atau 194(1) atau kelayakan bagi pelepasan di bawah subseksyen 59(1) kepada mana-mana orang oleh Ketua Pengarah bagi apa-apa amaun yang berlebihan daripada amaun yang sepatutnya boleh dibayar balik atau dilepaskan kepadanya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan
- (b) dikenakan penalti dua kali ganda amaun yang telah dibayar balik atau yang orang itu berhak sebagai suatu pelepasan yang berlebihan daripada amaun yang sepatutnya dibayar balik atau yang orang itu berhak sebagai suatu pelepasan.

Penalti bagi kesalahan berhubungan dengan barang, invois dan resit

97. (1) Mana-mana orang yang mendapat milikan atau berurusan dengan apa-apa barang, atau menerima pembekalan apa-apa perkhidmatan, yang mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa cukai ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan atau bagi pengimportan barang telah atau akan dilakukan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

(b) dikenakan penalti dua kali ganda amaun cukai itu.

(2) Dalam apa-apa pendakwaan di bawah subseksyen (1), apa-apa pengelakan cukai hendaklah disifatkan sebagai berada dalam pengetahuan tertuduh melainkan jika dibuktikan sebaliknya oleh tertuduh itu.

(3) Mana-mana orang selain orang berdaftar yang mengeluarkan suatu invois atau suatu resit yang menunjukkan suatu amaun sebagai cukai atau sebagai yang boleh dihubungkaitkan dengan cukai melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan

(b) dikenakan penalti dua kali ganda amaun cukai yang ditunjukkan sedemikian.

Penalti bagi menghalang, dsb., pegawai cukai barang dan perkhidmatan

98. Mana-mana orang yang—

(a) dengan apa-apa cara mengamang, menggalang atau menghalang pegawai cukai barang dan perkhidmatan dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Akta ini; atau

(b) tidak memberikan kemudahan atau bantuan yang munasabah kepada mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan dalam pelaksanaan kewajipannya di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Penalti bagi keengganan untuk menjawab soalan atau memberikan maklumat palsu

99. (1) Mana-mana orang, yang dikehendaki di bawah Akta ini untuk memberikan apa-apa maklumat yang dengan munasabah dikehendaki oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan yang adalah dalam kuasanya untuk memberi, enggan untuk memberikan maklumat itu atau mengemukakan sebagai benar maklumat yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu melakukan suatu kesalahan.

(2) Apabila apa-apa maklumat dibuktikan sebagai tidak benar atau tidak betul pada keseluruhannya atau sebahagiannya tidaklah menjadi suatu pembelaan untuk mengatakan bahawa maklumat itu atau mana-mana bahagian maklumat itu telah dikemukakan dengan tidak sengaja atau tanpa niat jenayah atau fraud, atau disalahtafsirkan atau tidak ditafsirkan sepenuhnya oleh seorang jurubahasa yang disediakan oleh pemberi maklumat itu.

Penalti bagi kesalahan oleh orang yang diberi kuasa dan tidak diberi kuasa

100. Mana-mana orang yang—

- (a) merupakan seorang yang dilantik bagi melaksanakan pentadbiran wajar Akta ini atau mana-mana pembantu yang diambil kerja berkaitan dengan taksiran dan pungutan cukai—
 - (i) memegang untuk kegunaannya sendiri atau selainnya apa-apa bahagian amaun cukai atau penalti yang telah dipungut itu;
 - (ii) selain dengan suci hati, meminta daripada mana-mana orang suatu amaun yang berlebihan daripada taksiran cukai atau penalti yang dibenarkan;

- (iii) mengemukakan apa-apa penyata, pernyataan atau laporan palsu, sama ada secara bertulis atau selainnya, berhubungan dengan amaun cukai atau penalti yang dipungut atau diterima olehnya; atau
 - (iv) memfraud mana-mana orang, menggelapkan apa-apa wang atau selainnya menggunakan kedudukannya untuk berurusan secara salah sama ada dengan Ketua Pengarah atau mana-mana individu lain; atau
- (b) tidak diberi kuasa di bawah Akta ini untuk berbuat demikian memungut atau cuba untuk memungut apa-apa cukai atau penalti di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Percubaan dan pensubahatan

101. Mana-mana orang yang cuba untuk melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini, atau bersubahat dalam pelakuan kesalahan itu, hendaklah dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Penalti am

102. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh kumpulan orang, dsb.

103. (1) Jika sesuatu syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan lain orang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, rakan kongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi syarikat, firma, pertubuhan, persatuan

atau kumpulan orang lain itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain itu atau membantu dalam pengurusannya, hendaklah disifatkan sebagai bersalah bagi kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—

- (a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang di bawah Akta ini boleh dikenakan apa-apa hukuman, penalti atau pelucuthakan bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman, penalti atau pelucuthakan yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu oleh mana-mana pekerja atau ejen, atau pekerja ejen itu, dengan syarat bahawa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh—

- (a) pekerja itu dalam penjalanan pekerjaannya;
- (b) ejen itu apabila bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) pekerja ejen itu semasa bertindak dalam penjalanan pekerjaannya, dalam apa-apa hal keadaan yang jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh ejen itu, prinsipalnya akan dipertanggungkan di bawah seksyen ini.

Cukai, dsb., hendaklah kena dibayar walau apa pun apa-apa prosiding, dsb.

104. Permulaan prosiding atau penganan suatu penalti, denda atau tempoh pemenjaraan di bawah Akta ini atau pengkompaunan suatu kesalahan di bawah seksyen 127 tidak melepaskan mana-mana orang daripada tanggungan untuk membayar cukai, penalti atau surcaj di bawah Akta ini.

BAHAGIAN XII

PERBICARAAN DAN PROSIDING

Pendakwaan

105. Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan

106. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi kesalahan itu.

Sabitan di bawah undang-undang lain

107. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghalang pendakwaan, sabitan dan hukuman terhadap mana-mana orang mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa.

Beban pembuktian

108. Jika dalam apa-apa pendakwaan berkenaan dengan apa-apa barang yang disita kerana tiada bayaran cukai atau bagi apa-apa sebab pelucuthakan atau bagi mendapatkan semula apa-apa penalti di bawah Akta ini, apa-apa pertikaian yang timbul sama ada cukai telah dibayar berkenaan dengan barang itu, atau sama ada pembekalan barang atau perkhidmatan atau pengimportan barang itu dikecualikan daripada atau tidak bertanggung kepada apa-apa cukai yang boleh dikenakan di bawah Akta ini atau tertakluk kepada cukai pada kadar sifar peratus atau apa-apa nilai yang ke atasnya cukai boleh dikenakan di bawah Akta ini, atau apa-apa amaun cukai yang boleh dikenakan di bawah Akta ini adalah tertakluk kepada apa-apa potongan atau tolakan atau apa-

apa amaun sepatutnya dipotong sebagai cukai input, atau sama ada barang atau perkhidmatan telah dibekalkan secara sah atau barang telah diimport secara sah, atau berkenaan dengan tempat yang darinya barang itu telah dibawa, beban pembuktian tiap-tiap hal tersebut hendaklah terletak pada tertuduh dalam pendakwaan atau pada orang yang membuat tuntutan.

Peruntukan keterangan

109. (1) Dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini apa-apa pernyataan yang berupa sebagai telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa olehnya yang menjadi sebahagian daripada atau yang dilampirkan kepada maklumat, aduan atau pernyataan tuntutan itu, hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, menjadi keterangan mengenai apa-apa fakta yang dinyatakan dalamnya.

(2) Suatu transkrip mengenai apa-apa butir yang terkandung dalam suatu penyata atau dokumen lain yang berhubungan dengan cukai, jika ia diperakui dengan ditandatangani oleh Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya sebagai suatu salinan benar butir-butir itu, hendaklah diterima sebagai bukti dalam keterangan mengenai butir-butir itu.

(3) Tiada pernyataan yang dibuat atau dokumen yang dikemukakan oleh atau bagi pihak mana-mana orang boleh tidak diterima dalam keterangan terhadap seseorang dalam apa-apa prosiding terhadapnya yang seksyen ini terpakai baginya, semata-mata dengan sebab fakta bahawa dia telah atau mungkin telah didorong untuk membuat pernyataan atau mengemukakan dokumen oleh apa-apa dorongan, janji atau ugutan yang dibuat oleh mana-mana orang yang mempunyai apa-apa kewajipan rasmi di bawah, atau dilantik bagi pentadbiran Akta ini sewajarnya.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh—

- (a) menjejaskan pelaksanaan Bab IX Bahagian III Akta Keterangan 1950; atau
- (b) ditafsirkan sebagai menghendaki atau membenarkan mana-mana orang untuk mengemukakan atau memberikan kepada mahkamah, Pengerusi Tribunal Rayuan Cukai Barang dan Perkhidmatan, Ketua Pengarah atau mana-mana orang lain apa-apa dokumen, benda atau maklumat yang

melalui Bab atau peruntukan itu dia tidak dikehendaki atau dibenarkan untuk mengemukakan atau memberikan kepada mahkamah.

(5) Bagi maksud seksyen 95, jika dalam apa-apa prosiding dibuktikan bahawa apa-apa pernyataan atau catatan palsu telah dibuat dalam apa-apa penyata yang diberikan di bawah Akta ini oleh atau bagi pihak mana-mana orang atau dalam apa-apa buku akaun atau rekod mana-mana orang—

(a) orang itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah membuat pernyataan atau catatan palsu atau telah menyebabkan pernyataan atau catatan palsu itu dibuat atau telah membenarkan ia dibuat dengan niat untuk mengelak pembayaran cukai atau untuk memperoleh suatu pembayaran balik cukai yang orang itu tidak berhak kepadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) mana-mana orang lain yang membuat apa-apa pernyataan atau catatan palsu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah membuat pernyataan atau catatan palsu itu dengan niat untuk membantu orang yang mula-mula disebut untuk mengelak pembayaran cukai atau untuk memperoleh suatu pembayaran balik cukai yang dia tidak berhak kepadanya.

(6) Jika mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan telah memperoleh apa-apa dokumen atau keterangan lain dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, dokumen atau salinan dokumen itu atau keterangan lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini, walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis.

(7) Jika apa-apa dokumen yang hendak digunakan dalam apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini adalah dalam suatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, terjemahan dokumen itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris hendaklah diterima sebagai keterangan jika terjemahan itu disertai dengan perakuan orang yang menterjemahkan dokumen itu yang menyatakan bahawa terjemahan itu ialah terjemahan yang tepat, benar dan betul dan terjemahan itu telah dibuat oleh orang itu atas kehendak mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan.

(8) Subseksyen (7) hendaklah terpakai bagi sesuatu dokumen yang diterjemahkan, tidak kira sama ada dokumen itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada terjemahan itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada milikan dokumen itu telah diperoleh oleh mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan di dalam atau di luar Malaysia.

Nilai keterangan salinan notis elektronik

110. (1) Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa notis elektronik atau apa-apa rekod elektronik mengenai suatu notis elektronik atau apa-apa salinan atau cetakannya tidak boleh diterima dalam keterangan hanya atas asas bahawa ia telah difailkan, dikemukakan atau dihantar melalui perkhidmatan elektronik, tanpa penghantarserahkan apa-apa dokumen atau kaunterpart yang sama dalam bentuk kertas.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini, apa-apa notis elektronik atau apa-apa rekod elektronik mengenai suatu notis elektronik atau apa-apa salinan atau cetakannya yang—

- (a) diperakui oleh Ketua Pengarah sebagai mengandungi semua atau apa-apa maklumat yang difailkan, dikemukakan atau dihantar melalui perkhidmatan elektronik menurut Bahagian ini; dan
- (b) ditentukan ketulenannya dengan sewajarnya mengikut cara yang dinyatakan dalam seksyen 172 atau selainnya ditentukan ketulenannya mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta Keterangan 1950 bagi mengesahkan ketulenan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer,

hendaklah diterima sebagai keterangan berkenaan fakta yang dinyatakan atau yang terkandung dalamnya.

Keterangan melalui perakuan, dsb.

111. (1) Apa-apa perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang menyatakan bahawa—

- (a) seseorang adalah atau tidak, pada mana-mana tarikh, didaftarkan di bawah Akta ini;

- (b) apa-apa penyata belum dikemukakan atau telah tidak dikemukakan pada mana-mana tarikh;
- (c) apa-apa cukai yang ditunjukkan sebagai kena dibayar dalam apa-apa penyata atau taksiran belum dibayar;
- (d) apa-apa penalti dan amaunnya yang ditunjukkan sebagai kena dibayar daripada seseorang yang dinamakan dalamnya; atau
- (e) apa-apa ketetapan umum yang dibuat di bawah seksyen 77 atau ketetapan awal yang dibuat di bawah seksyen 78,

hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi bagi fakta dalamnya.

(2) Dalam apa-apa prosiding berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini yang dalamnya kewujudan, perihalan, pengklasifikasian, komposisi, kuantiti, kualiti atau nilai, atau apa-apa perkara lain berhubungan dengan, apa-apa barang boleh alih yang dipulangkan, dijual atau dimusnahkan di bawah seksyen 90, menjadi persoalan, apa-apa dokumen yang dikemukakan oleh pendakwa yang berupa sebagai suatu perakuan berkenaan dengan apa-apa perkara yang diberikan dan ditandatangani oleh—

- (a) “juru analisis” dalam pengertian subseksyen 113(3);
- (b) pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan; atau
- (c) mana-mana orang, tanpa mengambil kira sama ada atau tidak dia seorang pegawai awam, yang diberi kuasa oleh atau bagi pihak Menteri, sama ada secara am atau dalam apa-apa hal tertentu, bagi maksud seksyen ini,

hendaklah diterima sebagai keterangan dan kemuktamadannya tidak boleh dicabar atas alasan bahawa barang boleh alih yang berkenaan dengannya perakuan itu diberikan belum dikemukakan di hadapan mahkamah sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya, dan perakuan itu hendaklah menjadi keterangan bagi kandungannya, termasuklah fakta yang dinyatakan dalamnya, tanpa perlu dibuktikan tandatangan pada perakuan itu.

Pemeriksaan atau ujian berkadar barang yang disita hendaklah diterima oleh mahkamah

112. (1) Apabila apa-apa barang yang boleh disita di bawah peruntukan Akta ini telah disita, adalah memadai untuk dibuka dan diperiksa lima peratus sahaja bagi setiap perihalan bungkusan atau bekas muatan yang di dalamnya barang-barang itu terkandung.

(2) Jika didapati adalah perlu untuk menguji apa-apa barang yang disita di bawah Akta ini, adalah memadai untuk menguji hanya suatu sampel yang tidak melebihi lima peratus dalam isi padu atau berat barang yang diperiksa di bawah subseksyen (1).

(3) Mahkamah hendaklah menganggap bahawa barang yang terkandung dalam bungkusan atau bekas muatan yang tidak dibuka itu adalah sama jenis, kuantiti dan kualitinya dengan barang yang dijumpai dalam bungkusan atau bekas muatan yang seumpamanya yang telah dibuka.

Pengemukaan perakuan analisis

113. (1) Dalam apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini, suatu perakuan analisis yang berupa sebagai ditandatangani oleh seorang juru analisis hendaklah, apabila dikemukakan oleh pendakwa, menjadi keterangan yang mencukupi tentang fakta yang dinyatakan dalamnya melainkan jika tertuduh menghendaki supaya juru analisis itu dipanggil sebagai saksi, dalam hal yang demikian dia hendaklah memberikan notis mengenai perkara itu kepada pendakwa tidak kurang daripada tiga hari genap sebelum perbicaraan bermula:

Dengan syarat bahawa dalam apa-apa keadaan Pendakwa Raya berhasrat untuk memberikan keterangan apa-apa perakuan analisis dia hendaklah menyerahkan suatu salinan perakuan analisis itu kepada tertuduh tidak kurang daripada sepuluh hari genap sebelum perbicaraan bermula.

(2) Juru analisis adalah terikat untuk menyatakan yang benar dalam perakuan analisis yang ditandatangani sendiri oleh mereka.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “juru analisis” ertinya—

(a) seseorang yang diambil kerja sebagai seorang Ahli Kimia di Jabatan Kimia, atau sebagai seorang Ahli Kimia atau Penolong Ahli Kimia di Institut Penyelidikan Perubatan;

- (b) seorang Ahli Kimia Kanan di Jabatan Pertanian;
- (c) seseorang yang diambil kerja sebagai seorang Ahli Kimia atau Ahli Geologi di Jabatan Mineral dan Geosains;
- (d) mana-mana ahli kimia dalam perkhidmatan Kerajaan Malaysia atau Singapura;
- (e) mana-mana orang lain atau golongan orang yang diisytiharkan oleh Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi Jabatan Kimia, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, sebagai seorang juru analisis atau juru-juru analisis;
- (f) mana-mana pegawai polis atau pegawai kastam yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* sebagai seorang juru analisis;
- (g) mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 399 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] sebagai seorang Pemeriksa Dokumen;
- (h) mana-mana Inspektor Timbang dan Sukat yang dilantik di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan timbang dan sukat; dan
- (i) mana-mana orang atau golongan orang yang diisytiharkan oleh Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, yang baginya peruntukan seksyen ini adalah terpakai.

(4) Jika seorang juru analisis dipanggil oleh tertuduh di bawah subseksyen (1), dia hendaklah dipanggil atas perbelanjaan tertuduh itu melainkan jika mahkamah mengarahkan selainnya.

(5) Bagi maksud subseksyen (3) "Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara yang berkaitan dengannya sebutan itu dibuat.

Bukti tentang pendaftaran atau pelesenan vesel dan pengangkut di Malaysia atau Singapura

114. Jika dalam apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini, adalah relevan untuk menentukan butir-butir tentang pendaftaran atau pelesenan apa-apa vesel atau pengangkut yang didaftarkan atau dilesenkan dalam mana-mana pelabuhan atau tempat di Malaysia atau Singapura, suatu perakuan yang berupa sebagai ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab di bawah mana-mana undang-

undang bertulis di Malaysia atau di Singapura bagi pendaftaran atau pelesenan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang semua butir yang berhubungan dengan pendaftaran atau pelesenan yang terkandung dalamnya, dan beban untuk membuktikan ketidaktepatan apa-apa butir yang dinyatakan dalam perakuan itu adalah terletak pada orang yang menafikannya.

Bukti tentang tanan atau buatan suatu pesawat

115. (1) Jika dalam apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini, adalah relevan untuk menentukan tanan atau buatan atau apa-apa butiran lain yang memperihalkan identiti suatu pesawat, dan jika apa-apa daripada butiran ini yang berhubungan dengan identiti pesawat itu dipersoalkan, maka apa-apa dokumen yang dikemukakan oleh pendakwaan yang berupa sebagai suatu perakuan berkenaan dengan apa-apa perkara yang diberikan tersebut dan ditandatangani oleh mana-mana pegawai yang bertanggungjawab bagi perakuan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah diterima sebagai keterangan, dan perakuan itu hendaklah menjadi keterangan bagi kandungannya, termasuk fakta yang dinyatakan dalamnya, tanpa dibuktikan tandatangan kepada perakuan itu.

(2) Seksyen ini hendaklah terpakai walau apa pun apa-apa yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis lain atau kaedah keterangan lain yang berlawanan.

Bukti tentang ketepatan meter atau peranti lain bagi penyukatan petroleum

116. Jika dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini, adalah perlu untuk membuktikan ketepatan suatu meter atau apa-apa peranti lain bagi menyukat petroleum, suatu perakuan yang berupa sebagai ditandatangani oleh mana-mana pegawai yang bertanggungjawab di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi penyukatan itu hendaklah diterima sebagai keterangan dan hendaklah diterima oleh mahkamah sebagai keterangan *prima facie* tentang fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu.

Pemenjaraan kerana tidak membayar denda

117. Walau apa pun peruntukan Kanun Tatacara Jenayah, tempoh pemenjaraan yang dikenakan oleh mana-mana mahkamah berkenaan dengan ketiadaan bayaran apa-apa denda di bawah Akta ini, atau berkenaan dengan keingkaran suatu distres yang memadai untuk mencukupkan apa-apa denda sedemikian, hendaklah apa-apa tempoh bagi perihalan sedemikian, yang pada pendapat mahkamah akan mencapai keadilan bagi kes itu, tetapi tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi tempoh maksimum yang ditetapkan menurut skala yang berikut:

Jika denda itu	Tempoh itu boleh dilanjutkan
tidak melebihi lima ribu ringgit	dua bulan
melebihi lima ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit	empat bulan
melebihi sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi dua puluh ribu ringgit	enam bulan

dengan dua bulan tambahan bagi tiap-tiap sepuluh ribu ringgit selepas dua puluh ribu ringgit yang pertama denda itu sehingga mencapai suatu tempoh maksimum enam tahun.

Cara penyitaan tidak boleh diperiksa dalam perbicaraan di hadapan mahkamah atau rayuan ke Mahkamah Tinggi

118. Dalam apa-apa perbicaraan di mana-mana mahkamah dan dalam apa-apa prosiding rayuan dalam Mahkamah Tinggi, yang berhubungan dengan penyitaan barang yang tertakluk kepada pelucuthakan di bawah Akta ini, mahkamah hendaklah meneruskan perbicaraan atau mendengar rayuan atas merit kes itu sahaja, tanpa memeriksa cara atau bentuk pembuatan apa-apa penyitaan, kecuali setakat yang cara dan bentuk penyitaan itu boleh menjadi keterangan atas merit itu.

Obligasi kerahsiaan

119. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 120, nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat seseorang pemberi maklumat atau apa-apa maklumat lain yang boleh membawa kepada identiti pemberi maklumat dan bahan maklumat yang diterima daripada seorang pemberi maklumat hendaklah disimpan rahsia dan tidak boleh dizahirkan oleh mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan atau mana-mana orang yang dalam perjalanan biasa kewajipannya memiliki atau mempunyai kawalan atau akses kepada maklumat kepada mana-mana orang kecuali pegawai cukai barang dan perkhidmatan yang ditetapkan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Perlindungan pemberi maklumat daripada diketahui

120. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudiannya, tiada saksi dalam mana-mana prosiding guaman atau jenayah berkewajipan atau dibenarkan untuk menzahirkan nama, alamat atau apa-apa maklumat mengenai pemberi maklumat atau bahan maklumat yang diterima daripadanya atau untuk menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada pemberi maklumat diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah apa jua pun mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada dirinya diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan semua petikan itu disembunyikan daripada pandangan atau dipadam setakat yang perlu bagi melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini mahkamah selepas pemeriksaan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat itu membuat dengan sengaja dalam aduannya suatu pernyataan material yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak dipercayainya sebagai benar,

atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa diketahui pemberi maklumat itu, adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki pengemukaan aduan asal, jika secara bertulis, dan membenarkan pemeriksaan, dan menghendaki penzahiran sepenuhnya, berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

Pelucuthakan dan pelepasan barang yang boleh disita

121. (1) Semua barang yang boleh disita di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan dan semua barang yang dilucuthakkan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Ketua Pengarah.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan boleh, jika difikirkannya patut, pada bila-bila masa mengarahkan apa-apa barang yang boleh disita di bawah Akta ini supaya dilepaskan kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya barang itu telah disita.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan melainkan jika penyitaan dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab yang mungkin

122. Tiada seorang pun dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa barang yang disita pada menjalankan atau berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak untuk mendapat kos prosiding itu atau untuk apa-apa ganti rugi atau relief lain selain suatu perintah bagi pemulangan barang atau pembayaran nilainya melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab yang barang kali.

Mahkamah hendaklah memerintahkan pelupusan barang yang disita

123. (1) Suatu perintah bagi pelucuthakan atau bagi melepaskan apa-apa jua yang boleh dilucuthakkan di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berhubung dengannya telah diadakan, dan suatu perintah bagi melucuthakkan

barang itu hendaklah dibuat jika dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barang itu merupakan hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Amaun yang dijamin di bawah perenggan 90(1)(a) atau (b) atau amaun yang diperolehi melalui jualan di bawah perenggan 90(1)(c) hendaklah dilucuthakkan oleh mahkamah jika dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barang boleh alih yang berkenaan dengannya amaun itu telah dijamin atau diperolehi melalui jualan, mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah hal perkara atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua barang yang dilucuthakkan hendaklah diserahkan kepada pegawai cukai barang dan perkhidmatan dan hendaklah dilupuskan menurut arahan Ketua Pengarah.

Barang yang disita yang berkenaan dengannya tiada pendakwaan, atau hasil jualan, terlucut hak jika tidak dituntut dalam masa satu bulan

124. (1) Jika tiada pendakwaan dibuat berhubung dengan apa-apa barang yang disita di bawah Akta ini, barang itu atau hasil jualan barang itu yang dipegang menurut perenggan 90(1)(c) hendaklah diambil dan disifatkan sebagai dilucuthakkan apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan barang itu melainkan jika, sebelum habis tempoh itu—

- (a) tuntutan ke atas barang itu atau hasil jualan barang itu dibuat di bawah subseksyen (2);
- (b) suatu permohonan bertulis dibuat bagi pemulangan barang itu di bawah perenggan 90(1)(a) atau (b); atau
- (c) barang itu dipulangkan di bawah perenggan (a) atau (b).

(2) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barang itu atau hasil jualan barang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan bahawa barang atau hasil jualan

barang itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, secara sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada mana-mana pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan bahawa dia menuntut barang atau hasil jualan barang itu.

(3) Apabila habisnya tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), atau, jika suatu keputusan dibuat lebih awal bahawa tiada pendakwaan berhubung dengan barang itu, ketika membuat keputusan itu pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan hendaklah, jika barang itu atau hasil jualan barang itu tidak diambil dan disifatkan sebagai dilucuthakkan di bawah subseksyen itu, merujuk tuntutannya itu kepada Ketua Pengarah yang boleh mengarahkan supaya barang itu atau hasil jualan barang itu atau jaminan yang dikemukakan di bawah perenggan 90(1)(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, dilepaskan atau boleh mengarahkan pegawai kanan itu, mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, untuk merujuk perkara itu kepada Mahkamah Sesyen.

(4) Mahkamah Sesyen hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barang itu atau hasil jualan barang itu, dan orang yang daripadanya barang itu disita, supaya hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau ingkar untuk hadir, selepas penyampaian sewajarnya saman itu dibuktikan, Mahkamah Sesyen hendaklah meneruskan pemeriksaan mengenai perkara itu, dan apabila ada bukti bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan dan bahawa barang itu merupakan hal perkara, atau digunakan dalam pelakuan, kesalahan itu, hendaklah memerintahkan barang itu atau hasil jualan barang itu atau amaun yang dijamin di bawah perenggan 90(1)(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk dilucuthakkan, atau jika tiada bukti sedemikian, boleh memerintahkan pelepasan barang itu atau hasil jualan barang itu atau jaminan yang dikemukakan di bawah perenggan 90(1)(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Dalam mana-mana prosiding di bawah subseksyen (4), seksyen 108 hendaklah terpakai bagi orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya barang itu atau hasil jualan barang itu dan bagi orang yang daripadanya barang itu disita seolah-olah pemunya atau orang itu ialah tertuduh dalam suatu pendakwaan di bawah Akta ini.

Barang atau amaun yang dilucuthakkan boleh diserahkan atau dibayar balik kepada pemunya atau orang lain

125. Menteri boleh, apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya melalui Ketua Pengarah, memerintahkan—

- (a) apa-apa barang yang disita di bawah Akta ini; atau
- (b) apa-apa amaun yang dijamin di bawah perenggan 90(1)
 - (a) atau (b) atau amaun yang diperolehi melalui jualan di bawah perenggan 90(1)(c),

sama ada dilucuthakkan, atau diambil dan disifatkan sebagai dilucuthakkan, di bawah seksyen 123, 124 atau 127, untuk diserahkan atau dibayar balik, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada pemunya atau orang lain yang berhak kepadanya semasa pembayaran amaun itu dan atas terma dan syarat yang disifatkannya patut:

Dengan syarat bahawa permohonan itu hendaklah dibuat sebelum habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh yang barang atau amaun itu dilucuthakkan atau diambil dan disifatkan sebagai dilucuthakkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penyampaian saman

126. (1) Tiap-tiap saman yang dikeluarkan oleh suatu mahkamah terhadap mana-mana orang berkaitan dengan apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah Akta ini boleh disampaikan kepada orang yang dinamakan dalamnya—

- (a) dengan menghantarserahkan saman itu kepada orang itu atau mana-mana anggota keluarganya yang dewasa atau mana-mana pekhidmatnya yang tinggal bersamanya di tempat tinggal biasanya atau yang terakhir diketahui;
- (b) dengan meninggalkan saman itu di tempat tinggal atau perniagaan biasanya atau yang terakhir diketahui dalam suatu sampul surat yang dialamatkan kepada orang itu;
- (c) dengan menghantar saman itu melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada orang itu ke tempat tinggal atau perniagaan biasanya atau yang terakhir diketahui; atau

- (d) jika orang itu ialah suatu syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain—
- (i) dengan menghantarserahkan saman itu kepada setiausaha atau pegawai lain yang seumpama bagi syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain itu di pejabat berdaftar atau tempat perniagaan utamanya; atau
 - (ii) dengan menghantar saman itu melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain itu ke pejabat berdaftar atau tempat perniagaan utamanya.

(2) Apa-apa saman yang dihantar melalui pos berdaftar kepada mana-mana orang mengikut subseksyen (1) atau dengan menghantarserahkan saman itu kepada orang itu atau kepada mana-mana anggota keluarganya yang dewasa atau mana-mana pekhidmatnya yang tinggal bersamanya hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu dengan sewajarnya.

(3) Jika suatu saman yang dikeluarkan oleh mahkamah disampaikan, suatu affidavit penyampaian yang berupa sebagai telah dibuat di hadapan seorang pegawai yang diberi kuasa sewajarnya untuk mengendalikan sumpah hendaklah diterima sebagai keterangan.

Pengkompaunan kesalahan

127. (1) Pegawai cukai barang dan perkhidmatan boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan ke atasnya dimulakan, dan jika amaun yang

dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

Perintah mahkamah

128. (1) Jika mana-mana orang didapati bersalah bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah yang di hadapannya orang itu didapati bersalah hendaklah memerintahkan orang itu supaya membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar, atau apa-apa penalti yang kena dibayar atau apa-apa surcaj yang terakru di bawah Akta ini, jika ada, sebagaimana yang diperakui oleh Ketua Pengarah dan cukai, penalti atau surcaj itu boleh didapatkan semula mengikut cara yang sama seperti suatu denda sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah.

(2) Sebagai tambahan kepada subseksyen (1), mahkamah mempunyai bidang kuasa guaman setakat amaun itu dan perintah itu boleh dikuatkuasakan dalam semua keadaan sebagai suatu keputusan muktamad mahkamah yang memihak kepada Ketua Pengarah.

BAHAGIAN XIII

KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN

Tafsiran

129. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 134(1)(a);

“Timbalan Pengerusi” ertinya mana-mana Timbalan Pengerusi Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 134(1)(a);

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Tribunal yang dilantik di bawah subseksyen 139(1);

“Tribunal” ertinya Tribunal Rayuan Cukai Barang dan Perkhidmatan yang ditubuhkan di bawah seksyen 131.

Permohonan semakan dan kajian semula

130. Mana-mana orang boleh memohon kepada Ketua Pengarah, melalui notis secara bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh orang itu diberitahu mengenai apa-apa keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah atau pegawai cukai barang dan perkhidmatan supaya dikaji semula dan disemak keputusan itu dan Ketua Pengarah hendaklah membuat suatu keputusan muktamad dan memberitahu orang itu dalam tempoh enam puluh hari atau dalam tempoh yang praktikal.

Penubuhan Tribunal

131. Suatu tribunal yang dikenali sebagai “Tribunal Rayuan Cukai Barang dan Perkhidmatan” ditubuhkan.

Hak untuk merayu

132. (1) Tertakluk kepada seksyen 133, mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah boleh merayu terhadap keputusan itu.

(2) Rayuan itu hendaklah dibuat kepada Tribunal dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan yang dipertikaikan itu dimaklumkan kepada orang yang terkilan itu dalam borang yang ditetapkan berserta dengan fi yang ditetapkan.

(3) Tribunal tidak boleh melayan sesuatu rayuan melainkan jika perayu telah memberikan semua penyata yang dikehendaki untuk diberikan olehnya dan dia telah membayar amaun yang

ditunjukkan dalam penyata itu dan telah membayar apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar olehnya berkaitan dengan perkara yang dirayu:

Dengan syarat bahawa jika dalam apa-apa kes tertentu, Tribunal berpendapat bahawa pembayaran cukai boleh menyebabkan keperitan kewangan kepada orang itu, Tribunal boleh mengetepikan cukai itu tertakluk kepada syarat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan untuk melindungi kepentingan hasil.

- (4) Bagi maksud seksyen ini—
- (a) cukai termasuk penalti, surcaj atau apa-apa wang lain;
 - (b) penyata termasuk borang perisytiharan kastam atau apa-apa borang lain yang dikehendaki di bawah Akta ini.

Bidang kuasa Tribunal

133. (1) Tribunal hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan rayuan yang berhubungan dengan cukai barang dan perkhidmatan kecuali tentang perkara yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Keempat.

(3) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Keanggotaan Tribunal

134. (1) Tribunal hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi Tribunal dan sekian bilangan Timbalan Pengerusi daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; dan
- (b) tidak kurang daripada lima anggota lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri, daripada kalangan orang yang, pada pendapat Menteri mempunyai pengetahuan yang luas atau pengalaman yang mendalam dalam apa-apa bidang aktiviti yang berhubungan dengan cukai barang dan perkhidmatan, kastam, atau percukaian.

(2) Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan anggota Tribunal yang lain hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun, dan selepas itu mereka layak untuk dilantik semula apabila habis tempoh jawatan mereka tetapi mereka tidak boleh dilantik bagi lebih daripada tiga tempoh berturut-turut.

(3) Menteri hendaklah menentukan saraan dan terma dan syarat yang lain bagi pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan anggota Tribunal yang lain.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

135. Jika atas apa-apa sebab Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsinya atau selama apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan fungsi Pengerusi.

Pembatalan pelantikan

136. Menteri boleh membatalkan pelantikan seseorang anggota Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 134(1)(b) jika—

- (a) kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Tribunal atau selainnya, telah mencemar nama baik Tribunal;
- (b) dia menjadi tidak berupaya untuk menjalankan kewajipannya secara wajar sebagai anggota Tribunal;
- (c) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan atau pertuduhan-pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;
 - (iii) suatu kesalahan di bawah Akta ini, Akta Kastam 1967 atau Akta Eksais 1976; atau
 - (iv) apa-apa kesalahan yang lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama lebih daripada dua tahun;

- (d) dia dihukum bankrap;
- (e) dia didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya; atau
- (f) dia tidak menghadiri sidang Tribunal tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi.

Peletakan jawatan

137. Seseorang anggota Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 134(1)(b) boleh pada bila-bila masa meletak jawatan dengan memberikan tiga bulan notis bertulis kepada Menteri.

Pengosongan jawatan dan pelantikan pemangkuan

138. (1) Jawatan mana-mana anggota Tribunal hendaklah menjadi kosong dengan—

- (a) kematiannya;
- (b) peletakan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis;
- (c) habisnya tempoh pelantikannya.

(2) Menteri hendaklah melantik mana-mana orang mengikut seksyen 134 untuk menggantikan Pengerusi, mana-mana Timbalan Pengerusi atau mana-mana anggota yang lain semasa kekosongan jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau anggota yang lain itu.

(3) Penjalanan kuasa atau pelaksanaan fungsi Tribunal tidaklah terjejas hanya kerana terdapat kekosongan dalam keanggotaan Tribunal itu.

Setiausaha Tribunal dan pegawai lain

139. (1) Hendaklah dilantik seorang Setiausaha dan seorang Penolong Setiausaha Tribunal dan sekian bilangan pegawai yang perlu bagi menjalankan fungsi Tribunal.

(2) Pengerusi hendaklah mempunyai kawalan am ke atas Setiausaha, Penolong Setiausaha dan pegawai-pegawai Tribunal.

(3) Bagi maksud Akta ini, Setiausaha dan Penolong Setiausaha Tribunal hendaklah disifatkan sebagai pegawai Tribunal.

Penjawat awam

140. Semua anggota, pegawai, Setiausaha dan Penolong Setiausaha Tribunal semasa menunaikan kewajipan mereka hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Pendengaran rayuan

141. (1) Sidang bagi tiap-tiap rayuan hendaklah terdiri daripada suatu panel yang mempunyai tiga anggota.

(2) Dalam tiap-tiap rayuan Tribunal hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi.

(3) Keputusan panel hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti anggota yang membentuk panel itu.

(4) Jika seorang anggota panel di bawah subseksyen (1) meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya untuk menjalankan fungsinya sebagai seorang anggota, prosiding itu hendaklah diteruskan di hadapan, dan keputusan hendaklah diberikan oleh, anggota panel yang tinggal, asalkan tidak kurang daripada dua orang, dan panel hendaklah, bagi maksud prosiding itu, disifatkan sebagai dibentuk dengan sewajarnya walaupun dengan kematian atau ketidakupayaan anggota yang disebut terdahulu itu.

(5) Dalam hal di bawah subseksyen (4), keputusan hendaklah ditentukan mengikut pendapat majoriti anggota panel yang tinggal, dan jika tiada majoriti, anggota yang mempengerusikan prosiding itu hendaklah mempunyai undi kedua atau undi pemutus.

(6) Jika Pengerusi atau Timbalan Pengerusi yang mempengerusikan apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu rayuan meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya, atau atas apa-apa sebab lain tidak dapat menyelesaikan atau membereskan prosiding itu, rayuan itu hendaklah didengar semula, melainkan jika pihak-pihak bersetuju supaya rayuan itu diteruskan oleh Timbalan Pengerusi yang lain.

(7) Jika pelantikan mana-mana anggota panel habis tempoh selama apa-apa prosiding belum selesai berkenaan dengan suatu rayuan, tempoh pelantikannya hendaklah disifatkan sebagai dilanjutkan sehingga pemberesan muktamad rayuan itu.

(8) Tribunal boleh bersidang dalam satu sidang atau lebih pada bila-bila hari dan masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

Pendengaran oleh anggota tunggal

142. Walau apa pun seksyen 141, jika Pengerusi memikirkannya patut demi kepentingan untuk mencapai pengendalian rayuan yang cepat dan efisien, prosiding rayuan hendaklah dipengerusikan oleh mana-mana orang yang berikut yang bersidang seorang diri—

- (a) Pengerusi;
- (b) mana-mana Timbalan Pengerusi; atau
- (c) mana-mana anggota Tribunal yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

Penzahiran kepentingan

143. (1) Seseorang anggota Tribunal yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendirinya atau melalui anggota keluarganya, apa-apa kepentingan dalam suatu rayuan yang dibawa di hadapannya sebagai seorang anggota, anggota itu hendaklah dengan serta-merta menzahirkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Pengerusi.

(2) Apabila penzahiran kepentingan di bawah subseksyen (1) diterima, Pengerusi hendaklah melantik anggota yang lain untuk mendengar dan membereskan rayuan itu.

Pengetepian bidang kuasa mahkamah

144. (1) Jika suatu rayuan dikemukakan kepada Tribunal dan rayuan itu adalah dalam bidang kuasa Tribunal, isu yang dipertikaikan dalam rayuan itu, sama ada sebagaimana yang ditunjukkan dalam rayuan yang mula-mula atau sebagaimana yang

timbul dalam perjalanan pendengaran itu, tidak boleh menjadi hal prosiding antara pihak-pihak yang sama dalam mana-mana mahkamah melainkan jika—

- (a) prosiding di hadapan mahkamah telah dimulakan sebelum rayuan itu dikemukakan kepada Tribunal; atau
- (b) rayuan di hadapan Tribunal itu telah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan.

(2) Jika perenggan (1)(a) terpakai, isu yang dipertikaikan dalam rayuan yang prosiding itu berhubungan dengannya, sama ada sebagaimana yang ditunjukkan dalam rayuan yang mula-mula atau yang timbul semasa perjalanan pendengaran itu, tidak boleh menjadi hal prosiding antara pihak-pihak yang sama di hadapan Tribunal melainkan jika rayuan di hadapan mahkamah telah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan.

Notis rayuan dan pendengaran

145. Apabila suatu rayuan dikemukakan di bawah seksyen 136, Setiausaha hendaklah memberikan notis tentang perincian mengenai hari, masa dan tempat pendengaran dalam borang yang ditetapkan kepada Ketua Pengarah dan perayu.

Rundingan bagi penyelesaian

146. (1) Tribunal hendaklah, berkenaan dengan tiap-tiap rayuan dalam bidang kuasanya, menilai sama ada, dalam segala hal keadaan, adalah wajar bagi Tribunal untuk membantu pihak-pihak kepada prosiding untuk merundingkan suatu penyelesaian yang dipersetujui berhubung dengan rayuan itu.

(2) Tanpa mengesahkan keluasan subseksyen (1), dalam membuat suatu penilaian Tribunal hendaklah mengambil kira apa-apa faktor yang pada pendapat Tribunal, mungkin mencatatkan kemampuan salah satu atau kedua-dua pihak untuk merundingkan suatu penyelesaian yang dipersetujui.

(3) Jika pihak-pihak mencapai suatu penyelesaian yang dipersetujui, Tribunal hendaklah meluluskan dan merekodkan penyelesaian itu dan penyelesaian itu hendaklah berkuat kuasa seolah-olah penyelesaian itu ialah keputusan Tribunal.

(4) Jika—

- (a) ternyata pada Tribunal bahawa adalah tidak wajar untuk Tribunal membantu pihak-pihak untuk merundingkan penyelesaian yang dipersetujui berhubung dengan rayuan itu; atau
- (b) pihak-pihak tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang dipersetujui berhubung dengan rayuan itu,

Tribunal hendaklah meneruskan untuk memutuskan rayuan itu.

Pewakilan semasa pendengaran

147. Bagi maksud suatu rayuan—

- (a) mana-mana pihak kepada rayuan boleh mengendalikan kesnya sendiri atau boleh diwakili oleh mana-mana orang yang dilantik olehnya bagi maksud itu; dan
- (b) Ketua Pengarah boleh diwakili pada mana-mana pendengaran oleh seorang pegawai yang diberi kuasa yang dilantik olehnya.

Keterangan

148. (1) Apa-apa prosiding di hadapan Tribunal hendaklah dikendalikan tanpa mengambil kira formaliti dan perkara teknikal dan Tribunal boleh—

- (a) mendapatkan dan menerima keterangan secara bersumpah atau pengakuan, sama ada bertulis atau lisan, dan memeriksa semua mana-mana orang sebagai saksi, sebagaimana yang difikirkan oleh Tribunal perlu untuk sebagai didapatkan, diterima atau diperiksa;
- (b) menghendaki pengemukaan buku, kertas, dokumen, rekod dan benda dihadapannya;
- (c) mengendalikan sumpah, pengakuan atau akuan berkanun, mengikut kehendak keadaan;
- (d) mendapatkan dan menerima apa-apa keterangan yang lain dan membuat apa-apa siasatan yang lain sebagaimana yang difikirkannya patut;

- (e) memanggil pihak-pihak kepada prosiding itu atau mana-mana orang lain supaya hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau benda lain yang dalam miliknya atau selainnya untuk membantu Tribunal dalam pertimbangtelitiannya;
- (f) menerima keterangan pakar; dan
- (g) secara amnya mengarahkan dan melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi mempercepat penentuan tuntutan itu.

(2) Suatu saman yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah disampaikan dan dikuatkuasakan seolah-olah ia suatu saman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Sesyen.

Tribunal boleh meminta maklumat

149. (1) Tribunal boleh meminta apa-apa maklumat yang difikirkannya perlu bagi maksud menjalankan apa-apa kuasa dan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang enggan untuk mematuhi permintaan oleh Tribunal melakukan suatu kesalahan.

Keputusan

150. (1) Tribunal hendaklah membuat keputusannya tanpa kelengahan dan jika dapat dilaksanakan, dalam masa enam puluh hari daripada hari pertama bermulanya pendengaran di hadapan Tribunal.

(2) Tribunal hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk mengesahkan keputusan Ketua Pengarah;
- (b) untuk mengubah keputusan Ketua Pengarah; atau
- (c) untuk mengetepikan keputusan Ketua Pengarah dan menggantikannya dengan keputusan yang baru.

(3) Tribunal hendaklah memberikan alasan bagi keputusannya dalam mana-mana rayuan yang didengar di hadapannya.

Keputusan dan penyelesaian hendaklah direkodkan secara bertulis

151. Tribunal hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat suatu rekod bertulis bagi terma—

- (a) tiap-tiap penyelesaian yang dipersetujui oleh pihak-pihak di bawah seksyen 146; dan
- (b) tiap-tiap keputusan yang dibuat olehnya di bawah seksyen 150.

Keputusan Tribunal adalah muktamad

152. (1) Sesuatu keputusan Tribunal adalah—

- (a) muktamad dan mengikat semua pihak kepada prosiding itu; dan
- (b) disifatkan sebagai suatu perintah Mahkamah Sesyen dan dikuatkuasakan dengan sewajarnya oleh pihak-pihak kepada prosiding itu.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), Setiausaha hendaklah menghantar suatu salinan keputusan yang dibuat oleh Tribunal kepada Mahkamah Sesyen yang mempunyai bidang kuasa di tempat yang berhubungan dengan keputusan itu atau di tempat di mana keputusan itu telah dibuat dan Mahkamah hendaklah menyebabkan salinan itu direkodkan.

Pemberesan rayuan

153. Tribunal hendaklah membereskan suatu rayuan dengan cara—

- (a) penyelesaian yang dipersetujui yang dicapai oleh pihak-pihak dan penyelesaian itu hendaklah direkodkan seolah-olah ia telah diumumkan oleh Tribunal;
- (b) penarikan balik oleh perayu dalam borang yang ditetapkan; atau
- (c) perintah oleh Tribunal dalam borang yang ditetapkan.

Rujukan persoalan undang-undang kepada Mahkamah Tinggi

154. (1) Sebelum Tribunal membuat suatu keputusan di bawah seksyen 150, ia boleh, mengikut budi bicaranya, merujuk kepada Mahkamah Tinggi suatu persoalan undang-undang—

- (a) yang timbul dalam perjalanan prosiding;
- (b) yang, pada pendapat Tribunal, cukup pentingnya bagi mewajarkan rujukan itu;
- (c) yang penentuannya oleh Tribunal menimbulkan, pada pendapat Tribunal, keraguan yang mencukupi bagi mewajarkan rujukan itu.

(2) Jika Tribunal merujuk apa-apa persoalan undang-undang di bawah subseksyen (1) untuk diputuskan oleh Mahkamah Tinggi, ia hendaklah membuat keputusan yang selaras dengan keputusan sedemikian.

(3) Seorang Peguam Persekutuan yang diberi kuasa oleh Peguam Negara bagi maksud itu boleh hadir bagi pihak Tribunal dalam apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah Tinggi di bawah seksyen ini.

Rayuan lanjutan

155. Hendaklah ada apa-apa hak untuk merayu daripada keputusan Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 154 sebagaimana yang wujud berkenaan dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi tentang persoalan undang-undang dalam bidang kuasa rayuan sivilnya.

Tribunal hendaklah menerima pakai tatacara

156. Tribunal hendaklah menerima pakai apa-apa tatacara sebagaimana yang difikirkannya patut dan wajar.

Tidak mengikut bentuk

157. Tiada prosiding, award atau dokumen Tribunal lain boleh diketepikan atau dibatalkan kerana tidak mengikut bentuk.

Peruntukan yang berhubungan dengan kos dan perbelanjaan

158. Tribunal hendaklah hanya memberikan award tentang kos dan perbelanjaan dan hendaklah mempunyai kuasa penuh untuk menentukan oleh siapa dan takat kos dan perbelanjaan yang patut dibayar—

- (a) terhadap perayu, jika ia berpuas hati bahawa dia telah mengendalikan kesnya secara remeh atau menyusahkan; dan
- (b) terhadap mana-mana pihak kepada rayuan itu, jika ia berpuas hati bahawa dalam semua hal keadaan kes itu adalah tidak adil dan tidak saksama untuk tidak berbuat demikian.

Pelupusan dokumen, dsb.

159. (1) Tribunal boleh, pada penutup prosiding di hadapannya, memerintahkan supaya apa-apa barang, dokumen, rekod, bahan, benda atau harta lain yang dikemukakan semasa prosiding diserahkan kepada pemunya yang sah atau dilupuskan mengikut cara yang difikirkannya patut.

(2) Jika tiada orang mengambil serahan barang, dokumen, rekod, bahan, benda atau harta lain yang disebut dalam subseksyen (1) selepas tempoh enam bulan, pemunyaan barang, dokumen, rekod, bahan, benda atau harta lain hendaklah disifatkan telah berpindah dan menjadi terletak hak pada Kerajaan.

Perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati

160. Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) anggota Tribunal; atau
- (b) mana-mana orang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi atau bagi pihak Tribunal,

bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah Akta ini.

BAHAGIAN XIV

KAWASAN DITETAPKAN

Tafsiran

161. Bagi maksud Bahagian ini, “Malaysia” tidak termasuk kawasan ditetapkan.

Pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat dalam atau antara kawasan ditetapkan

162. (1) Bagi maksud Akta ini, suatu pembekalan bercukai yang dibuat dalam atau antara kawasan ditetapkan tidaklah diambil kira bagi maksud cukai berkenaan dengan pengakaunan bagi cukai output.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), cukai hendaklah dikenakan oleh mana-mana orang kena cukai atas apa-apa pembekalan perkhidmatan pengangkutan antara kawasan ditetapkan.

Barang atau perkhidmatan yang diimport ke dalam atau dibekalkan dari kawasan ditetapkan

163. Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini—

- (a) cukai hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar ke atas semua barang yang dibekalkan dari kawasan ditetapkan ke Malaysia bagi segala maksud seolah-olah pembekalan itu ialah pengimportan ke dalam Malaysia;
- (b) cukai hendaklah dikenakan ke atas pembekalan bercukai perkhidmatan yang dibuat oleh mana-mana orang kena cukai dari kawasan ditetapkan ke Malaysia atau dari Malaysia ke kawasan ditetapkan;
- (c) tiada cukai boleh dikenakan ke atas apa-apa pengimportan barang atau pembekalan perkhidmatan diimport ke kawasan ditetapkan.

Pembekalan barang atau perkhidmatan dalam Malaysia

164. Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini, cukai hendaklah dikenakan ke atas semua barang atau perkhidmatan yang dibekalkan

dalam Malaysia oleh seorang orang kena cukai yang tempat perniagaan utamanya terletak di kawasan ditetapkan.

Perisytiharan barang yang dibekalkan dari kawasan ditetapkan ke Malaysia

165. Orang yang menjaga mana-mana vesel atau pesawat udara yang atasnya barang dibekalkan dari kawasan ditetapkan ke Malaysia hendaklah membuat suatu perisytiharan yang pada matannya mengikut bentuk sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang terpakai yang sedang berkuat kuasa.

Pemungutan cukai di kawasan ditetapkan

166. Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini, pemungutan cukai yang genap masa dan kena dibayar hendaklah dibuat di kawasan ditetapkan berkenaan dengan barang yang dibekalkan atau yang akan dibekalkan dari kawasan ditetapkan ke Malaysia.

Kuasa Menteri untuk mengenakan cukai

167. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan Bahagian ini, Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan apa-apa pembekalan dalam kawasan ditetapkan dan apa-apa barang atau perkhidmatan yang dibekalkan ke, diimport ke dalam atau dieksport dari kawasan ditetapkan supaya dikenakan cukai.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

BAHAGIAN XV

PELBAGAI

Kuasa untuk mengambil sampel

168. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan boleh, jika kewajipannya menghendaki sedemikian, mengambil sampel apa-apa barang untuk memastikan

sama ada ia adalah barang daripada perihalan yang boleh dikenakan cukai atau untuk memastikan cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas barang itu, atau bagi maksud lain sebagaimana yang difikirkannya perlu, dan sampel itu boleh dilupuskan dan diakaunkan mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Tiada pembayaran boleh dibuat bagi apa-apa sampel yang diambil di bawah subseksyen (1), tetapi pegawai cukai barang dan perkhidmatan hendaklah memberikan suatu resit bagi sampel itu.

Orang yang terikat untuk mengemukakan barang atau memberikan maklumat, dsb.

169. (1) Tiap-tiap orang yang mempunyai maklumat tentang apa-apa perkara yang menjadi kewajipan seorang pegawai cukai barang dan perkhidmatan untuk menyiasat hendaklah, apabila dikehendaki olehnya untuk berbuat demikian, memberikan maklumat itu.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh seorang pegawai cukai barang dan perkhidmatan untuk mengemukakan apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda yang berada dalam kuasa orang itu untuk mengemukakan, dan yang merupakan barang, dokumen, artikel atau benda yang dikehendaki di bawah Akta ini atau barang, dokumen, artikel atau benda yang digunakan dalam apa-apa transaksi atau perkara lain yang berhubungan dengan cukai atau barang, dokumen, artikel atau benda yang menjadi kewajipan pegawai cukai barang dan perkhidmatan untuk menyiasat di bawah Akta ini, hendaklah mengemukakan barang, dokumen, artikel atau benda itu.

(3) Jika apa-apa maklumat, barang, dokumen, artikel atau benda bukan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan boleh melalui notis secara bertulis menghendaki pembekal atau, atas keingkaran pembekal, mana-mana orang lain, untuk mengemukakan, dalam tempoh yang munasabah, suatu terjemahan mengenainya dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah atau pegawai itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Penggunaan perkhidmatan elektronik

170. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini dan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Ketua Pengarah boleh menyediakan suatu perkhidmatan elektronik kepada mana-mana pengguna berdaftar untuk—

- (a) pemfailan atau pengemukaan apa-apa permohonan, penyata, perisytiharan atau apa-apa dokumen lain; dan
- (b) penyampaian apa-apa notis, arahan, perintah, permit, resit atau apa-apa dokumen lain.

(2) Jika suatu notis elektronik dibuat dan dihantar kepada Ketua Pengarah, Ketua Pengarah tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh pengguna berdaftar itu atas sebab apa-apa kesilapan atau peninggalan dalam apa saja sifat atau bagaimana sekali pun kelihatan berbangkit dalam apa-apa notis elektronik yang diperoleh oleh pengguna berdaftar di bawah perkhidmatan elektronik jika kesilapan atau peninggalan itu dibuat dengan suci hati dan dalam perjalanan biasa pelaksanaan kewajipan sebagai Ketua Pengarah atau berlaku atau timbul sebagai akibat daripada apa-apa kecacatan atau kegagalan dalam perkhidmatan atau dalam peralatan yang digunakan bagi penyediaan perkhidmatan itu.

(3) Apa-apa notis elektronik yang dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar hendaklah dianggap sebagai telah difailkan, dikemukakan atau disampaikan pada masa notis elektronik itu diterima oleh Ketua Pengarah.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “pengguna berdaftar” ertinya mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah untuk mengakses dan mengguna perkhidmatan elektronik.

Penyampaian notis

171. (1) Tiap-tiap notis, arahan atau apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini untuk disampaikan kepada mana-mana orang boleh disampaikan—

- (a) secara sendiri kepada orang itu;

- (b) dengan menghantarnya kepada orang itu melalui pos berdaftar; atau
- (c) melalui perkhidmatan elektronik.

(2) Notis, arahan atau dokumen lain itu yang dihantar melalui pos berdaftar kepada seseorang hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu pada masa yang ia akan dihantarserahkan kepada orang itu dalam perjalanan biasa pos jika notis, arahan atau dokumen lain itu dialamatkan—

- (a) dalam hal suatu syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain—
 - (i) ke pejabat berdaftarnya;
 - (ii) ke alamat terakhirnya yang diketahui; atau
 - (iii) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menerima penyampaian proses; dan
- (b) dalam hal seseorang individu, ke alamat terakhirnya yang diketahui.

(3) Jika seseorang telah memberi persetujuannya bagi suatu notis disampaikan kepadanya melalui perkhidmatan elektronik, notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan pada masa apabila notis elektronik itu dihantar ke akaunnya melalui perkhidmatan elektronik.

Pengesahan notis, dsb.

172. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiap-tiap notis atau apa-apa dokumen lain yang disampaikan bagi maksud Akta ini oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa olehnya adalah ditentukan dengan cukup jika nama dan jawatan Ketua Pengarah dicetak, dicap atau selainnya ditulis ke atasnya.

(2) Jika Akta ini memperuntukkan bagi suatu notis atau apa-apa dokumen lain atas nama oleh mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan, notis atau dokumen lain itu hendaklah ditandatangani dalam manuskrip oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan itu.

(3) Suatu notis atau apa-apa dokumen lain yang disampaikan bagi maksud Akta ini dan berupa sebagai ditandatangani dalam manuskrip oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa olehnya hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah ditandatangani sedemikian.

Bayaran pos percuma

173. Semua penyata dan apa-apa peremitan cukai dan apa-apa surat-menyurat yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan apa-apa penyata atau peremitan itu boleh, jika dipos di Malaysia, dihantar secara pos percuma kepada Ketua Pengarah dalam sampul surat bertanda “Cukai Barang dan Perkhidmatan”.

Ejen cukai

174. (1) Tiada seorang pun boleh dibenarkan untuk bertindak di Malaysia bagi pihak mana-mana orang bagi apa-apa perkara di bawah Akta ini melainkan jika dia seorang ejen cukai.

(2) Mana-mana orang boleh memohon bagi suatu kelulusan untuk menjadi seorang ejen cukai kepada Menteri jika—

(a) dalam hal seseorang individu, dia mempunyai tempat tinggal biasanya di Malaysia; atau

(b) dalam hal suatu syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang lain, ia diperbadankan atau selainnya ditubuhkan secara sah di Malaysia.

(3) Menteri boleh meluluskan suatu permohonan di bawah subseksyen (2) dan jika permohonan itu diluluskan, kelulusan itu hendaklah, melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu, sah bagi suatu tempoh minimum dua puluh empat bulan bermula dari tarikh kelulusan itu.

(4) Seseorang ejen cukai boleh memohon bagi pembaharuan kelulusan kepada Menteri sebelum habis tempoh kelulusan yang dinyatakan di bawah subseksyen (3) dan jika permohonan bagi pembaharuan itu diluluskan, pembaharuan itu adalah, melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu, sah bagi tempoh yang sama.

(5) Suatu fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah dibayar atas permohonan bagi kelulusan di bawah subseksyen (2) atau pembaharuan kelulusan di bawah subseksyen (4).

(6) Seseorang ejen cukai yang menjalankan perniagaan bagi pihak mana-mana orang bagi apa-apa perkara di bawah Akta ini hendaklah—

- (a) mengemukakan suatu surat pemberian kuasa daripada orang yang diwakilinya; dan
- (b) jika apa-apa borang yang ditetapkan dikehendaki supaya dikemukakan bagi maksud perkara yang ditransaksikan, mengemukakan borang yang telah ditandatangani oleh orang yang diwakilinya, kecuali dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah.

(7) Walau apa pun subseksyen (1), mana-mana orang yang diberi kebenaran untuk bertindak sebagai seorang ejen di bawah seksyen 90 Akta Kastam 1967 hendaklah dibenarkan untuk bertindak di Malaysia bagi pihak mana-mana orang bagi apa-apa perkara di bawah Akta ini berhubung dengan pengimportan atau pengeksporan barang, termasuk pemindahan.

(8) Bagi maksud seksyen ini, “ejen cukai” ertinya mana-mana akauntan profesional atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh Menteri untuk bertindak di Malaysia bagi pihak mana-mana orang bagi apa-apa perkara di bawah Akta ini.

(9) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (6) melakukan suatu kesalahan.

Ganjaran

175. Ketua Pengarah boleh memerintahkan apa-apa ganjaran sebagaimana yang difikirkannya patut dibayar kepada mana-mana orang bagi perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengesanan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau apa-apa cukai yang didapatkan di bawah Akta ini.

Borang yang hendaklah digunakan

176. (1) Jika apa-apa borang telah ditetapkan di bawah Akta ini, tiada seorang pun boleh, bagi maksud Akta ini, menggunakan apa-apa borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan dengan kuasa Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh, mengikut budi bicaranya dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan, membenarkan mana-mana orang untuk menggunakan borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan sebagaimana yang disebut terdahulu atau penggunaan apa-apa borang yang dikemukakan melalui perkhidmatan elektronik.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kuasa Ketua Pengarah untuk mengenakan fi

177. Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau perkhidmatan yang dilakukan atau diberikan olehnya atau mana-mana pegawai dan yang tidak dikehendaki untuk dilakukan atau diberikan di bawah Akta ini dan yang tiada fi ditetapkan baginya oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Pemakaian perundangan Kastam

178. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Akta ini hendaklah ditafsirkan sebagai bersekali dengan Akta Kastam 1967 atau Akta Eksais 1976 berkenaan dengan pengeksporan atau pengimportan barang termasuk dalam transit dan pergerakan barang di bawah kawalan kastam.

(2) Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara peruntukan Akta Kastam 1967 atau Akta Eksais 1976 dengan peruntukan Akta ini, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

Perlindungan Kerajaan daripada liabiliti

179. Kerajaan tidaklah bertanggungjawab untuk membayar apa-apa kerugian yang dialami berkenaan dengan apa-apa barang yang disebabkan oleh kebakaran, kecurian, kerosakan atau sebab lain

semasa barang itu berada dalam mana-mana gudang kastam atau dalam jagaan atau kawalan sah mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan melainkan jika kerugian itu disebabkan oleh pengabaian atau keingkaran yang disengajakan oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan atau oleh orang yang diambil kerja oleh Kerajaan dalam perjalanan pelaksanaan kewajibannya di bawah Akta ini.

Perlindungan pegawai cukai barang dan perkhidmatan daripada liabiliti

180. Tiada pegawai cukai barang dan perkhidmatan atau orang lain yang diambil kerja oleh Kerajaan dalam perjalanan pelaksanaan kewajibannya di bawah Akta ini bertanggung untuk membayar apa-apa kerugian yang dialami berkenaan dengan apa-apa barang yang disebabkan oleh kebakaran, kecurian, kerosakan atau sebab lain semasa barang itu berada dalam mana-mana gudang kastam atau dalam jagaan atau kawalan sah pegawai itu atau mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan yang lain atau orang yang diambil kerja oleh Kerajaan dalam perjalanan pelaksanaan kewajibannya di bawah Akta ini melainkan jika kerugian itu disebabkan oleh pengabaian atau keingkaran yang disengajakan olehnya.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

181. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu dan suai manfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan apa-apa yang dikehendaki di bawah Akta ini supaya ditetapkan;
- (b) untuk mengubah kaedah-kaedah bagi menentukan di mana suatu pembekalan perkhidmatan dibuat bagi maksud tempat pembekalan di bawah seksyen 12;

- (c) untuk menetapkan pejabat-pejabat bagi pentadbiran cukai barang dan perkhidmatan dan bagi hari dan masa bila pejabat boleh dibuka untuk urusan;
- (d) untuk menentukan masa pembekalan dalam hal apabila subseksyen 11(9) dan 11(10) terpakai;
- (e) untuk menetapkan layanan bagi pembekalan perkhidmatan yang diimport;
- (f) untuk menetapkan perkara-perkara yang berhubungan dengan pendaftaran atau orang berdaftar;
- (g) untuk menetapkan perkara yang berikut berhubungan dengan kredit cukai input terhadap cukai output di bawah seksyen 38:
 - (i) cara dan hal keadaan yang—
 - (aa) seseorang orang kena cukai boleh mengira cukai ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan kepadanya, atau cukai yang dibayar atau yang akan dibayar olehnya ke atas pengimportan barang sebagai cukai inputnya;
 - (bb) seseorang boleh mengira cukai ke atas pembekalan barang kepadanya, atau cukai yang dibayar atau yang akan dibayar olehnya ke atas pengimportan barang sebagai cukai inputnya dalam hal orang itu bukan seorang orang kena cukai pada masa apabila pembekalan atau pengimportan itu dibuat; dan
 - (cc) mana-mana orang yang telah, tetapi tidak lagi seorang orang kena cukai, boleh dibayar oleh Ketua Pengarah apa-apa amaun apa-apa cukai ke atas pembekalan perkhidmatan yang dibuat kepadanya semasa dia seorang orang kena cukai;
 - (ii) had masa bagi seorang orang kena cukai untuk menuntut keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa cukai input sebagai cukai input boleh dibenarkan;

- (h) untuk menetapkan perkara berhubung dengan amaun cukai input yang boleh dibenarkan dan untuk memperuntukkan bagi mendapatkan suatu cukai input berhubung kait yang munasabah untuk pembekalan di bawah seksyen 39 termasuk—
 - (i) menentukan suatu perkadaran dengan merujuk kepada cukai input bagi mana-mana tempoh bercukai yang akan dihubungkan secara sementara kepada pembekalan itu;
 - (ii) melaraskan, mengikut suatu perkadaran yang ditentukan mengikut cara seumpamanya bagi suatu tempoh yang mengandungi dua atau lebih tempoh bercukai atau sebahagian daripadanya, hubung kait sementara bagi mana-mana tempoh itu;
 - (iii) pembuatan pelarasan sekiranya anggaran ke atas asas yang suatu hubung kait telah dibuat adalah tidak tepat;
- (i) untuk menetapkan perkara yang berhubungan dengan pelepasan hutang lapuk di bawah seksyen 59;
- (j) untuk menetapkan pengendalian Skim Bayar Balik Pelancong di bawah seksyen 62;
- (k) untuk menetapkan peruntukan yang berbeza bagi pengenaan dan pengakaunan cukai untuk usaha sama dan bagi apa-apa aktiviti yang lain yang disifatkan sebagai suatu usaha sama di bawah seksyen 70;
- (l) untuk menetapkan pengendalian Skim Penggudangan di bawah seksyen 71;
- (m) untuk menetapkan pengendalian Skim Pedagang Diluluskan di bawah seksyen 72;
- (n) untuk menetapkan pengendalian Skim Pengilang Tol Diluluskan di bawah seksyen 73;
- (o) untuk menetapkan pengendalian Skim Tukang Emas Diluluskan di bawah seksyen 74;
- (p) untuk menetapkan pengendalian Skim Kadar Rata di bawah seksyen 75;
- (q) untuk menetapkan perkara yang berhubungan dengan ekuiti dan pasaran niaga hadapan di bawah seksyen 76;

- (r) untuk memperuntukkan skop dan tatacara yang terpakai berhubung dengan apa-apa ketetapan yang dibuat di bawah seksyen 77 atau 78;
- (s) untuk menetapkan cara pemberian penyata dan perisytiharan dan perkara lain berhubung dengan penyata dan perisytiharan;
- (t) untuk menetapkan cara pembayaran cukai;
- (u) untuk menetapkan perkara yang berikut yang berhubungan dengan Tribunal Rayuan Cukai Barang dan Perkhidmatan di bawah Bahagian XIII:
 - (i) cara yang apa-apa perkara boleh dirujuk kepada Tribunal;
 - (ii) cara yang Tribunal hendaklah diadakan dan tempat di mana Tribunal menjalankan sidangannya;
 - (iii) skala kos dan fi yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa siasatan atau prosiding di hadapan Tribunal;
 - (iv) tanggungjawab anggota Tribunal;
 - (v) borang untuk digunakan dalam prosiding;
 - (vi) fi dan cara bagi pemungutan dan pembayaran fi;
 - (vii) kos dan perbelanjaan yang berhubungan dengan apa-apa perkara di hadapan Tribunal;
 - (viii) secara amnya perjalanan yang lebih baik fungsi yang diberikan kepada Tribunal melalui Akta ini;
- (v) untuk menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun;
- (w) untuk menetapkan perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan elektronik;
- (x) untuk menetapkan kehendak untuk memasukkan cukai dalam harga barang dan perkhidmatan.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (2) boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peraturan-peraturan untuk menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN XVI

PEMANSUHAN DAN KECUALIAN AKTA CUKAI JUALAN 1972

Pemansuhan dan kecualian Akta Cukai Jualan 1972

182. (1) Akta Cukai Jualan 1972 [*Akta 64*] dimansuhkan.

(2) Walaupun Akta Cukai Jualan 1972 dimansuhkan, apa-apa cukai jualan yang kena dibayar atau liabiliti yang ditanggung di bawah Akta itu boleh dipungut, dibayar balik, diremit atau dikuatkuasakan seolah-olah Akta itu tidak dimansuhkan.

Pemberian penyata bagi tempoh bercukai terakhir

183. (1) Walau apa pun subseksyen 182(1), mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 hendaklah memberi Ketua Pengarah suatu penyata sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta Cukai Jualan 1972 bagi tempoh bercukai terakhir tidak lewat daripada dua puluh lapan hari atau apa-apa suatu tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dari tarikh ditetapkan.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyatakan dan membayar amaun cukai jualan yang dikenakan di bawah perenggan 6(a) Akta Cukai Jualan 1972 yang menjadi genap masa semasa tempoh bercukai terakhir.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “tempoh bercukai terakhir” ertinya tempoh dua bulan kalendar atau sebahagian daripadanya yang berakhir pada tarikh ditetapkan.

Pembayaran cukai jualan bagi orang tidak berdaftar

184. (1) Walau apa pun subseksyen 182(1), mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 dan tidak berdaftar di bawah Akta ini hendaklah dikehendaki untuk mengakaun dan membayar cukai jualan ke atas barang yang dipegang pada tarikh ditetapkan—

(a) yang diperoleh tanpa cukai jualan di bawah seksyen 9 Akta Cukai Jualan 1972; atau

(b) jika suatu potongan cukai jualan telah dibuat bagi barang yang dibeli di bawah seksyen 31A Akta Cukai Jualan 1972.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) tidak dikehendaki untuk mengakaun cukai jualan ke atas barang siap dan separa siap yang dipegang pada tarikh ditetapkan.

(3) Jika seseorang dikehendaki mengakaun cukai jualan yang disebut dalam subseksyen (1), dia hendaklah menyatakan amaun cukai jualan yang dikehendaki untuk dibayar dalam penyata di bawah subseksyen 183(1).

BAHAGIAN XVII

PEMANSUHAN DAN KECUALIAN AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

Pemansuhan dan kecualian Akta Cukai Perkhidmatan 1975

185. (1) Akta Cukai Perkhidmatan 1975 [*Akta 151*] dimansuhkan.

(2) Walaupun Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dimansuhkan, apa-apa cukai perkhidmatan yang kena dibayar atau liabiliti yang ditanggung di bawah Akta itu boleh dipungut, dibayar balik, diremit atau dikuatkuasakan seolah-olah Akta itu tidak dimansuhkan.

Pemberian penyata bagi tempoh bercukai terakhir

186. (1) Walau apa pun subseksyen 185(1) dan bagi maksud Bahagian ini, mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975 hendaklah memberi Ketua Pengarah suatu penyata sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975 bagi tempoh bercukai terakhir tidak lewat daripada dua puluh lapan hari atau apa-apa tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dari tarikh ditetapkan.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyatakan dan membayar—

- (a) amaun cukai perkhidmatan, bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian pembayaran bagi apa-apa perkhidmatan bercukai yang disediakan, yang tidak diterima dalam tempoh dua belas bulan kalendar sebelum tempoh bercukai terakhir; dan
- (b) amaun cukai perkhidmatan ke atas semua perkhidmatan bercukai yang disediakan dalam tempoh bercukai terakhir.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “tempoh bercukai terakhir” ertinya tempoh dua bulan kalendar atau sebahagian daripadanya yang berakhir pada tarikh ditetapkan.

BAHAGIAN XVIII

PERUNTUKAN PERALIHAN

Pembayaran, invois dan pengimportan sebelum tarikh ditetapkan

187. (1) Cukai tidak boleh dikenakan dan dilevi ke atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan atau pengimportan barang yang dibuat sebelum tarikh ditetapkan.

(2) Walau apa pun seksyen 11, jika, sebelum tarikh ditetapkan—

- (a) apa-apa pembayaran diterima berkaitan dengan suatu pembekalan barang atau perkhidmatan yang akan dibuat pada atau selepas tarikh ditetapkan; atau
- (b) suatu invois telah dikeluarkan yang berhubungan dengan suatu pembekalan barang atau perkhidmatan yang akan dibuat pada atau selepas tarikh ditetapkan,

bagi maksud menentukan tempoh bercukai yang dengannya cukai output atau cukai input boleh dihubungkan, pembayaran itu diambil sebagai telah diterima atau invois itu diambil sebagai telah dikeluarkan, semasa tempoh bercukai pertama selepas tarikh ditetapkan.

(3) Jika apa-apa barang yang pada tarikh ditetapkan tidak dilepaskan daripada kawalan kastam, ia hendaklah dikira bagi maksud seksyen ini sebagai diimport pada masa apabila barang itu dilepaskan oleh pegawai kastam.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Pendaftaran sebelum tarikh ditetapkan

188. (1) Bagi maksud seksyen ini, mana-mana orang yang membuat suatu pembekalan bercukai adalah bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen ini jika terdapat alasan munasabah untuk mempercayai bahawa nilai keseluruhan pembekalan bercukainya dalam bulan tarikh ditetapkan dan sebelas bulan selepas itu akan melebihi amaun pembekalan bercukai sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah di bawah subseksyen 20(1).

(2) Mana-mana orang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah subseksyen (1) hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah untuk didaftarkan dan permohonan itu hendaklah dibuat tiga bulan sebelum tarikh ditetapkan.

(3) Ketua Pengarah boleh mendaftarkan orang di bawah subseksyen (1) pada atau dari tarikh ditetapkan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Kesan ke atas cukai jualan dan cukai perkhidmatan

189. Berkuat kuasa dari tarikh ditetapkan—

(a) cukai jualan tidaklah boleh dikenakan ke atas apa-apa jualan, penggunaan, pelupusan atau pengimportan barang bercukai di bawah Akta Cukai Jualan 1972; dan

(b) cukai perkhidmatan tidaklah boleh dikenakan ke atas apa-apa perkhidmatan bercukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

Nilai pembekalan barang dan perkhidmatan

190. Jika suatu pembekalan barang atau perkhidmatan dikira sebagai telah berlaku selepas tarikh ditetapkan, nilai pembekalan itu hendaklah amaun yang ditentukan di bawah seksyen 15, sebagaimana, pada pendapat Ketua Pengarah, tidak dihubungkan secara munasabah dengan mana-mana bahagian barang yang dibekalkan atau perkhidmatan yang dilaksanakan sebelum tarikh ditetapkan.

Kontrak tanpa peluang untuk dikaji semula

191. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai jika—

- (a) suatu kontrak bertulis mengenal pasti secara khusus suatu pembekalan dan balasan bagi pembekalan itu; dan
- (b) apa-apa pembekalan yang dibuat menurut apa-apa kontrak tanpa peluang untuk dikaji semula yang dibuat sebelum atau pada tarikh Akta ini diluluskan oleh Dewan Negara.

(2) Jika suatu pembekalan dibuat sebelum yang lebih awal daripada yang berikut, iaitu—

- (a) lima tahun selepas tarikh ditetapkan; atau
- (b) terdapat suatu peluang untuk kajian semula,

pembekalan yang dibuat menurut suatu kontrak tanpa peluang untuk dikaji semula hendaklah dikira sebagai suatu pembekalan berkadar sifar:

Dengan syarat—

- (A) pembekal dan penerima pembekalan itu merupakan orang berdaftar; dan
- (B) pembekalan itu merupakan suatu pembekalan bercukai.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “kontrak tanpa peluang untuk dikaji semula” ertinya apa-apa kontrak atau perjanjian bertulis yang tidak mempunyai peruntukan bagi kajian semula am bagi balasan bagi pembekalan untuk apa-apa tempoh sehingga terdapat peluang untuk kajian semula;

- (b) “peluang untuk kajian semula” ertinya suatu peluang yang timbul bagi pembekal di bawah kontrak, yang bertindak sama ada sendirian atau dengan persetujuan satu pihak lain kepada kontrak itu atau lebih, untuk—
- (i) menukar balasan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh pengenaan cukai;
 - (ii) mengendalikan, pada atau selepas tarikh ditetapkan, suatu kajian semula am, rundingan semula atau perubahan kepada balasan tersebut; atau
 - (iii) mengendalikan, sebelum tarikh ditetapkan, suatu kajian semula am, rundingan semula atau perubahan kepada balasan yang mengambil kira pengenaan cukai itu.

Pembekalan berperingkat atau berkala

192. (1) Jika apa-apa pembekalan dibuat di bawah suatu perjanjian bagi suatu tempoh atau secara berperingkat bagi suatu tempoh sama ada pada jarak waktu yang tetap atau tidak dan tempoh itu bermula sebelum tarikh yang ditetapkan dan berakhir pada atau selepas tarikh ditetapkan, bahagian pembekalan yang dihubungkan dengan bahagian tempoh pada atau selepas tarikh ditetapkan hendaklah boleh dikenakan cukai.

(2) Jika pembekalan di bawah subseksyen (1) ialah suatu pembekalan perkhidmatan, pembekalan itu hendaklah diambil sebagai dibuat secara berterusan dan secara sama rata sepanjang tempoh perjanjian itu.

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi—

- (a) pembekalan suatu waranti yang berhubungan dengan barang atau perkhidmatan sama ada ternyata, tersirat atau dikehendaki oleh undang-undang, jika nilai warranti itu dimasukkan dalam harga barang atau perkhidmatan itu;
- (b) penyediaan perkhidmatan yang cukai perkhidmatan telah dibayar ke atas perkhidmatan itu; atau
- (c) apa-apa kontrak yang tiada peluang untuk dikaji semula di bawah seksyen 191.

Hak yang diberikan sepanjang hayat

193. (1) Seksyen ini terpakai jika—

- (a) seseorang orang kena cukai membuat suatu pembekalan perkhidmatan di bawah suatu perjanjian;
- (b) perjanjian itu memperuntukkan sama ada secara nyata atau secara tersirat bahawa suatu hak hendaklah diberikan atau boleh digunakan sepanjang hayat orang itu atau bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada tiga puluh tahun; dan
- (c) hak itu diberikan atau pertama kali boleh digunakan sebelum tarikh ditetapkan.

(2) Jika apa-apa pembayaran bagi hak yang diberikan atau yang boleh digunakan sepanjang hayat orang itu atau untuk suatu tempoh yang tidak kurang daripada tiga puluh tahun dibayar sebelum tarikh ditetapkan oleh anggota sedia ada atau baru bagi kelab, organisasi, persatuan dan badan lain bagi apa-apa hak, pembayaran bagi hak itu tidaklah boleh dikenakan cukai.

Pembayaran balik cukai jualan bagi barang dalam pegangan

194. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), seseorang berhak untuk suatu pembayaran balik khas yang bersamaan dengan amaun cukai jualan berkenaan dengan barang dalam pegangan tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) penuntut ialah seorang orang berdaftar di bawah seksyen 20 pada tarikh ditetapkan;
- (b) penuntut pada tarikh ditetapkan memegang barang bagi maksud membuat suatu pembekalan bercukai;
- (c) barang itu adalah bercukai di bawah Akta Cukai Jualan 1972 dan cukai jualan telah dikenakan atau dibayar; dan
- (d) penuntut mesti memegang invois pembekal yang berkenaan yang membuktikan bahawa penuntut itu ialah penerima yang baginya cukai jualan telah dikenakan atau dokumen import yang membuktikan bahawa penuntut ialah pengimport, penerima konsain atau pemunya yang baginya cukai jualan telah dibayar.

(2) Dalam hal jika—

- (a) barang itu dibeli daripada pembekal selain seorang pengilang berlesen;
- (b) barang itu adalah bercukai di bawah Akta Cukai Jualan 1972; dan
- (c) invois yang dipegang oleh orang itu bagi barang yang dibeli tidak menunjukkan bahawa cukai jualan telah dikenakan,

dia berhak kepada suatu pembayaran balik khas yang bersamaan dengan dua puluh peratus daripada amaun yang ditunjukkan pada invois itu didarab dengan kadar cukai jualan yang terpakai tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (A) penuntut ialah seorang orang berdaftar di bawah seksyen 20 pada tarikh ditetapkan; dan
- (B) penuntut pada tarikh ditetapkan memegang barang bagi maksud membuat suatu pembekalan bercukai.

(3) Jika penuntut itu berhak kepada suatu pembayaran balik khas di bawah subseksyen (1) dan cukai jualan yang telah dikenakan kepadanya tidak dibayar kepada pembekal pada akhir tempoh enam bulan daripada tarikh invois, dia hendaklah membayar semula amaun itu sebagai cukai output dalam penyata bagi tempoh bercukai yang berikutan tamatnya tempoh enam bulan itu.

(4) Pembayaran balik khas tidak terpakai bagi—

- (a) barang yang telah dipermodalkan di bawah prinsip perakaunan yang diterima pakai secara am;
- (b) barang yang telah digunakan sebahagiannya atau digabungkan menjadi barang lain;
- (c) barang yang dipegang untuk disewa, barang yang dipegang untuk selain kegunaan perniagaan dan barang bukan untuk dijual atau pertukaran;
- (d) barang yang ke atasnya cukai jualan telah dibayar di bawah Akta Cukai Jualan 1972 sebelum tarikh ditetapkan dan seterusnya untuk dieksport selepas tarikh ditetapkan yang

suatu tuntutan pengambilan balik ke atas cukai jualan dibayar itu akan dibuat di bawah seksyen 29 Akta yang sama.

Tuntutan bagi pembayaran balik khas

195. (1) Apa-apa tuntutan bagi suatu pembayaran balik khas di bawah seksyen 194 hendaklah diberitahu kepada pegawai cukai barang dan perkhidmatan dalam suatu borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh ditetapkan.

(2) Jika amaun pembayaran balik khas di bawah subseksyen (1) adalah—

(a) kurang daripada sepuluh ribu ringgit, penuntut hendaklah memberi pegawai cukai barang dan perkhidmatan suatu akuan berkanun yang mengesahkan amaun pembayaran balik khas itu; atau

(b) sepuluh ribu ringgit atau lebih, penuntut hendaklah memberi pegawai cukai barang dan perkhidmatan suatu perakuan audit yang ditandatangani oleh seorang akauntan berkanun yang mengesahkan amaun pembayaran balik khas itu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), pembayaran balik khas itu hendaklah dibayar balik setiap suku tahunan dalam ansuran yang sama rata bagi suatu tempoh dua tahun atau apa-apa tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(4) Jika apa-apa maklumat ke atas tuntutan yang diberikan oleh penuntut didapati palsu, tidak tepat, mengelirukan atau disalahkan, dia hendaklah dikira sebagai tidak berhak untuk suatu pembayaran balik khas dan adalah menjadi sah bagi Ketua Pengarah untuk mendapatkan apa-apa pembayaran balik yang telah dibayar kepadanya.

(5) Jika suatu tuntutan telah dibuat di bawah subseksyen (1), barang itu hendaklah disifatkan sebagai telah diberi kredit bagi cukai input dan semua peruntukan di bawah Akta ini hendaklah terpakai sewajarnya.

Mengimbangi cukai jualan belum bayar atau penalti terhadap pembayaran balik khas

196. Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, jika mana-mana orang tidak membayar, keseluruhannya atau sebahagiannya, apa-apa amaun cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Jualan 1972 (yang disebut cukai tidak dibayar dalam seksyen ini), Ketua Pengarah boleh menolak, terhadap cukai tidak dibayar atau penalti itu, apa-apa amaun atau mana-mana bahagian daripada pembayaran balik khas kepada orang itu di bawah Akta ini dan hendaklah mengira apa-apa amaun yang ditolak sebagai pembayaran yang diterima daripada orang itu.

Pelarasan bagi potongan cukai jualan yang dibuat di bawah seksyen 31B Akta Cukai Jualan 1972

197. (1) Jika seorang pengilang yang telah dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 adalah layak untuk memotong cukai jualan di bawah seksyen 31B Akta yang sama dan peraturan 19C Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 1972 [*P.U. (A) 55/1972*], amaun cukai jualan yang dibayar boleh dikira sebagai cukai inputnya dengan syarat dia berdaftar di bawah Akta ini.

(2) Jika seorang pembeli yang berdaftar di bawah Akta ini menuntut pembayaran balik khas bagi barang dalam pegangan dan kemudiannya memulangkan barang itu kepada pengilang berlesen, dia hendaklah mengakaun amaun pembayaran balik khas itu sebagai cukai outputnya.

Perjanjian pembinaan yang dibuat sebelum tarikh ditetapkan

198. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai setakat yang suatu pembekalan barang atau perkhidmatan pembinaan yang berhubungan dengan pembinaan, pembinaan semula yang besar, pembuatan atau penambahan suatu bangunan atau suatu kerja kejuruteraan awam oleh pembekal, dan barang atau perkhidmatan pembinaan itu adalah—

(a) dibekalkan menurut suatu perjanjian bertulis yang dibuat sebelum tarikh ditetapkan; dan

(b) disediakan kepada penerima pada atau selepas tarikh ditetapkan.

(2) Nilai semua kerja dan bahan yang digabungkan atau dipasang secara kekal di atas tapak pembinaan atau kerja kejuruteraan awam mengikut perjanjian itu hendaklah ditentukan pada permulaan tarikh ditetapkan.

(3) Cukai hendaklah genap masa dan kena dibayar ke atas pembekalan itu setakat nilai pembekalan itu melebihi nilai yang ditentukan di bawah subseksyen (2).

(4) Bagi maksud menentukan nilai di bawah subseksyen (2), seseorang orang kena cukai hendaklah memberi pegawai cukai barang dan perkhidmatan suatu perakuan yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, mengesahkan nilai semua kerja dan bahan yang digabungkan atau dipasang secara kekal di atas tapak pembinaan atau kerja kejuruteraan awam.

(5) Seksyen ini hendaklah hanya terpakai setakat yang nilai yang disebut dalam subseksyen (2) ditentukan—

(a) mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan

(b) pada atau sebelum berakhirnya tempoh bercukai pertama pembekal selepas tarikh ditetapkan atau suatu tarikh kemudian yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

Bayaran tahanan

199. Jika apa-apa kontrak bagi pembekalan barang atau perkhidmatan sebelum tarikh ditetapkan memperuntukkan bagi penahanan apa-apa bahagian balasan oleh seseorang sementara menunggu pelaksanaan kontrak itu secara sepenuhnya dan memuaskan, atau apa-apa bahagiannya, oleh pembekal, bayaran tahanan berkenaan dengan apa-apa pembekalan yang dibuat selepas tarikh ditetapkan hendaklah boleh dikenakan cukai.

Baucar yang tidak ditebus

200. Barang atau perkhidmatan yang dibekalkan selepas tarikh ditetapkan dengan penebusan baucar yang dikeluarkan sebelum tarikh ditetapkan hendaklah boleh dikenakan cukai.

Pembekalan daripada mesin yang dikendalikan oleh syiling, token, dsb.

201. Suatu pembekalan barang atau perkhidmatan daripada apa-apa mesin atau peranti yang dikendalikan oleh syiling, token atau yang seumpamanya adalah dikira seperti yang berikut:

- (a) pengeluaran pertama pemungutan dalam tempoh satu minggu yang bermula pada tarikh ditetapkan hendaklah tidak tertakluk kepada cukai dan apa-apa pengeluaran yang berikutnya dalam tempoh satu minggu yang bermula pada tarikh ditetapkan hendaklah disifatkan sebagai termasuk cukai; dan
- (b) apa-apa pengeluaran pemungutan selepas satu minggu yang bermula pada tarikh ditetapkan hendaklah disifatkan sebagai termasuk cukai.

JADUAL PERTAMA
[Seksyen 4]

PERKARA YANG AKAN DIKIRA SEBAGAI SUATU PEMBEKALAN BARANG ATAU
SUATU PEMBEKALAN PERKHIDMATAN

Pemindahan

1. (1) Apa-apa pemindahan keseluruhan hak kepunyaan barang ialah suatu pembekalan barang tetapi tertakluk kepada subperenggan (2) dan (3) pemindahan—

- (a) apa-apa bahagian hak kepunyaan yang tidak dibahagikan, atau
- (b) milikan barang,

ialah suatu pembekalan perkhidmatan.

(2) Jika milikan barang dipindahkan—

- (a) di bawah suatu perjanjian bagi penjualan barang; atau

- (b) di bawah suatu perjanjian yang menetapkan secara nyata bahawa hak kepunyaan itu akan berpindah pada suatu masa hadapan,

ia merupakan suatu pembekalan barang.

(3) Dalam hal tanah, pemberimilikan, pemindahan atau penyerahan di bawah hakmilik ialah suatu pembekalan barang.

Perawatan atau pemprosesan

2. Penghasilan barang melalui penggunaan perawatan atau pemprosesan kepada barang orang lain ialah suatu pembekalan perkhidmatan.

Utiliti, dsb.

3. Pembekalan dalam apa-apa bentuk kuasa termasuk elektrik dan bekalan gas, air, penyejukan, penyaman udara atau pengalihan udara ialah suatu pembekalan barang.

Pemindahan, dsb., aset perniagaan

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), jika barang yang menjadi sebahagian daripada aset suatu perniagaan dipindahkan atau dilupuskan oleh atau di bawah arahan orang yang menjalankan perniagaan supaya tidak lagi menjadi sebahagian daripada aset itu, sama ada bagi suatu balasan atau tidak, pemindahan atau pelupusan itu ialah pembekalan barang oleh orang itu.

(2) Subperenggan (1) tidak terpakai jika pemindahan atau pelupusan itu ialah—

- (a) suatu hadiah barang yang dibuat dalam perjalanan atau penerusan perniagaan yang dibuat kepada orang yang sama dalam tahun yang sama yang jumlah kos kepada penderma adalah tidak lebih daripada lima ratus ringgit; atau
- (b) suatu hadiah, kepada seorang pelanggan sebenar atau yang berpotensi bagi perniagaan itu, berupa suatu sampel industri atau komersial dalam bentuk yang biasanya tidak tersedia untuk jualan kepada orang awam.

(3) Jika melalui atau di bawah arahan seseorang yang menjalankan suatu perniagaan, barang yang dipegang atau digunakan bagi maksud perniagaan itu dipakai untuk apa-apa kegunaan peribadi atau digunakan, atau dijadikan tersedia kepada mana-mana orang untuk digunakan, bagi apa-apa maksud selain maksud perniagaan, sama ada bagi suatu balasan atau tidak, penggunaan atau penyediaan barang itu ialah suatu pembekalan perkhidmatan.

(4) Subperenggan (1) dan (3) tidak boleh menyifatkan apa-apa yang dibuat tanpa suatu balasan sebagai suatu pembekalan kecuali jika orang yang menjalankan suatu perniagaan itu berhak kepada kredit di bawah seksyen 38 ke atas pembekalan atau pengimportan barang itu.

(5) Pembekalan barang dalam subperenggan (1) atau pembekalan perkhidmatan dalam subperenggan (3) adalah dikira sebagai dibuat dalam perjalanan atau penerusan perniagaan, dan dalam hal suatu perniagaan yang dijalankan oleh seseorang individu—

- (a) subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi apa-apa pemindahan atau pelupusan barang yang memihak kepada dirinya sendiri; dan
- (b) subperenggan (3) hendaklah terpakai bagi barang yang digunakan atau dijadikan tersedia untuk digunakan oleh dirinya sendiri.

(6) Jika cukai dikenakan ke atas apa-apa barang yang dikecualikan daripada apa-apa kredit di bawah subseksyen 38(12) dan seorang orang kena cukai membuat suatu pembekalan bercukai barang, apa-apa kegunaan barang itu oleh dirinya dalam perjalanan atau penerusan perniagaan hendaklah dianggap sebagai suatu pembekalan barang.

(7) Jika apa-apa barang, yang menjadi sebahagian daripada aset perniagaan seorang orang kena cukai, dijual oleh mana-mana orang lain yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian untuk mendapatkan apa-apa hutang yang terhutang oleh orang kena cukai, barang itu hendaklah disifatkan sebagai dibekalkan oleh orang kena cukai itu dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya.

(8) Tertakluk kepada subperenggan (9), jika mana-mana orang terhenti menjadi seorang orang kena cukai, apa-apa barang yang menjadi sebahagian daripada aset apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya hendaklah disifatkan telah dibekalkan olehnya dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya sebaik sebelum dia terhenti menjadi seorang orang kena cukai, melainkan jika—

- (a) perniagaan itu dipindahkan sebagai usaha berterusan kepada orang lain di bawah seksyen 69; atau
- (b) perniagaan itu dijalankan oleh seorang wakil peribadi yang disifatkan sebagai seorang orang kena cukai di bawah seksyen 31.

(9) Subperenggan (8) tidak terpakai bagi apa-apa barang jika orang yang terhenti menjadi seorang orang kena cukai boleh menunjukkan dengan memuaskan hati Ketua Pengarah—

- (a) bahawa tiada kredit bagi cukai input berkenaan dengan pembekalan atau pengimportan barang itu telah dibenarkan kepadanya; dan
- (b) bahawa barang itu telah tidak diperolehi olehnya sebagai sebahagian daripada aset perniagaan yang dipindahkan kepadanya sebagai usaha berterusan oleh orang kena cukai yang lain.

Pembekalan perkhidmatan kepada orang yang mempunyai kaitan

5. Jika suatu pembekalan perkhidmatan dibuat bukan bagi suatu balasan oleh seseorang orang kena cukai kepada seseorang yang mempunyai kaitan sebagaimana yang disebut dalam Jadual Ketiga yang bukan seorang pekerja dan orang yang mempunyai kaitan itu tidak berhak kepada kredit di bawah seksyen 38 ke atas pembekalan itu, pembekalan kepada orang yang mempunyai kaitan itu ialah suatu pembekalan perkhidmatan.

JADUAL KEDUA
[Seksyen 4]

PERKARA YANG AKAN DIKIRA SEBAGAI BUKAN SUATU PEMBEKALAN
BARANG MAHUPUN SUATU PEMBEKALAN PERKHIDMATAN

Pemindahan usaha berterusan

1. Pembekalan aset perniagaan kepada seseorang di bawah seksyen 69 adalah dikira sebagai bukan pembekalan barang mahupun pembekalan perkhidmatan jika aset itu akan digunakan oleh penerima pindahan dalam menjalankan perniagaan yang sama jenis, sama ada sebagai sebahagian daripada apa-apa perniagaan yang sedia ada atau tidak, seperti yang dijalankan oleh pemindah atau jika pembekalan yang kepadanya dia pindahkan adalah berhubungan dengan sebahagian daripada perniagaannya hanya sebagai usaha berterusan, bahagian daripada perniagaan itu hendaklah boleh beroperasi secara berasingan dan penerima pindahan telah, atau dengan serta-merta menjadi seorang orang kena cukai, akibat daripada pemindahan itu.

Kumpulan wang pencen, simpanan atau keselamatan sosial

2. Apa-apa sumbangan yang dibuat kepada kumpulan wang pencen, simpanan atau keselamatan sosial di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah dikira sebagai bukan suatu pembekalan barang mahupun suatu pembekalan perkhidmatan.

Pembekalan oleh mana-mana pertubuhan atau organisasi yang serupa

3. Pembekalan apa-apa barang atau perkhidmatan oleh mana-mana pertubuhan atau organisasi yang serupa yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah dikira sebagai bukan suatu pembekalan barang mahupun suatu pembekalan perkhidmatan jika—

- (a) pembekalan kepada anggotanya adalah berhubungan dengan tujuan dan matlamatnya dan tersedia tanpa pembayaran selain suatu yuran keanggotaan dan nilai pembekalan itu adalah nominal; atau
- (b) pembekalan kepada seorang penderma atau penaja tidak mempunyai nilai komersial.

Pembekalan dikecualikan daripada apa-apa kredit

4. Jika keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai yang dikenakan ke atas apa-apa pembekalan atau pengimportan barang dikecualikan daripada apa-apa kredit di bawah subseksyen 38(12), pembekalan yang berikutnya bagi barang yang sama hendaklah dikira sebagai bukan suatu pembekalan barang mahupun suatu pembekalan perkhidmatan.

JADUAL KETIGA
[Seksyen 15]

NILAI PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN

Nilai pasaran terbuka

1. (1) Nilai pasaran terbuka bagi apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan hendaklah mengikut hierarki yang berikut:

- (a) nilai pasaran terbuka apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan hendaklah merupakan balasan dalam bentuk wang yang akan diperoleh lazimnya bagi pembekalan barang atau perkhidmatan itu jika dibekalkan sepenuhnya di bawah hal keadaan yang sama pada masa yang sama atau yang lebih kurang sama di Malaysia, yang merupakan suatu pembekalan yang ditawarkan secara bebas dan dibuat antara orang-orang yang bukan orang yang mempunyai kaitan;
- (b) jika nilai pasaran terbuka apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan tidak dapat ditentukan di bawah subperenggan (a), nilai pasaran terbuka itu hendaklah nilai bagi pembekalan yang serupa di Malaysia, yang merupakan suatu pembekalan yang ditawarkan secara bebas dan dibuat antara orang-orang yang bukan orang yang mempunyai kaitan;
- (c) jika nilai pasaran terbuka apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan tidak dapat ditentukan di bawah subperenggan (a) atau (b), nilai pasaran terbuka itu hendaklah ditentukan dengan menggunakan cara yang munasabah dan berasaskan data yang tersedia di Malaysia yang memberi suatu anggaran objektif yang mencukupi bagi balasan dalam bentuk wang yang boleh diperoleh bagi pembekalan barang atau perkhidmatan itu.

(2) Jika—

- (a) nilai suatu pembekalan yang dibuat oleh seorang orang kena cukai bagi suatu balasan dalam bentuk wang atau bagi suatu balasan yang tidak secara keseluruhannya terdiri daripada wang kurang daripada nilai pasaran terbukanya;
- (b) orang yang membuat pembekalan itu mempunyai kaitan dengan orang yang kepadanya pembekalan itu dibuat; dan
- (c) pembekalan itu ialah suatu pembekalan bercukai dan orang yang kepadanya pembekalan itu dibuat tidak berhak kepada kredit di bawah seksyen 38 dan 39 bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai ke atas pembekalan itu,

nilai pembekalan itu hendaklah diambil sebagai nilai pasaran terbukanya.

(3) Bagi maksud subperenggan (1)(b), “pembekalan yang serupa” ertinya apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan lain yang hampir-hampir merupakan pembekalan yang dinilai berkenaan dengan bahan, komponen, bahagian dan ciri-ciri dan boleh ditukar ganti dari segi fungsinya dan secara komersial dengan pembekalan yang dinilai dengan mengambil kira kualiti dan reputasi pembekalan yang lain itu dan pembekalan yang dinilai itu.

(4) Bagi maksud perenggan ini, “nilai pasaran terbuka” termasuk apa-apa cukai yang dikenakan dan dilevi ke atas pembekalan di bawah seksyen 9.

Orang yang mempunyai kaitan

2. (1) Seseorang hendaklah disifatkan mempunyai kaitan jika—

- (a) mereka ialah pegawai atau pengarah bagi perniagaan satu sama lain;
- (b) mereka diiktiraf secara sah sebagai rakan kongsi dalam perniagaan;
- (c) mereka ialah majikan dan pekerja;
- (d) salah seorang secara langsung atau secara tidak langsung mempunyai, mengawal, atau memegang lima peratus atau lebih saham atau syer pengundian diterbitkan bagi kedua-dua mereka;
- (e) seseorang daripada mereka secara langsung atau secara tidak langsung mengawal seorang yang satu lagi;
- (f) kedua-dua mereka secara langsung atau secara tidak langsung dikawal oleh orang ketiga;
- (g) mereka bersama-sama secara langsung atau secara tidak langsung mengawal orang ketiga; atau
- (h) mereka ialah anggota keluarga yang sama.

(2) Seseorang hendaklah dianggap disifatkan sebagai anggota keluarga yang sama jika—

- (a) mereka adalah berkaitan melalui hubungan darah dalam hubungan generasi keempat;
- (b) mereka berkahwin antara satu sama lain atau jika seseorang berkahwin dengan seseorang yang mempunyai kaitan dalam hubungan generasi keempat dengan seorang yang lain; atau
- (c) seseorang yang telah diangkat sebagai anak kepada seorang yang lain atau sebagai seorang anak kepada seseorang yang dalam hubungan generasi ketiga dengan seorang yang lain.

(3) Seorang pemegang amanah dalam suatu penyelesaian adalah berkaitan dengan—

- (a) mana-mana individu yang berhubung dengan penyelesaian itu ialah seorang setlor;

- (b) mana-mana orang yang berkaitan dengan individu itu; dan
- (c) suatu pertubuhan perbadanan yang berkaitan dengan penyelesaian itu.

Token, setem (selain setem pos) atau baucar

3. Jika suatu hak untuk menerima barang atau perkhidmatan dengan suatu nilai wang dinyatakan atas apa-apa token, setem (selain setem pos) atau baucar diberikan sebagai suatu balasan, balasan itu hendaklah tidak diambil kira kecuali setakat yang, jika ada, ia melebihi nilai wang itu.

Aset perniagaan

4. Jika terdapat suatu pembekalan barang menurut kuasa—
- (a) subperenggan 4(1) Jadual Pertama, yang bukan untuk suatu balasan; atau
 - (b) subperenggan 4(8) Jadual Pertama,

nilai pembekalan itu hendaklah menjadi nilai pasaran terbuka.

Pertukaran asing

5. Jika apa-apa jumlah wang yang relevan bagi menentukan nilai dinyatakan dalam suatu mata wang selain Ringgit, ia hendaklah ditukar ke dalam Ringgit pada kadar pertukaran jualan yang dipakai di Malaysia pada masa pembekalan itu berlaku atau dalam hal pengimportan barang, pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Ketua Pengarah pada masa yang terpakai bagi pengiraan duti kastam atau duti eksais dan penilaian.

Nilai pembekalan berdasarkan harga runcit di bawah hal keadaan tertentu

6. (1) Jika—
- (a) keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan yang dijalankan oleh seorang orang kena cukai terdiri daripada membuat pembekalan kepada sebilangan orang barang untuk dijual, sama ada oleh mereka atau orang lain, secara runcit; dan
 - (b) orang itu bukan orang kena cukai,

Ketua Pengarah boleh melalui notis secara bertulis kepada orang kena cukai itu mengarahkan supaya nilai apa-apa pembekalan sedemikian olehnya selepas pemberian notis itu atau selepas tarikh yang terkemudian sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu hendaklah diambil sebagai nilai pasaran terbukanya pada jualan secara runcit.

(2) Suatu notis di bawah subperenggan (1) boleh diubah, ditarik balik atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah melalui suatu notis selanjutnya yang diberikan secara bertulis.

Nilai pembekalan barang daripada seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967 atau yang beroperasi dalam zon perindustrian bebas di bawah perenggan 10(1)(b) Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438]

7. Jika suatu pembekalan barang bercukai dibuat oleh seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967 atau seseorang yang beroperasi dalam suatu zon perindustrian bebas di bawah perenggan 10(1)(b) Akta Zon Bebas 1990 kepada mana-mana orang yang tidak dilesenkan di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967 atau seseorang yang tidak beroperasi dalam suatu zon perindustrian bebas di bawah perenggan 10(1)(b) Akta Zon Bebas 1990, nilai barang itu hendaklah menjadi nilai sebagaimana yang ditentukan di bawah seksyen 16.

JADUAL KEEMPAT
[Seksyen 133]

PERKARA YANG TIDAK BOLEH DIRAYU

Tribunal Rayuan Cukai Barang dan Perkhidmatan tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan terhadap—

- (a) apa-apa perkara yang sedia ada sebagai sekatan berkanun di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa arahan untuk mengira seseorang sebagai seorang orang kena cukai tunggal di bawah seksyen 23;
- (c) apa-apa penolakan pendaftaran secara sukarela di bawah seksyen 24;
- (d) apa-apa penolakan pendaftaran kumpulan di bawah seksyen 27;
- (e) apa-apa perkara yang berhubungan dengan penetapan semula tempoh bercukai di bawah subseksyen 40(4);
- (f) pengimbangan cukai terhadap pembayaran balik di bawah seksyen 46;
- (g) apa-apa penyitaan dan penjualan apa-apa barang bagi mendapatkan apa-apa amaun di bawah subseksyen 48(2);
- (h) apa-apa penolakan pembayaran secara ansuran di bawah seksyen 52;
- (i) apa-apa keputusan untuk mengurangkan atau menolak apa-apa pembayaran balik di bawah subseksyen 58(2);
- (j) apa-apa penolakan pembayaran balik suatu amaun yang telah dibayar oleh mana-mana orang di bawah subseksyen 58(5);
- (k) apa-apa penolakan untuk meremit apa-apa penalti atau surcaj di bawah subseksyen 63(2);
- (l) apa-apa penolakan untuk meluluskan apa-apa permohonan bagi apa-apa skim di bawah Bahagian VIII;
- (m) apa-apa ketetapan awal yang dibuat di bawah seksyen 78;
- (n) penjalanan kuasa di bawah Bahagian X;

- (o) pengkompaunan kesalahan di bawah seksyen 127; dan
- (p) apa-apa perkara yang berhubungan dengan kelulusan ganjaran oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 175.

HURAIAN

Rang Undang-Undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan dan pemungutan cukai barang dan perkhidmatan (CBP) dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. CBP ialah suatu cukai kepenggunaan berasas luas yang berdasarkan konsep nilai tambah. Dengan permulaan kuat kuasa seksyen 9 dan Bahagian XVI dan XVII Akta yang dicadangkan (“tarikh ditetapkan”), CBP akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang pada masa ini dikenakan dan dipungut di bawah Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Berbeza dengan cukai jualan sekarang ini yang merupakan cukai seperingkat, CBP ialah cukai berperingkat. Pembayaran cukai dibuat dalam berbilang peringkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Cukai itu sendiri bukan suatu kos kepada perantara dan tidak ditunjukkan sebagai butiran perbelanjaan dalam penyata kewangannya.

CBP meliputi semua sektor industri dan ialah suatu cukai ke atas penggunaan terakhir barang dan perkhidmatan. Ia dipungut melalui suatu sistem kredit yang menurutnya CBP yang ditanggung atas input diimbangkan terhadap CBP yang dikenakan ke atas output.

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.

Fasal 1 mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengertian am perniagaan dalam Akta yang dicadangkan yang termasuklah aktiviti kelab dan organisasi yang serupa, dan penerimaan masuk ke premis yang dibayar. *Fasal* ini juga bertujuan untuk meluaskan pengertian perniagaan sebagai termasuk penamatan perniagaan dan pelupusan aset atau pemindahan perniagaan sebagai usaha berterusan untuk menjadi suatu pembekalan yang dibuat dalam perjalanan atau penerusan perniagaan itu, tetapi tidaklah termasuk pekerjaan di bawah kontrak perkhidmatan dan hobi.

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengertian pembekalan dan pembekalan barang atau pembekalan perkhidmatan, dan perkara yang akan dikira sebagai pembekalan barang atau pembekalan perkhidmatan sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama dan perkara yang akan dikira sebagai bukan suatu pembekalan barang mahupun suatu pembekalan perkhidmatan sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Kedua. *Fasal* ini juga memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua.

3. Bahagian II menyatakan pentadbiran CBP.

Fasal 5 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai pengawasan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan CBP. Pegawai kastam yang berpangkat Penguasa atau yang lebih tinggi hendaklah mempunyai dan menjalankan semua kuasa Ketua Pengarah selain kuasa yang dikecualikan.

Fasal 6 bertujuan untuk menghendaki pegawai cukai barang dan perkhidmatan untuk memperkenalkan diri mereka semasa melaksanakan kewajipan mereka dan mana-mana orang boleh menolak perintah yang dibuat oleh pegawai itu jika mereka tidak memperkenalkan diri mereka. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa pemakaian, penggunaan, pemilikan atau pempameran kad kuasa atau lencana pegawai cukai barang dan perkhidmatan secara tidak sah di sisi undang-undang ialah suatu kesalahan.

Fasal 7 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua pegawai cukai barang dan perkhidmatan hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam.

Fasal 8 memperkatakan kerahsiaan semua dokumen yang dikendalikan oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan atau mana-mana pegawai kerajaan lain yang mempunyai kewajipan rasmi. Menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menyalahgunakan apa-apa maklumat atau dokumen selain bagi maksud menjalankan kewajibannya. *Fasal* ini membenarkan pegawai cukai barang dan perkhidmatan untuk tidak menzahirkan apa-apa maklumat atau dokumen kepada mana-mana orang kecuali dalam perjalanan pelaksanaan kewajibannya sebagai seorang pegawai cukai barang dan perkhidmatan atau dalam hal pendakwaan suatu kesalahan di mahkamah. Ketua Pengarah boleh berkongsi maklumat dengan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dan Ketua Perangkaan dalam pelaksanaan kewajipan rasmi kerajaan. *Fasal* ini juga memberi Menteri kuasa untuk menzahirkan apa-apa maklumat atau dokumen kepada mana-mana orang yang difikirkannya patut.

4. Bahagian III mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pengenalan dan skop cukai.

Fasal 9 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi cukai yang boleh dikenakan ke atas mana-mana pembekalan bercukai yang dibuat di Malaysia oleh orang kena cukai dalam perjalanan atau penerusan perniagaan dan termasuklah barang dan perkhidmatan yang dibekalkan di pasaran tempatan dan yang diimport. *Fasal* ini meletakkan tanggungan cukai ke atas orang yang membuat pembekalan dan mengadakan peruntukan bagi CBP supaya dikenakan dan kena dibayar ke atas semua pengimportan barang ke dalam Malaysia seolah-olah barang itu berdui kastam.

Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi cukai untuk dikenakan ke atas nilai pembekalan atau pengimportan berdasarkan kadar cukai yang ditentukan oleh Menteri. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi tatacara untuk menetapkan kadar cukai dan pembayaran balik cukai boleh dibuat di bawah syarat yang dinyatakan.

Fasal 11 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kaedah-kaedah masa pembekalan bagi maksud cukai boleh dikenakan dan menentukan kaedah-kaedah masa am pembekalan bagi barang dan perkhidmatan. Ia juga menentukan masa pembekalan sebagai berlaku apabila invois cukai dikeluarkan atau pembayaran diterima yang mana-mana lebih awal. Masa pembekalan ialah tarikh invois dikeluarkan jika invois itu dikeluarkan dalam masa 21 hari selepas pembekalan dibuat. *Fasal* ini membenarkan Ketua Pengarah untuk menentukan masa pembekalan di bawah hal keadaan khas seperti apabila barang dipindahkan atau dilupuskan dan digunakan secara peribadi, kegunaan sekali atau bila dan apabila ia digunakan. *Fasal* ini juga mengadakan peruntukan bagi kaedah-kaedah pembekalan masa khas di bawah hal keadaan tertentu dan pemakaian kaedah-kaedah pembekalan masa khas bagi pembekalan yang dibuat secara berasingan dan secara berturutan sebagaimana yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan yang akan dibuat di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 12 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kaedah-kaedah tempat pembekalan bagi maksud cukai yang boleh dikenakan dan menentukan tempat pembekalan bagi barang. Tempat pembekalan ialah di Malaysia jika pembekalan itu dibuat dari suatu tempat di Malaysia ke suatu tempat yang lain di Malaysia atau jika barang itu dialihkan dari suatu tempat di Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia. Tempat pembekalan dikira sebagai di luar Malaysia jika barang itu dibawa masuk dari suatu tempat di luar Malaysia. *Fasal* ini juga menentukan tempat pembekalan perkhidmatan. Jika tempat pembekal ialah di Malaysia maka tempat pembekalan itu ialah di Malaysia.

Fasal 13 menyatakan layanan perkhidmatan diimport sebagai suatu pembekalan oleh dan kepada penerima dan cara mengakaunkan cukai ke atas perkhidmatan diimport oleh orang kena cukai dan mana-mana orang selain orang kena cukai.

Fasal 14 bertujuan untuk menentukan negara tempat pembekal atau penerima perkhidmatan berdasarkan perniagaannya atau establismen tetap atau tempat tinggal biasanya di negara itu. *Fasal* ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa establismen perniagaan untuk dianggap sebagai tempatnya di Malaysia jika establismen perniagaan itu mempunyai cawangan atau agensi di Malaysia.

Fasal 15 bertujuan untuk memperuntukkan kaedah-kaedah dalam menentukan nilai pembekalan kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Ketiga iaitu nilai pembekalan yang menjadi balasan dalam bentuk wang tidak termasuk cukai. Ia juga mengadakan peruntukan bagi nilai pembekalan (yang termasuk duti eksais) untuk ditentukan dengan menggunakan nilai pasaran terbuka di bawah hal keadaan tertentu jika tiada balasan atau balasan itu bukan secara keseluruhannya dalam bentuk wang. Jika balasan meliputi lebih daripada satu pembekalan, *fasal* itu bertujuan untuk menghendaki pengagihan balasan yang diterima yang berhubung kait dengan pembekalan itu. *Fasal* ini bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual Ketiga dan menentukan nilai pembekalan dalam hal keadaan khas.

Fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengiraan nilai barang yang diimport bagi maksud pengenaan CBP.

Fasal 17 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengira apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan sebagai suatu pembekalan berkadar sifar melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*. Pembekalan barang jika barang itu dieksport juga dikira sebagai pembekalan berkadar sifar. Pembekalan barang atau perkhidmatan yang berkadar sifar hendaklah dikira sebagai pembekalan bercukai dan hendaklah dikenakan pada sifar peratus dan dalam hal barang yang diimport ke Malaysia tiada cukai boleh dikenakan. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi tanggungan untuk membayar cukai dan penyitaan barang yang dikatakan sebagai dieksport tetapi ditemui di Malaysia.

Fasal 18 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menentukan apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan sebagai pembekalan dikecualikan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* yang menurutnya tiada cukai dikenakan ke atas pembekalan dikecualikan dan pembekalan barang dikecualikan yang diimport ke Malaysia.

5. Bahagian IV menyatakan peruntukan bagi pendaftaran orang kena cukai.

Fasal 19 bertujuan untuk mengadakan peruntukan am bagi pendaftaran orang kena cukai. Ia juga memperuntukkan bahawa apa-apa sebutan mengenai pembekalan hendaklah dihadkan kepada pembekalan yang dibuat bagi maksud perniagaan dan nilai pembekalan diambil sebagai tidak termasuk cukai.

Fasal 20 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menentukan peringkat ambang bagi pendaftaran mandatori melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi pengiraan jualan tahunan bagi maksud menentukan tanggungan untuk berdaftar. Nilai pembekalan yang dibuat selama tempoh yang orang kena cukai yang sebelumnya berdaftar bagi maksud pengiraan jualan tahunan adalah dikecualikan. Nilai jualan aset modal, perkhidmatan diimport dan pembekalan yang dibuat dalam atau antara kawasan ditetapkan bagi maksud menentukan tanggungan untuk berdaftar juga dikecualikan. *Fasal* ini juga mengadakan peruntukan bagi penggunaan borang yang ditetapkan untuk membuat permohonan supaya didaftarkan.

Fasal 21 bertujuan untuk menghendaki seseorang itu untuk memberitahu tanggungannya untuk berdaftar dalam masa 28 hari dari berakhirnya tanggungannya untuk berdaftar dan tarikh pendaftaran akan bermula pada hari pertama bulan yang selepas yang dia membuat pemberitahuan untuk berdaftar atau tarikh yang lebih awal sebagaimana yang dipersetujui. *Fasal* ini juga menghendaki seseorang itu untuk memberitahu tanggungannya kepada Ketua Pengarah dalam masa 28 hari dari tarikh apabila perniagaan itu dipindahkan dan Ketua Pengarah hendaklah mendaftarkannya dengan sewajarnya. Ketua Pengarah boleh menentukan lebih awal tarikh pendaftaran jika orang itu tidak memberitahu tanggungannya untuk berdaftar. Apa-apa sebutan mengenai pendaftaran orang hendaklah merujuk kepada pendaftaran dalam daftar yang disimpan oleh Ketua Pengarah. Jika seseorang tidak berdaftar dalam tempoh yang dinyatakan dia adalah bertanggung untuk membayar penalti pendaftaran lewat berdasarkan kadar peratusan yang dinyatakan.

Fasal 22 memperkatakan pemberhentian tanggungan orang untuk berdaftar. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan bahawa tanggungan untuk berdaftar tidak terhenti jika jualan tahunan orang itu tidak melebihi ambang disebabkan oleh pemberhentian yang dijangkakan bagi membuat pembekalan bercukai atau penggantungan membuat pembekalan bercukai bagi tempoh 30 hari atau lebih. Ia mengecualikan nilai jualan aset modal dan perkhidmatan diimport bagi maksud menentukan berakhirnya tanggungan untuk berdaftar.

Fasal 23 bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengarahkan dua atau lebih orang kena cukai untuk berdaftar sebagai orang kena cukai tunggal. Ia menerangkan penentuan pengasingan aktiviti perniagaan yang dibuat-buat untuk mengambil kira takat hubungan kewangan, ekonomi dan organisasi. Ketua Pengarah hendaklah membuat arahan tertakluk kepada syarat tertentu yang dinyatakan. Setiap arahan hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap orang yang dinamakan. *Fasal* ini juga memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengarahkan orang lain selain orang-orang yang dinamakan dalam arahan terdahulu. Sebaik pembatalan orang berdaftar (untuk menamatkan tanggungannya) jika dia dinamakan sebagai salah seorang dalam arahan itu, dia bersama dengan semua orang lain hendaklah didaftarkan sebagai seorang orang kena cukai tunggal. Orang-orang yang dinamakan dalam arahan itu hendaklah dikenali sebagai anggota konstituen selepas mereka didaftarkan. Ia menyatakan tanggungjawab orang kena cukai tunggal itu dan layanan anggota konstituen sebagai suatu perkongsian. Ketua Pengarah boleh tidak mengambil kira seseorang sebagai anggota konstituen dan apa-apa tanggungan orang itu hendaklah terhenti selepas dia terhenti menjadi anggota perkongsian.

Fasal 24 bertujuan untuk membenarkan pendaftaran secara sukarela mana-mana orang yang tidak bertanggung untuk berdaftar, tertakluk kepada syarat tertentu. Sebaik pendaftaran, orang itu hendaklah kekal berdaftar bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun. *Fasal* ini juga membenarkan pendaftaran secara sukarela seseorang yang membuat atau berniat untuk membuat pembekalan bercukai di luar Malaysia. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi penggunaan borang yang ditetapkan dalam membuat permohonan untuk berdaftar dan membolehkan Ketua Pengarah untuk membatalkan pendaftaran seseorang jika dia tidak membuat pembekalan bercukai selewat-lewatnya pada tarikh yang dinyatakan atau dia telah melanggar apa-apa syarat yang dikenakan.

Fasal 25 bertujuan untuk menghendaki seseorang untuk memberitahu Ketua Pengarah dalam tempoh yang dinyatakan jika dia terhenti untuk membuat pembekalan bercukai atau berniat untuk berhenti daripada membuat pembekalan bercukai.

Fasal 26 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk membatalkan pendaftaran seseorang atas permintaan atau pemberitahuan jika dia berpuas hati bahawa orang itu boleh dibatalkan pendaftarannya. *Fasal* ini juga membenarkan Ketua Pengarah untuk membatalkan pendaftaran seseorang jika dia berpuas hati bahawa orang itu telah terhenti untuk boleh didaftarkan berkuat kuasa dari tarikh dia terhenti sedemikian atau mana-mana tarikh terkemudian atau jika dia bukan bertanggung mahupun layak untuk berdaftar.

Fasal 27 bertujuan untuk membenarkan dua syarikat atau lebih untuk memohon bagi pendaftaran kumpulan jika syarat tertentu dipenuhi. Pendaftaran kumpulan itu hendaklah atas nama anggota wakil. *Fasal* ini selanjutnya mengadakan peruntukan bagi layanan pembekalan antara anggota kumpulan dan tanggungan bersesama tiap-tiap anggota kumpulan.

Fasal 28 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran perkongsian atas nama firma dan bahawa apa-apa perubahan dalam perkongsian itu tidaklah menjejaskan pendaftaran dan pengakaunan cukai. Seseorang rakan kongsi adalah bertanggungjawab ke atas apa-apa cukai kena dibayar melainkan dia memberitahu bahawa dia telah berhenti menjadi rakan kongsi. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa penyampaian notis kepada firma selama tempoh bercukai yang dalamnya rakan kongsi itu adalah bertanggungjawab hendaklah dikira sebagai telah disampaikan kepadanya walaupun dia telah tamat menjadi rakan kongsi. Selanjutnya, penyampaian notis kepada firma hendaklah disifatkan sebagai penyampaian kepada perkongsian itu. Apa-apa notis yang diberikan oleh mana-mana rakan kongsi hendaklah disifatkan sebagai suatu notis yang diberikan oleh semua rakan kongsi firma itu.

Fasal 29 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran pertubuhan dan organisasi yang serupa. Apa-apa perubahan anggota tidaklah menjejaskan pendaftaran dan pengakaunan cukai. Ia juga mengadakan peruntukan bagi tanggungjawab bersesama dan berasingan pemegang jawatan utama dan mana-mana anggota jawatankuasa.

Fasal 30 memperkatakan pendaftaran perniagaan yang dijalankan di cawangan atau bahagian dan syarat dan kehendak bagi pendaftaran perniagaan yang dijalankan oleh cawangan atau bahagian. Ketua Pengarah hendaklah menamatkan pendaftaran jika syarat tertentu dilanggar dan juga menentukan tarikh penamatan pendaftaran. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi seseorang orang kena cukai untuk memohon penamatan pendaftaran berkuat kuasa dari tarikh permohonan atau tarikh terkemudian sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan orang kena cukai itu hendaklah kekal berdaftar bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun melainkan jika Ketua Pengarah membenarkan sebaliknya.

Fasal 31 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk menyifatkan wakil peribadi yang menjalankan perniagaan bagi pihak orang kena cukai sebagai orang kena cukai dan mengehendak tanggungjawab cukai wakil peribadi setakat kawalan aset perniagaan itu. *Fasal* ini menghendaki wakil peribadi memberitahu Ketua Pengarah, dalam tempoh 21 hari dari tarikh wakil peribadi itu mengambil alih, hakikat mengenai kematian, likuidasi, penerimaan, kebangkrutan atau ketidakupayaan. Ia juga menghendaki wakil peribadi untuk menyetepikan suatu amaun yang mencukupi untuk membayar cukai atau penalti. Wakil peribadi hendaklah secara peribadi bertanggungjawab jika dia tidak memberitahu atau membayar cukai atau penalti, dan dalam hal dua wakil peribadi atau lebih, mereka hendaklah bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan.

Fasal 32 bertujuan untuk mengecualikan orang kena cukai daripada pendaftaran jika dia membuat secara keseluruhannya pembekalan berkadar sifar dan menghendaki mana-mana orang yang dikecualikan daripada pendaftaran untuk memberitahu Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari dari tarikh apa-apa perubahan pada sifat pembekalannya.

6. Bahagian V mengandungi peruntukan mengenai pengakaunan, taksiran dan mendapatkan cukai.

Fasal 33 bertujuan untuk menghendaki orang berdaftar untuk mengeluarkan invois cukai yang menyatakan amaun kena dibayar tidak termasuk cukai, kadar cukai dan jumlah cukai yang dikenakan secara berasingan. Walau bagaimanapun, ia mengecualikan orang berdaftar daripada mengeluarkan invois cukai dan membenarkan peninggalan apa-apa butir yang ditetapkan di bawah syarat tertentu. Ia juga memperuntukkan bagi pengeluaran invois bil sendiri tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah. *Fasal* ini juga bertujuan untuk melarang pengeluaran invois cukai bagi barang terpakai dan pembekalan perkhidmatan diimport.

Fasal 34 bertujuan untuk membenarkan invois cukai dihantar atau disediakan secara eletronik.

Fasal 35 bertujuan untuk menghendaki kedua-dua pembekal dan penerima untuk membuat pelarasan jika pembekal mengeluarkan nota kredit atau nota debit.

Fasal 36 bertujuan untuk menghendaki orang kena cukai untuk menyimpan rekod berhubung dengan tanggungan cukainya di Malaysia sama ada dalam bahasa kebangsaan atau Inggeris selama 7 tahun. *Fasal* ini juga bertujuan untuk membenarkan pemeliharaan rekod atau maklumat mengikut cara yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Rekod sedemikian hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding.

Fasal 37 bertujuan untuk menghendaki orang kena cukai untuk mengakaun cukai pada masa pembekalan dan tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah, membenarkan orang berdaftar untuk mengakaun cukai atas asas pembayaran. Ia juga memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi pelarasan cukai berkenaan dengan perubahan asas pengakaunan.

Fasal 38 bertujuan untuk membenarkan orang kena cukai untuk memotong cukai inputnya daripada cukai output dalam penyata. *Fasal* ini bertujuan untuk mengira tambahan kadar rata sebagai cukai input dan juga mengehadkan perkadaran cukai yang berhubung kait dengan perniagaan untuk dikira sebagai cukai input. Ia juga membenarkan Ketua Pengarah untuk membayar balik apa-apa kredit atau kredit yang melebihi cukai output dan membenarkan apa-apa kredit yang layak untuk dibawa ke hadapan kepada tempoh bercukai yang berikutnya sama ada melalui permohonan atau sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah. Ketua Pengarah hendaklah menahan pembayaran balik jika orang kena cukai tidak mematuhi apa-apa obligasi di bawah Akta yang dicadangkan atau permintaan yang dibuat oleh Ketua Pengarah. *Fasal* ini juga memperuntukkan jangka masa bagi Ketua Pengarah untuk membuat pembayaran balik dan menghendaki orang kena cukai untuk mengakaun apa-apa cukai input yang telah dikredit atau dibayar balik sebagai cukai outputnya jika dia tidak membayar balasan kepada pembekal. Ia membenarkan orang kena cukai menuntut semula cukai inputnya jika dia kemudiannya telah membayar balasan kepada pembekal itu. *Fasal* ini selanjutnya mengecualikan pembekalan barang atau perkhidmatan tertentu daripada apa-apa kredit cukai input.

Fasal 39 bertujuan untuk mengehadkan amaun cukai input sebagai kredit bagi maksud membuat pembekalan tertentu sahaja dan memperuntukkan pembekalan dikecualikan yang tertentu untuk dikira sebagai pembekalan bercukai tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

Fasal 40 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk menetapkan kategori tempoh bercukai bagi orang kena cukai dan memberi kategori tempoh bercukai yang berbeza berdasarkan permohonan atau melalui arahan. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi tempoh bercukai ingkar dan membenarkan Ketua Pengarah untuk mengubah tempoh bercukai.

Fasal 41 bertujuan untuk menghendaki orang kena cukai mengakaun cukai dalam penyata dan memberikannya dalam masa yang dinyatakan. Seseorang yang telah diluluskan suatu tempoh bercukai yang diubah hendaklah mengemukakan penyata dalam tempoh 30 hari dari berakhirnya setiap tempoh bercukai yang diubah. Seorang orang kena cukai hendaklah mengemukakan penyata akhir dalam tempoh yang dinyatakan jika berlaku pembatalan pendaftaran dan membayar apa-apa cukai yang kena dibayar. *Fasal* ini juga menghendaki orang kena cukai untuk membayar cukai dan memberikan penyata sama ada terdapat cukai yang perlu dibayar atau tidak. Ia juga memperuntukkan pelanggaran *fasal* ini sebagai suatu kesalahan.

Fasal 42 bertujuan untuk menghendaki seseorang yang selain orang kena cukai untuk mengakaun cukai dalam suatu perisytiharan dan memberikannya dalam masa yang dinyatakan. *Fasal* ini menghendaki seseorang yang selain orang kena cukai untuk membayar cukai. Ia juga memperuntukkan pelanggaran *fasal* ini sebagai suatu kesalahan.

Fasal 43 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk mentaksir amaun cukai kena dibayar jika orang kena cukai tidak memohon bagi pendaftaran, tidak memberikan penyata atau memberikan suatu penyata yang tidak lengkap atau tidak betul. *Fasal* ini mengehadkan jangka masa yang tidak lebih daripada 6 tahun selepas berakhirnya suatu tempoh bercukai bagi Ketua Pengarah membuat taksiran kecuali dalam kes fraud. Ia juga membenarkan Ketua Pengarah untuk membuat taksiran jika barang tidak dibekalkan atau dieksport melainkan jika orang kena cukai boleh membuktikan bahawa barang itu telah hilang atau musnah. Ketua Pengarah hendaklah menambah amaun cukai yang ditaksirkan dalam hal jika orang kena cukai membayar cukai mengikut amaun yang telah ditaksirkan tetapi secara berterusan tidak mengemukakan penyata. *Fasal* ini selanjutnya menyifatkan amaun yang ditaksirkan sebagai cukai yang betul yang kena dibayar oleh orang kena cukai melainkan jika taksiran itu kemudiannya ditarik balik atau dikurangkan. *Fasal* ini juga membenarkan Ketua Pengarah untuk membuat taksiran tambahan yang melebihi taksiran terdahulu dan meminda taksiran itu bagi memastikan betulnya taksirannya.

Fasal 44 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk tidak mengambil kira apa-apa transaksi berhubungan dengan pengelakan cukai dan menyifatkan mana-mana orang sebagai orang kena cukai, apa-apa pembekalan sebagai pembekalan bercukai, untuk meletakkan pembekalan dalam tempoh bercukai tertentu dan untuk menetapkan nilai apa-apa bekalan pada nilai pasaran terbuka. *Fasal* ini bertujuan untuk mengecualikan apa-apa transaksi komersial yang sebenarnya yang tanpa niat untuk memperoleh faedah cukai.

Fasal 45 menyatakan pengenaan penalti pembayaran lewat kepada mana-mana orang kena cukai atau mana-mana orang yang selain orang kena cukai yang cukainya masih belum dibayar.

Fasal 46 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk mengimbangi apa-apa pembayaran balik terhadap apa-apa cukai atau duti kastam atau eksais yang belum dibayar.

Fasal 47 memberi Menteri kuasa untuk mendapatkan apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar atau apa-apa penalti atau surcaj sebagai hutang sivil. Ia juga mengadakan peruntukan bagi mendapatkan cukai daripada orang kena cukai apabila cukai dikenakan dan yang hendaklah berdasarkan amaun yang ditunjukkan sebagai cukai dalam invoice dan jika tidak ditunjukkan, ia hendaklah dianggap sebagai termasuk cukai. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi mendapatkan cukai walaupun invoice bukan invoice cukai, pembekalan tidak berlaku atau orang yang mengeluarkan invoice bukan orang kena cukai selagi pembekalan itu ialah pembekalan bercukai. Pengeluaran suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah hendaklah diambil sebagai keterangan yang mencukupi bagi prosiding di mahkamah. *Fasal* ini mengira penalti dan surcaj sebagai cukai dan mengetepikan had masa yang dikenakan ke atas pemungutan penalti di bawah Akta Had Masa 1953, Ordinan Had Masa Sabah dan Ordinan Had Masa Sarawak.

Fasal 48 mengandungi peruntukan bagi penyitaan barang kepunyaan orang di tempat peniagaannya sehingga cukai, penalti atau wang lain telah dibayar. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi penyitaan barang, penjualan barang yang disita setelah notis sewajarnya diberikan kepada pemunya atau ejennya dan hasil jualan itu hendaklah digunakan bagi pembayaran cukai, penalti atau wang lain dan apa-apa lebihan hendaklah diberikan kepada pemunya dan jika pemunya tidak dapat kikesan, baki itu hendaklah dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Ketua Pengarah hendaklah melupuskan barang yang disita jika tiada pembida bagi jualan barang itu. *Fasal* ini menghendaki pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan untuk menyaksikan jualan barang yang disita melalui lelong dan ia membenarkan jualan barang yang disita melalui lelong untuk dikendalikan secara elektronik.

Fasal 49 bertujuan untuk menghendaki seseorang yang memegang atau yang berhutang wang kepada orang kena cukai untuk membayar kepada Ketua Pengarah jika orang kena cukai berhutang cukai, penalti atau wang lain dan permintaan bertulis telah dibuat kepada orang yang memegang atau berhutang wang itu. Ia menyifatkan bayaran yang dibuat oleh orang yang memegang atau berhutang wang kepada orang kena cukai sebagai pembayaran yang dibuat oleh orang kena cukai. *Fasal* ini juga mengadakan peruntukan bagi mana-mana orang untuk memberikan maklumat berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar kepada orang kena cukai jika Ketua Pengarah menghendaki maklumat sedemikian.

Fasal 50 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk meminta polis atau imigresen untuk menghalang mana-mana orang daripada meninggalkan negara jika orang itu berhutang cukai, penalti, surcaj atau wang lain. Polis atau imigresen boleh menahan dokumen perjalanan jika suatu permintaan dibuat oleh Ketua Pengarah. *Fasal* ini menghendaki Ketua Pengarah untuk

memberikan suatu notis kepada orang itu memaklumkan kepadanya bahawa dia dihalang daripada meninggalkan negara dan apa-apa ketidakterimaan notis itu tidaklah menghalang polis dan imigresen daripada melaksanakan kewajibannya. Seseorang dibenarkan untuk meninggalkan negara jika dia boleh menunjukkan bukti bahawa cukai, penalti, surcaj atau wang lain yang terhutang telah dibayar atau dia memberikan suatu jaminan yang mencukupi untuk membayar cukai, penalti, surcaj atau wang lain yang terhutang.

Fasal 51 bertujuan untuk menghendaki seseorang untuk memberikan jaminan bagi pembayaran cukai jika difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah bagi pematuhan undang-undang dengan sewajarnya.

Fasal 52 memberi Ketua Pengarah kuasa untuk membenarkan apa-apa cukai atau penalti yang belum dibayar untuk dibayar secara ansuran dan jika cukai dibenarkan dibayar secara ansuran, penalti tidak terpakai bagi cukai yang belum dibayar itu. Sepuluh peratus surcaj hendaklah dikenakan ke atas amaun yang tertunggak jika terdapat keingkaran dalam pembayaran mana-mana ansuran dan amaun tertunggak bersama dengan surcaj itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh keingkaran berlaku.

Fasal 53 tidak membenarkan apa-apa barang yang diimport untuk dilepaskan daripada kawalan kastam sehingga cukai telah dibayar sepenuhnya kecuali sebagaimana yang dibenarkan Ketua Pengarah selainnya.

Fasal 54 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungan pengarah syarikat, rakan kongsi firma atau anggota jawatankuasa pertubuhan untuk membayar apa-apa cukai, penalti, surcaj atau wang lain yang belum dibayar.

7. Bahagian VI menyatakan penubuhan Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik CBP.

Fasal 55 bertujuan untuk memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik CBP dan memberi Menteri kuasa untuk membayar ke dalam Kumpulan Wang apa-apa amaun cukai yang dipungut di bawah Akta yang dicadangkan. Wang dalam Kumpulan Wang hendaklah digunakan bagi maksud pembayaran balik di bawah *fasal 38* dan Bahagian VII. *Fasal* ini memberi Akauntan Negara kuasa untuk mentadbirkan Kumpulan Wang dan membenarkan pembayaran keseluruhan atau sebahagian wang Kumpulan Wang ini ke dalam Akaun Hasil Disatukan bagi Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Fasal 56 bertujuan untuk mengetepikan peruntukan seksyen 14A Akta Tatacara Kewangan 1957 berhubung dengan pembayaran balik di bawah *fasal 38* dan Bahagian VII.

8. Bahagian VII mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pelepasan, pengecualian, pembayaran balik dan peremitan.

Fasal 57 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk melepaskan mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau sebahagian cukai yang genap masa dan kena dibayar.

Fasal 58 bertujuan untuk membenarkan seseorang yang telah terlebih bayar apa-apa cukai, penalti atau surcaj untuk menuntut pembayaran balik dalam masa enam tahun dari tarikh cukai telah terlebih bayar dan selepas tuntutan telah dibuat, Ketua Pengarah boleh membayar balik cukai, penalti atau surcaj itu jika dia berpuas hati bahawa pembayaran lebih telah berlaku. *Fasal* ini selanjutnya memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengurangkan atau menolak apa-apa pembayaran balik jika pembayaran balik itu boleh dengan tidak patut mengayakan orang yang membuat tuntutan itu. Seseorang hendaklah membuat pelarasan dalam penyata jika amaun pembayaran balik tidak melebihi satu ribu ringgit. Tuntutan terlebih bayar hendaklah disokong oleh keterangan jika dikehendaki oleh Ketua Pengarah. Ketua Pengarah tidak bertanggungjawab untuk membuat apa-apa pembayaran balik jika didapati bahawa cukai adalah tidak kena dibayar kepada orang yang membuat tuntutan.

Fasal 59 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang berhak untuk pelepasan hutang lapuk jika dia tidak menerima pembayaran dalam masa yang dinyatakan berhubung dengan pembekalan bercukai yang dibuat olehnya dan dia juga telah membuat usaha yang mencukupi untuk mendapatkan hutang itu. Seseorang yang berhak kepada pelepasan hutang lapuk hendaklah membuat potongan atau tuntutan keseluruhan amaun cukai jika dia tidak menerima apa-apa pembayaran bagi pembekalan dan sebahagian cukai yang telah dibayar jika dia telah menerima sebahagian pembayaran bagi pembekalan itu. *Fasal* ini selanjutnya menghendaki orang yang telah diberi pelepasan daripada hutang lapuk dan kemudiannya menerima pembayaran bagi pembekalan yang telah dibenarkan pelepasan untuk membayar semula suatu amaun yang ditentukan mengikut formula kepada Ketua Pengarah.

Fasal 60 bertujuan untuk membenarkan mana-mana orang kena cukai untuk mengurangkan cukai yang boleh dikenakan ke atas bekalan tertentu seperti barang terpakai dan mengenakan syarat tertentu ke atas bekalan sedemikian. Cukai hendaklah boleh dikenakan ke atas margin harga positif antara barang yang dibekalkan dengan barang yang diperolehi dan cukai tidak boleh dikenakan jika terdapat margin yang negatif. Pemakaian *fasal* ini diluaskan kepada pembekalan barang yang terdahulu dan pengimportan barang yang terdahulu yang berlaku sebelum tarikh ditetapkan. Pembekalan yang cukai tidak boleh dikenakan hendaklah termasuk pembekalan yang diklasifikasikan sebagai bukan suatu pembekalan barang mahupun suatu pembekalan perkhidmatan.

Fasal 61 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk mendapatkan cukai, penalti dan surcaj yang telah dibayar balik secara terkhilaf dalam tempoh 6 tahun dari tarikh pembayaran balik itu dibuat.

Fasal 62 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Skim Bayar Balik Pelancong untuk membolehkan pelancong menuntut pembayaran balik ke atas barang yang dibeli daripada kedai yang diluluskan di Malaysia dan kemudiannya dibawa keluar dari Malaysia.

Fasal 63 bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai yang genap masa dan kena dibayar berdasarkan kes demi kes. *Fasal* ini selanjutnya membenarkan Ketua Pengarah untuk meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian penalti yang kena dibayar atau surcaj yang terakru di bawah Akta yang dicadangkan atas alasan justifikasi dan ekuiti. Ia mengadakan peruntukan bagi pembayaran balik cukai jika seseorang telah diberi suatu peremitan cukai dan telah membayar cukai itu.

Fasal 64 bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai jika barang di bawah kawalan kastam hilang, rosak atau musnah. Cukai hendaklah boleh dikenakan ke atas barang yang telah dipindahkan daripada kawalan kastam walaupun barang dikatakan telah hilang, rosak atau kurang dari segi berat, ukuran, isipadu atau nilai melainkan jika notis bertulis diberikan kepada Ketua Pengarah sebelum barang itu dipindahkan daripada kawalan kastam.

9. Bahagian VIII memperkatakan kes khas di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 65 bertujuan untuk memperuntukkan ketidakpakaian Akta yang dicadangkan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan kepada pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun berkenaan dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaannya.

Fasal 66 bertujuan untuk menyifatkan apa-apa pembekalan yang dibuat oleh seseorang ejen bagi pihak seseorang prinsipal sebagai pembekalan yang dibuat oleh prinsipal itu dan apa-apa pembekalan kepada seseorang ejen bagi pihak seseorang prinsipal sebagai pembekalan yang dibuat kepada prinsipal itu. Ia selanjutnya mengira apa-apa pembekalan melalui seseorang ejen yang bertindak atas namanya sendiri sebagai pembekalan yang dibuat kepada ejen itu dan pembekalan yang dibuat oleh ejen itu manakala pembekalan melalui seseorang pelelong yang bertindak atas namanya sendiri bagi pihak orang kena cukai dikira sebagai pembekalan oleh orang kena cukai dan pelelong itu dikehendaki untuk mengakaun cukai dalam penyata cukai jika pelelong ialah orang kena cukai dan untuk mengakaun cukai dalam borang yang ditetapkan jika dia bukan orang kena cukai dan apa-apa pembekalan oleh orang kena cukai kepada pelelong itu hendaklah tidak diambil kira. *Fasal* ini juga mengadakan peruntukan bagi tanggungjawab seorang ejen yang bertindak bagi pihak orang kena cukai yang tempatnya bukan di Malaysia bagi pembekalan yang dibuat di Malaysia. Apa-apa barang yang diimport oleh seseorang ejen yang merupakan seorang orang kena cukai dan bertindak atas namanya sendiri bagi seseorang yang selain orang kena cukai dikira sebagai diimport oleh ejen itu dan kemudiannya jika dia membekalkan barang itu, dia dikira sebagai membuat pembekalan itu. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi skop untuk seseorang dikira sebagai tempatnya bukan di Malaysia.

Fasal 67 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian *fasal* ini apabila terdapat perubahan dalam kadar cukai atau apa-apa perubahan dalam perihalan pembekalan berkadar sifar atau pembekalan dikecualikan. Kadar cukai lama hendaklah dikenakan ke atas apa-apa pembayaran yang diterima atau nilai pembekalan yang dibuat sebelum perubahan dalam kadar cukai dan pengenaan kadar cukai baru ke atas bakinya, yang mana lebih tinggi. *Fasal* ini juga memperkatakan pengenaan kadar cukai lama dan kadar cukai baru dalam hal jika terdapat perubahan status daripada pembekalan bercukai kepada pembekalan dikecualikan dan pembekalan berkadar standard kepada pembekalan berkadar sifar dan sebaliknya.

Fasal 68 menyatakan fleksibiliti pembekal untuk mengenakan cukai tambahan atau mengurangkan cukai jika terdapat perubahan dalam kadar cukai selepas membuat kontrak bagi pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan. Perubahan kadar cukai hendaklah termasuk perubahan status pembekalan dikecualikan atau pembekalan berkadar sifar.

Fasal 69 bertujuan untuk mengira pembekalan yang dibuat oleh pemindah sebagai pembekalan yang dibuat oleh penerima pindahan dan menghendaki pemindah untuk memindahkan rekod cukainya kepada penerima pindahan jika perniagaannya dipindahkan sebagai usaha berterusan. Penerima pindahan disifatkan telah menuntut cukai inputnya jika perniagaan dipindahkan sebagai usaha berterusan. Nilai pembekalan apa-apa aset hendaklah dikira sebagai balasan tidak termasuk cukai. Pemindah dan penerima pindahan adalah berhak untuk menuntut apa-apa cukai input yang bersampingan dengan pemindahan usaha berterusan.

Fasal 70 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi dua pengusaha atau lebih dalam aktiviti yang berhubungan dengan petroleum di bawah perjanjian usaha sama untuk dikira sebagai suatu usaha sama bagi maksud cukai. Pengusaha-pengusaha hendaklah mencalonkan seorang pengusaha untuk menjadi pengendali usaha atau melantik syarikat pengendalian bersama untuk menjadi pengendali usaha. Pendaftaran usaha sama hendaklah atas nama pengendali usaha dan suatu syarikat pengendalian bersama hendaklah menjadi orang kena cukai bagi maksud usaha sama. Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran usaha sama bagi tujuan perlindungan hasil cukai. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa semua pengusaha hendaklah bertanggungjawab secara bersetiausaha dan berasingan bagi apa-apa cukai yang kena dibayar oleh pengendali usaha.

Fasal 71 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi layanan cukai ke atas barang diimport yang tertakluk kepada skim penggudangan, nilai barang hendaklah termasuk duti kastam atau duti eksais dan apa-apa cukai yang kena dibayar ke atas barang itu hendaklah kena dibayar di peringkat duti dan jika tiada duti kena dibayar, cukai hendaklah kena dibayar apabila barang itu dipindahkan dari gudang. Barang tidak boleh dipindahkan dari gudang melainkan jika duti kastam, duti eksais dan cukai telah dibayar atau mengikut syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

Fasal 72 memperkatakan Skim Pedagang Diluluskan dan bertujuan untuk membenarkan penggantungan cukai ke atas barang diimport di bawah Skim itu dan hendaklah diakaun dalam tempoh bercukai pada masa pengimportan berlaku.

Fasal 73 memperkatakan Skim Pengilang Tol Diluluskan yang dalamnya pembekalan barang telah siap daripada pengilang tol kepada prinsipalnya di luar negara hendaklah tidak diambil kira. Pelanggan tempatan prinsipal yang menerima barang daripada pengilang tol hendaklah mengakaun dan membayar cukai ke atas pembekalan (jika pembekalan itu ialah pembekalan bercukai) seolah-olah dia telah memperoleh dan membekalkan barang itu sendiri.

Fasal 74 memperkatakan Skim Tukang Emas Diluluskan yang dalamnya pembekalan barang yang ditetapkan oleh mana-mana orang kena cukai kepada tukang emas diluluskan hendaklah tidak diambil kira dan tukang emas diluluskan hendaklah mengakaun dan membayar cukai. *Fasal* ini memindahkan tanggungan untuk mengakaun dan membayar cukai daripada pembekal kepada tukang emas diluluskan.

Fasal 75 mengadakan peruntukan bagi Skim Kadar Rata yang dalamnya tambahan kadar rata disifatkan sebagai cukai ke atas pembekalan kepada mana-mana orang berdaftar.

Fasal 76 bertujuan untuk mengira broker saham dan remisier sebagai entiti tunggal bagi maksud pendaftaran untuk mengurangkan masalah pematuhan yang dihadapi oleh remisier yang majoriti daripada mereka berada di bawah ambang dan jualan tahunan mereka adalah tidak menentu. Pendaftaran orang kena cukai tunggal hendaklah atas nama broker saham. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi layanan cukai ke atas pembekalan yang dibuat, obligasi ketua anggota dan tuntutan cukai input. Broker saham hendaklah bertanggungjawab ke atas cukai yang genap masa dan kena dibayar oleh entiti tunggal.

10. Bahagian IX memperkatakan ketetapan CBP.

Fasal 77 memberi Ketua Pengarah kuasa untuk membuat ketetapan umum tentang pemakaian mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan ini kepada mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa perkiraan dan penarikan balik apa-apa ketetapan umum yang dibuat. *Fasal* ini mengadakan peruntukan bagi pemakaian ketetapan umum bagi seseorang dan perkiraan dalam hal keadaan tertentu.

Fasal 78 memberi Ketua Pengarah kuasa untuk membuat ketetapan awal ke atas permohonan oleh mana-mana orang dan ketetapan awal itu berkuat kuasa dari tarikh ketetapan itu. Ketetapan awal hendaklah dibuat mengikut cara dan bentuk tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah. Ketetapan awal hendaklah terpakai bagi suatu jenis perkiraan tertentu dan tidaklah terpakai bagi mana-mana jenis perkiraan lain oleh orang yang sama. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan bahawa seseorang boleh memohon bagi suatu ketetapan daripada Ketua Pengarah tentang pemakaian mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan bagi suatu jenis perkiraan tertentu tertakluk kepada kelayakan tertentu dan ketetapan yang dikeluarkan di bawah *fasal* ini mengikat orang itu dan Ketua Pengarah.

Fasal 79 mengadakan peruntukan bagi kemuktamadan suatu ketetapan awal yang dikeluarkan kepada mana-mana orang dan tiada rayuan boleh dibuat selepasnya.

Fasal 80 bertujuan untuk mengira dua ketetapan awal atau lebih yang berbeza tentang perkara yang sama sebagai batal.

Fasal 81 menyatakan ketidakpaksaan ketetapan awal dari tarikh peruntukan Akta yang dicadangkan dipinda atau dimansuhkan jika peruntukan Akta yang dicadangkan itu terkandung dalam ketetapan awal.

11. Bahagian X mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penguatkuasaan.

Fasal 82 memberi pegawai cukai barang dan perkhidmatan kuasa untuk menyalahkan pelaksanaan sesuatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 83 bertujuan untuk memperuntukkan bagi pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan akses kepada mana-mana tempat atau premis. *Fasal* ini menghendaki orang yang menjalankan perniagaan dan mana-mana orang lain yang berada di tempat atau premis itu untuk membantu pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan dalam menjalankan kewajibannya.

Fasal 84 bertujuan untuk memperuntukkan bagi pegawai cukai barang dan perkhidmatan kuasa untuk mengakses maklumat yang direkodkan atau data berkomputer.

Fasal 85 bertujuan untuk membenarkan Majistret untuk mengeluarkan waran geledah jika ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan.

Fasal 86 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeledahan tanpa waran jika ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa barang atau dokumen yang boleh menjadi keterangan mungkin dialihkan atas alasan kelengahan dalam memperoleh waran geledah.

Fasal 87 memperkatakan kuasa untuk menahan dan menggeledah pengangkut. Pegawai cukai barang dan perkhidmatan boleh menahan dan memeriksa apa-apa pengangkut jika dia ada alasan untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan dilakukan dan meminta orang yang menjaga pengangkut itu untuk membuka dan membenarkan pemeriksaan.

Fasal 88 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penyitaan barang atau dokumen berhubung dengan sesuatu kesalahan. Pegawai cukai barang dan perkhidmatan dikehendaki untuk memberikan notis secara bertulis tentang apa-apa penyitaan kepada pemunya barang atau dokumen. *Fasal* ini juga menyatakan bahawa penyitaan hendaklah terpakai bagi apa-apa yang terkandung di dalam bekas muatan, bungkusan atau pengangkut yang dijumpai barang atau dokumen itu dan apa-apa barang cepat rosak yang disita boleh dijual.

Fasal 89 bertujuan untuk menghendaki pegawai cukai barang dan perkhidmatan untuk menyediakan senarai barang atau dokumen yang disita.

Fasal 90 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemulangan atau pelupusan barang boleh alih tertakluk kepada terma dan syarat tertentu. Suatu perakuan hendaklah dikeluarkan apabila barang boleh alih itu dipulangkan atau dilupuskan. *Fasal* ini juga memberi Menteri kuasa untuk memberikan arahan tertentu kepada Ketua Pengarah tentang perjalanan kuasa yang melibatkan pemulangan atau pelupusan barang boleh alih.

Fasal 91 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa menangkap. Peruntukan tertentu Kanun Tatacara Jenayah terpakai dalam hal mana-mana orang yang diperiksa oleh mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan. Orang yang ditangkap hendaklah dibawa ke balai polis atau ditahan di bawah jagaan pegawai cukai barang dan perkhidmatan dan diambil gambar atau kesan jarinya. *Fasal* ini menyatakan bahawa seseorang hendaklah ditangkap pada bila-bila masa jika dia boleh ditangkap tetapi tidak ditangkap pada masa melakukan kesalahan itu atau dia telah melepaskan dirinya selepas tangkapan dibuat. Walau bagaimanapun, orang yang ditangkap boleh dilepaskan jika dia mendepositkan suatu jumlah wang yang munasabah atau bon untuk memastikan pelepasannya. Seseorang yang dilepaskan atas jaminan hendaklah ditangkap semula jika ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dia akan mengingkari jaminan atau penjaminnya itu berhasrat untuk dilepaskan daripada obligasinya.

Fasal 92 bertujuan untuk memberi pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan kuasa untuk mengarahkan mana-mana orang untuk membantunya atau untuk mengemukakan apa-apa barang atau dokumen dalam menyiasat suatu kesalahan. Walau bagaimanapun, buku jurubank tidak termasuk dalam senarai dokumen apabila pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan menghendaki seseorang itu untuk mengemukakan dokumen. Seseorang yang diarahkan untuk membantu dalam penyiasatan hendaklah diperiksa atau menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kesalahan itu tetapi dia boleh enggan untuk menjawab apa-apa soalan yang boleh menunjukkan bahawa dia bersalah. Dia tidak boleh menyembunyikan, memusnahkan, mengubah atau mengalihkan apa-apa barang atau dokumen dan dia hendaklah mematuhi arahan itu walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis. *Fasal* ini juga mengadakan peruntukan bagi perekodan secara bertulis pernyataan oleh mana-mana orang selama perjalanan penyiasatan. Pernyataan yang direkodkan itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di mahkamah.

Fasal 93 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehterimaan apa-apa pernyataan di mahkamah dan pernyataan itu boleh digunakan dalam pemeriksaan balas atau mencabar kebolehppercayaan orang itu jika dia menjadi seorang saksi tetapi mengecualikan apa-apa pernyataan sebagai keterangan jika pernyataan itu ternyata mempunyai apa-apa elemen dorongan, ugutan atau janji. Suatu amaran hendaklah diberikan kepada seseorang yang ditangkap bagi sesuatu kesalahan. *Fasal* ini juga mengadakan peruntukan bagi kebolehterimaan apa-apa pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang telah dituduh terhadap suatu kesalahan sebelum adanya masa untuk memberinya amaran. Seseorang dibenarkan untuk tidak menjawab apa-apa soalan selepas orang itu telah dituduh melakukan suatu kesalahan.

12. Bahagian XI memperkatakan pelbagai kesalahan dan penalti bagi ketidakpatuhan Akta yang dicadangkan.

Fasal 94 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan membuat suatu penyata yang tidak betul.

Fasal 95 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pengelakan cukai. *Fasal* ini selanjutnya mengadakan peruntukan mengenai skop pengelakan cukai sebagai termasuk pemerolehan kredit bagi kredit cukai input, pelepasan bagi hutang lapuk atau tuntutan dalam Skim Bayar Balik Pelancong jika orang itu tidak berhak kepada kredit, pelepasan atau tuntutan itu.

Fasal 96 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan memperoleh pembayaran balik secara tidak wajar.

Fasal 97 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berhubung dengan barang, invoice dan resit.

Fasal 98 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan menghalang pegawai cukai barang dan perkhidmatan.

Fasal 99 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan keengganan untuk menjawab soalan atau memberikan maklumat palsu.

Fasal 100 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan oleh orang yang diberi kuasa dan tidak diberi kuasa.

Fasal 101 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan percubaan dan penubahatan.

Fasal 102 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penalti am.

Fasal 103 memperkatakan kesalahan oleh kumpulan orang. Seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau rakan kongsi melakukan suatu kesalahan melainkan jika dia mengambil segala langkah munasabah untuk menghalang pelaksanaan kesalahan itu.

Fasal 104 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tanggungan seseorang untuk membayar cukai, penalti atau surcaj yang dia bertanggung baginya walaupun prosiding undang-undang telah dimulakan terhadapnya.

13. Bahagian XII memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan perbicaraan dan prosiding.

Fasal 105 memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan terhadap apa-apa kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Fasal 106 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Mahkamah Sesyen mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan dan mengenakan hukuman bagi kesalahan.

Fasal 107 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta yang dicadangkan tidak menghalang pendakwaan, pensabitan dan penghukuman seseorang di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Fasal 108 memperkatakan beban pembuktian.

Fasal 109 memperkatakan peruntukan keterangan. *Fasal* ini memperuntukkan, antara lain bahawa—

- (a) apa-apa pernyataan yang berupa sebagai ditandatangani oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dan lampirannya hendaklah diterima sebagai keterangan fakta dalam prosiding melainkan jika dibuktikan sebaliknya;
- (b) apa-apa transkrip bagi apa-apa butir dalam penyata atau dokumen yang lain yang berhubungan dengan cukai hendaklah boleh diterima sebagai keterangan bukti jika transkrip itu diperakui oleh Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa;
- (c) tiada pernyataan atau dokumen boleh tidak diterima sebagai keterangan terhadap seseorang dalam prosiding atas alasan bahawa pernyataan itu dibuat di bawah dorongan, janji atau ugutan;
- (d) seseorang adalah dianggap membuat suatu pernyataan atau catatan palsu, mengelak cukai atau memperoleh pembayaran balik secara tidak wajar jika dibuktikan bahawa pernyataan atau catatan palsu itu telah dibuat dalam suatu penyata atau bagi pihak mana-mana orang melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Fasal 110 memperkatakan nilai keterangan notis elektronik. Notis elektronik boleh diterima sebagai keterangan fakta yang dinyatakan dalam notis itu jika notis elektronik itu diperakui oleh Ketua Pengarah sebagai mengandungi semua maklumat yang dihantar melalui perkhidmatan elektronik dan disahkan ketulenan dengan sewajarnya sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta yang dicadangkan atau Akta Keterangan 1950.

Fasal 111 bertujuan untuk memperuntukkan perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah tentang status pendaftaran seseorang, pengemukaan penyata, pembayaran cukai atau pembuatan ketetapan umum atau ketetapan awal sebagai keterangan fakta sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan itu dan mengadakan peruntukan bagi kebolehterimaan dokumen yang dikemukakan oleh pendakwa dalam apa-apa prosiding sebagai keterangan jika perakuan yang menyatakan fakta yang dipersoalkan itu ditandatangani oleh juru analisis, pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Menteri.

Fasal 112 bertujuan untuk menghendaki lima peratus bagi setiap perihalan bungkusan atau bekas muatan yang mengandungi barang yang disita supaya dibuka dan diperiksa, menghendaki maksimum lima peratus daripada barang yang disita dalam isipadu atau berat supaya diuji dan menganggap bahawa barang yang terkandung di dalam bungkusan atau bekas muatan belum dibuka adalah serupa dengan barang yang dijumpai dalam bungkusan atau bekas muatan yang telahpun dibuka itu.

Fasal 113 bertujuan untuk memperuntukkan perakuan analisis yang ditandatangani oleh juru analisis sebagai keterangan yang mencukupi mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu melainkan jika tertuduh menghendaki juru analisis itu dipanggil sebagai saksi. Suatu salinan perakuan mesti diserahkan kepada tertuduh tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum permulaan percabaran.

Fasal 114 bertujuan untuk memperuntukkan perakuan yang ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi pendaftaran atau pelesenan vesel atau pengangkut di Malaysia atau di Singapura sebagai keterangan *prima facie* jika perakuan itu relevan untuk menentukan fakta sedemikian dalam prosiding di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 115 bertujuan untuk memperuntukkan dokumen yang berupa sebagai perakuan yang ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab untuk menentukan tanan atau buatan sesuatu pesawat sebagai boleh diterima sebagai keterangan jika dokumen itu relevan untuk menentukan fakta sedemikian dalam prosiding di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 116 bertujuan untuk memperuntukkan perakuan yang ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi ketepatan sesuatu meter atau alat penyukat petroleum sebagai boleh diterima sebagai keterangan jika perakuan itu perlu untuk membuktikan fakta sedemikian dalam prosiding di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 117 bertujuan untuk memperuntukkan bagi pengenaan tempoh pemenjaraan oleh mana-mana mahkamah berkenaan dengan ketidakbayaran denda.

Fasal 118 bertujuan untuk mengadakan peruntukan supaya perbicaraan di mahkamah atau rayuan di Mahkamah Tinggi diteruskan tanpa memeriksa tentang cara dan bentuk penyitaan dibuat kecuali jika cara dan bentuk penyitaan itu dikemukakan sebagai keterangan.

Fasal 119 memperkatakan obligasi kerahsiaan berhubung dengan identiti pemberi maklumat.

Fasal 120 bertujuan untuk menghendaki seseorang saksi supaya tidak menzahirkan maklumat yang berhubungan dengan pemberi maklumat yang boleh membawa kepada pengesanan pemberi maklumat itu. Ia juga mengadakan peruntukan supaya petikan dalam sesuatu buku, dokumen atau kertas disembunyikan atau dipadam untuk melindungi pemberi maklumat daripada dikesan semasa pemeriksaan buku, dokumen atau kertas dalam prosiding dan membenarkan mahkamah untuk menghendaki pengemukaan aduan asal atau penzahiran penuh pemberi maklumat itu jika mahkamah mendapati bahawa pemberi maklumat itu telah membuat pernyataan material yang palsu selepas pemeriksaan penuh kes itu.

Fasal 121 menyatakan bahawa semua barang yang disita boleh dilucuthakkan atau dilepaskan.

Fasal 122 bertujuan untuk menolak apa-apa kos atau ganti rugi diawardkan berkenaan dengan apa-apa barang yang disita melainkan jika penyitaan dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Fasal 123 memperkatakan kuasa mahkamah untuk memerintahkan pelupusan barang yang disita. *Fasal* ini memberi mahkamah mandat untuk melucuthakkan amaun yang diperoleh daripada pelupusan atau penjualan barang boleh alih jika kesalahan telah dilakukan dan mengadakan peruntukan bagi barang yang dilucuthakkan diserahkan kepada pegawai cukai barang dan perkhidmatan dan dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

Fasal 124 memperkatakan pelucuthakan barang yang disita yang berkenaan dengannya tiada pendakwaan dan hasil jualan barang itu.

Fasal 125 memberi Menteri kuasa atas permohonan melalui Ketua Pengarah untuk memulangkan barang atau membayar balik hasil jualan kepada pemunya barang dengan syarat permohonan itu dibuat dalam tempoh satu bulan kalendar dari tarikh barang itu dilucuthakkan.

Fasal 126 memperkatakan cara penyampaian saman.

Fasal 127 memperkatakan pengkompaunan kesalahan.

Fasal 128 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mahkamah untuk memerintahkan seseorang untuk membayar amaun cukai, penalti atau surcaj kepada Ketua Pengarah jika dia didapati bersalah bagi suatu kesalahan dan cukai, penalti atau surcaj itu boleh didapatkan sebagai denda.

14. Bahagian XIII memperkatakan perkara kajian semula dan rayuan.

Fasal 129 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Bahagian XIII Akta yang dicadangkan.

Fasal 130 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk mengkaji semula dan menyemak keputusan yang dibuat dan membuat keputusan muktamad dalam masa yang ditentukan.

Fasal 131 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Tribunal Rayuan Cukai Barang dan Perkhidmatan (“Tribunal”).

Fasal 132 bertujuan untuk membenarkan mana-mana orang yang terkilan untuk merayu terhadap keputusan Ketua Pengarah kepada Tribunal. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan alasan yang mesti diambil kira oleh Tribunal sebelum mempertimbangkan sesuatu rayuan.

Fasal 133 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa Tribunal untuk menentukan rayuan, yang tidak termasuk perkara yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

Fasal 134 memberi Menteri kuasa untuk melantik seorang Pengerusi, sekian bilangan Timbalan Pengerusi dan anggota lain Tribunal dan menentukan saraan, terma dan syarat pelantikan anggota Tribunal. Ia juga mengadakan peruntukan bagi tempoh pelantikan anggota Tribunal.

Fasal 135. bertujuan memberi Timbalan Pengerusi kuasa untuk melaksanakan fungsi Pengerusi apabila Pengerusi itu tidak berupaya untuk melaksanakan kewajibannya.

Fasal 136 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membatalkan pelantikan seseorang anggota Tribunal atas apa-apa alasan yang dinyatakan.

Fasal 137 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang dilantik sebagai anggota Tribunal yang berhasrat untuk meletakkan jawatan mesti membuat pemberitahuan secara bertulis kepada Menteri.

Fasal 138 memperkatakan kekosongan jawatan anggota Tribunal. Ia juga memberi Menteri kuasa untuk menggantikan mana-mana anggota Tribunal dalam hal kekosongan.

Fasal 139 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan seorang Setiausaha, Penolong Setiausaha dan pegawai-pegawai untuk menjalankan fungsi Tribunal dan menyatakan bahawa Pengerusi mempunyai kawalan am ke atas Setiausaha, Penolong Setiausaha dan pegawai-pegawai Tribunal.

Fasal 140 bertujuan untuk menyifatkan anggota, pegawai, Setiausaha dan Penolong Setiausaha Tribunal sebagai penjawat awam.

Fasal 141 memperkatakan pendengaran rayuan. Bilangan minimum anggota bagi setiap panel ialah tiga orang. *Fasal* ini juga mengadakan peruntukan bagi cara keputusan dibuat oleh panel. Ia juga membenarkan prosiding supaya diteruskan

oleh anggota panel yang tinggal dalam hal kematian atau ketidakupayaan seorang anggota. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan bahawa prosiding rayuan hendaklah didengar semula dalam hal orang yang mempengerusikan sesuatu prosiding rayuan itu tidak berupaya untuk menyelesaikan prosiding itu.

Fasal 142 bertujuan untuk memberi Pengerusi kuasa untuk mengarahkan rayuan supaya didengar oleh hanya seorang anggota Tribunal.

Fasal 143 menghendaki anggota Tribunal untuk menzahirkan kepentingannya sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam rayuan yang dibawa ke hadapannya dan untuk menjadikan dirinya tidak layak mengambil bahagian dalam prosiding itu. *Fasal* ini memberi Pengerusi kuasa untuk melantik anggota yang lain untuk mendengar atau membereskan rayuan itu jika dia berpuas hati bahawa seseorang anggota mempunyai kepentingan berkenaan dengan prosiding itu.

Fasal 144 bertujuan untuk mengadakan peruntukan supaya rayuan tidak didengar di mana-mana mahkamah jika rayuan telah difailkan dengan Tribunal dan rayuan itu adalah dalam bidang kuasa Tribunal melainkan jika prosiding telah bermula di mahkamah sebelum rayuan itu difailkan di Tribunal atau Tribunal telah menarik balik, meninggalkan atau menolak rayuan itu.

Fasal 145 bertujuan untuk menghendaki Setiausaha untuk memberikan notis tentang hari, masa dan tempat pendengaran.

Fasal 146 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Tribunal membantu pihak-pihak untuk merundingkan suatu penyelesaian yang dipersetujui berhubung dengan rayuan itu. Ia menyatakan bahawa Tribunal hendaklah mengambil kira apa-apa faktor yang berkemungkinan untuk menjejaskan keupayaan salah satu atau kedua-dua pihak untuk merundingkan suatu penyelesaian yang dipersetujui dalam membuat suatu taksiran. Tribunal hendaklah meluluskan dan merekodkan penyelesaian yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak seolah-olah keputusan itu telah dibuat oleh Tribunal. Tribunal diberi kuasa untuk meneruskan prosiding jika kedua-dua pihak tidak mencapai suatu penyelesaian yang dipersetujui.

Fasal 147 bertujuan untuk membenarkan suatu pihak kepada rayuan untuk mengendalikannya sendiri kesnya atau melantik orang lain sebagai wakilnya dan Ketua Pengarah akan diwakili oleh pegawai yang diberi kuasa.

Fasal 148 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Tribunal memperoleh, mendapat dan menerima keterangan dalam apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Tribunal untuk membantunya dalam membuat pertimbangan semasa pendengaran sesuatu rayuan. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan bahawa apa-apa saman yang dikeluarkan oleh Tribunal hendaklah disampaikan dan dikuatkuasakan seolah-olah saman itu dikeluarkan oleh Mahkamah Sesyen.

Fasal 149 bertujuan untuk membenarkan Tribunal untuk meminta maklumat dalam menjalankan kuasa dan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 150 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Tribunal untuk membuat keputusannya dalam masa yang dinyatakan. *Fasal* ini memberi Tribunal kuasa untuk mengkaji semula dan menyemak keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah atau untuk membuat keputusan baru dan juga menghendaki Tribunal untuk memberikan alasan bagi keputusannya.

Fasal 151 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keputusan dan penyelesaian Tribunal direkodkan secara bertulis.

Fasal 152 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa keputusan Tribunal adalah muktamad. Keputusan Tribunal adalah disifatkan sebagai suatu keputusan oleh Mahkamah Sesyen.

Fasal 153 memperkatakan cara pemberesan rayuan.

Fasal 154 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi rujukan persoalan undang-undang ke Mahkamah Tinggi.

Fasal 155 bertujuan untuk memperuntukkan hak perayu untuk merayu selanjutnya jika dia tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi.

Fasal 156 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Tribunal boleh menerima pakai apa-apa tatacara yang perlu dalam pendengaran sesuatu rayuan.

Fasal 157 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada prosiding boleh diketepikan disebabkan tidak mengikut bentuk.

Fasal 158 memberi Tribunal kuasa untuk membuat keputusan tentang siapa yang patut membayar kos dan takat yang kos hendaklah dibayar.

Fasal 159 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Tribunal boleh memerintahkan pelupusan dokumen yang dikemukakan semasa prosiding.

Fasal 160 menyatakan bahawa tiada tindakan boleh diambil terhadap Tribunal bagi apa-apa yang dilakukan dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan.

15. Bahagian XIV mengandungi peruntukan khas tentang kawasan ditetapkan.

Fasal 161 mentakrifkan erti Malaysia supaya tidak termasuk kawasan ditetapkan bagi maksud Bahagian XIV Akta yang dicadangkan.

Fasal 162 bertujuan untuk membolehkan pembekalan yang dibuat di dalam dan antara kawasan ditetapkan tidak diambil kira kecuali bagi perkhidmatan pengangkutan antara kawasan ditetapkan.

Fasal 163 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi layanan cukai yang berlainan ke atas barang dan perkhidmatan diimport ke dan dieksport dari kawasan ditetapkan atau barang dan perkhidmatan yang dibekalkan ke atau dari kawasan ditetapkan dari atau ke Malaysia.

Fasal 164 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi layanan cukai ke atas barang dan perkhidmatan yang dibekalkan dalam Malaysia oleh orang kena cukai yang tempat perniagaan utamanya terletak di kawasan ditetapkan.

Fasal 165 bertujuan untuk menghendaki orang yang menjaga sesuatu vesel atau pesawat udara untuk membuat perisytiharan barang yang dibekalkan dari kawasan ditetapkan ke Malaysia.

Fasal 166 bertujuan untuk membolehkan pemungutan cukai dibuat di kawasan ditetapkan berkenaan dengan barang yang dibekalkan atau akan dibekalkan dari kawasan ditetapkan ke Malaysia.

Fasal 167 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat perintah untuk menetapkan pembekalan tertentu sebagai bercukai di kawasan ditetapkan dan berkenaan dengan barang atau perkhidmatan tertentu apabila dibekalkan atau diimport ke dalam atau dieksport dari kawasan ditetapkan.

16. Bahagian XV memperkatakan peruntukan pelbagai.

Fasal 168 bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan kuasa untuk mengambil sampel untuk memastikan kebolehcukaaian barang dan sampel itu boleh dilupuskan mengikut cara yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

Fasal 169 menghendaki seseorang untuk memberikan maklumat, mengemukakan barang atau dokumen atau menyediakan terjemahan sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan.

Fasal 170 bertujuan untuk membolehkan Ketua Pengarah menyediakan perkhidmatan elektronik bagi transaksi tertentu dan membebaskannya daripada apa-apa liabiliti bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh pengguna perkhidmatan elektronik.

Fasal 171 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kaedah dan cara yang berkaitan dengan penyampaian notis oleh Ketua Pengarah dan menyifatkan notis sebagai disampaikan jika notis itu telah dialamatkan kepada orang tertentu di alamat yang dinyatakan.

Fasal 172 memperkatakan pengesahan notis.

Fasal 173 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi bayaran pos percuma bagi semua penyata dan dokumen yang berhubungan yang dihantar kepada Ketua Pengarah.

Fasal 174 memperkatakan ejen cukai. Hanya seseorang ejen cukai boleh bertindak bagi pihak mana-mana orang tentang perkara yang berhubungan dengan cukai di bawah Akta yang dicadangkan. Jika ejen cukai ialah seorang individu, dia mesti mempunyai tempat tinggal biasanya di Malaysia manakala bagi suatu syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain, ia mestilah diperbadankan atau ditubuhkan secara sah di Malaysia.

Fasal 175 bertujuan untuk membolehkan Ketua Pengarah untuk memberikan ganjaran bagi perkhidmatan yang diberikan yang membawa kepada pengesanan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

Fasal 176 bertujuan untuk menghendaki borang yang ditetapkan digunakan melainkan jika kebenaran diberikan oleh Ketua Pengarah untuk menggunakan borang selain borang yang ditetapkan.

Fasal 177 bertujuan untuk membolehkan Ketua Pengarah untuk mengenakan fi bagi perkhidmatan yang diberikan yang tidak dikehendaki supaya diberikan di bawah Akta yang dicadangkan dan yang baginya tiada fi ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Fasal 178 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Kastam 1967 atau Akta Eksais 1976 berkenaan dengan pengimportan atau pengeksporan barang. Akta yang dicadangkan hendaklah terpakai jika terdapat perbezaan antara peruntukan Akta yang dicadangkan dengan peruntukan dalam Akta Kastam 1967 atau Akta Eksais 1976.

Fasal 179 bertujuan untuk melindungi Kerajaan daripada apa-apa liabiliti berkenaan dengan barang yang hilang disebabkan oleh kebakaran atau kecurian atau kerosakan atau sebab yang lain semasa barang itu dalam jagaan sah pegawai cukai barang dan perkhidmatan melainkan jika kehilangan itu berpunca daripada kecuaiian sengaja pegawai cukai barang dan perkhidmatan.

Fasal 180 bertujuan untuk melindungi pegawai cukai barang dan perkhidmatan daripada apa-apa liabiliti berkenaan dengan barang yang hilang disebabkan oleh kebakaran atau kecurian atau kerosakan atau sebab yang lain semasa barang itu berada dalam jagaan sah pegawai cukai barang dan perkhidmatan dalam perjalanan pelaksanaan kewajibannya di bawah Akta yang dicadangkan melainkan jika kehilangan itu berpunca daripada kecuaiian atau keingkaran sengajanya.

Fasal 181 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

17. Bahagian XVI memperkatakan pemansuhan dan kecualian Akta Cukai Jualan 1972.

Fasal 182 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemansuhan Akta Cukai Jualan 1972 dan bagi kecualian peruntukan tertentu Akta Cukai Jualan 1972 untuk membolehkan pelevian, pembayaran, pentaksiran, pembayaran balik, peremitan atau mendapatkan cukai jualan yang telah menjadi kena dibayar.

Fasal 183 bertujuan untuk menghendaki orang yang dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 untuk mengemukakan penyata terakhir tidak lewat daripada dua puluh lapan hari dari tarikh ditetapkan dan menyatakan dan membayar amaun cukai jualan yang boleh dikenakan dalam penyata terakhir itu. *Fasal* ini juga mentakrifkan erti tempoh bercukai terakhir.

Fasal 184 bertujuan untuk menghendaki orang yang dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 dan bukan orang berdaftar untuk mengakaun dan membayar cukai jualan ke atas bahan mentah dan komponen yang diperolehi tanpa cukai jualan tetapi dia tidak perlu untuk mengakaun bagi cukai jualan ke atas barang siap dan separa siap apabila dia terhenti menjadi pemegang lesen cukai jualan. Dia mesti mengakaun cukai jualan dalam penyata cukai terakhirnya.

18. Bahagian XVII memperkatakan pemansuhan dan kecualian Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

Fasal 185 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi memansuhkan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan bagi kecualian peruntukan tertentu Akta Cukai Perkhidmatan 1975 untuk membolehkan pelevian, pembayaran, pentaksiran, pembayaran balik, peremitan atau mendapatkan cukai perkhidmatan yang telah menjadi kena dibayar.

Fasal 186 bertujuan untuk menghendaki orang yang dilesenkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975 untuk mengemukakan penyata terakhir tidak lewat daripada dua puluh lapan hari dari tarikh ditetapkan dan menyatakan amaun keseluruhan cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan termasuk amaun cukai perkhidmatan yang tidak dinyatakan dalam tempoh bercukai terdahulu dalam penyata terakhir itu. *Fasal* ini juga mentakrifkan erti tempoh cukai terakhir.

19. Bahagian XVIII memperkatakan peruntukan peralihan.

Fasal 187 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi cukai yang tidak dikenakan dan dilevikan ke atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan sebelum tarikh ditetapkan. Jika sebelum tarikh ditetapkan apa-apa bayaran diterima berkaitan dengan pembekalan barang dan perkhidmatan yang akan dibuat pada atau selepas tarikh ditetapkan atau inuis telah dikeluarkan yang berhubungan dengan pembekalan barang atau perkhidmatan yang akan dibuat pada atau selepas tarikh ditetapkan, bagi maksud menentukan tempoh bercukai yang cukai output atau cukai inputnya itu boleh dihubungkan, pembayaran itu dengannya diambil sebagai telah diterima atau inuis itu diambil sebagai telah dikeluarkan, semasa tempoh bercukai yang pertama selepas tarikh ditetapkan. Dalam hal barang yang tidak dilepaskan daripada kawalan kastam, masa pengimportan di ambil sebagai masa apabila barang itu dilepaskan oleh pegawai kastam.

Fasal 188 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai tanggungan seseorang untuk berdaftar jika ada alasan untuk mempercayai bahawa jumlah nilai pembekalan bercukainya dalam bulan tarikh ditetapkan dan sebelas bulan yang berikutnya akan melebihi ambang yang ditetapkan. *Fasal* ini juga menghendaki orang itu untuk memohon kepada Ketua Pengarah supaya didaftarkan dan permohonan itu hendaklah dibuat tiga bulan sebelum tarikh ditetapkan.

Fasal 189 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa cukai jualan dan cukai perkhidmatan tidak boleh dikenakan berkuat kuasa dari tarikh ditetapkan.

Fasal 190 bertujuan untuk menentukan bahawa nilai pembekalan barang dan perkhidmatan yang dikira sebagai telah berlaku selepas tarikh ditetapkan hendaklah selaras dengan kehendak dalam *fasal* 15.

Fasal 191 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi layanan apa-apa pembekalan yang dibuat menurut apa-apa kontrak tanpa peluang untuk dikaji semula yang dibuat sebelum atau pada tarikh Akta yang dicadangkan diluluskan oleh Dewan Negara. Suatu pembekalan hendaklah dikira sebagai pembekalan berkadar sifar jika kedua-dua pembekal dan penerima ialah orang berdaftar, pembekalan itu ialah suatu pembekalan bercukai dan pembekalan itu mesti dibuat sebelum suatu peluang kajian semula berbangkit atau dalam tempoh 5 tahun selepas tarikh ditetapkan. *Fasal* ini juga mentakrifkan “kontrak tanpa peluang kajian semula semula” dan “peluang kajian semula”.

Fasal 192 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi cukai yang boleh dikenakan ke atas pembekalan yang dibuat di bawah suatu perjanjian. Hanya bahagian pembekalan yang berhubung kait dengan bahagian tempoh pada atau selepas tarikh ditetapkan boleh dikenakan cukai. Dalam hal pembekalan perkhidmatan, pembekalan itu hendaklah diambil sebagai dibuat secara berterusan dan sama rata sepanjang tempoh perjanjian itu.

Fasal 193 memperkatakan cukai yang boleh dikenakan ke atas pembayaran bagi hak yang diberikan atau yang boleh dijalankan sepanjang hayat seseorang atau bagi tempoh yang tidak kurang daripada tiga puluh tahun. Hak yang berkenaan itu berhubung dengan perjanjian yang dibuat oleh orang kena cukai yang membuat suatu pembekalan perkhidmatan. Jika pembayaran bagi hak itu dibuat sebelum tarikh ditetapkan, pembayaran itu tidak boleh dikenakan cukai.

Fasal 194 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kelayakan pembayaran balik khas yang bersamaan dengan amaun cukai jualan berkenaan dengan barang yang dalam pegangan jika penuntut memegang inuis pembekal yang berkenaan yang membuktikan bahawa dia ialah penerima yang baginya cukai jualan telah dikenakan atau dokumen import yang membuktikan bahawa dia ialah pengimport, penerima konsain atau pemunya yang baginya cukai jualan telah dibayar. Bagi seseorang yang tidak memegang inuis sedemikian, pembayaran balik khas yang baginya layak adalah berdasarkan kepada dua puluh peratus daripada nilai belian yang ditunjukkan pada inuis didarab dengan kadar cukai jualan.

Fasal 195 menghendaki orang yang menuntut suatu pembayaran balik khas untuk memberitahu Ketua Pengarah tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh ditetapkan. Penuntut itu juga dikehendaki untuk mempunyai amaun yang disahkan oleh pihak berkuasa yang relevan.

Fasal 196 bertujuan untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengimbangkan cukai jualan atau penalti yang belum dibayar terhadap pembayaran balik khas itu.

Fasal 197 memperkatakan pelarasan bagi potongan cukai jualan yang dibuat di bawah Akta Cukai Jualan 1972.

Fasal 198 bertujuan untuk memperkatakan pembekalan barang atau perkhidmatan pembinaan yang dibekalkan kepada penerima pada atau selepas tarikh ditetapkan, mengikut perjanjian yang dibuat sebelum tarikh ditetapkan. *Fasal* ini menjelaskan bahawa nilai semua kerja dan bahan hendaklah ditentukan setakat pada permulaan tarikh ditetapkan dan mestilah disahkan oleh orang yang diberi kuasa. Nilai itu juga ditentukan dengan cara yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah pada atau sebelum berakhirnya tempoh bercukai pertama pembekal itu selepas tarikh ditetapkan.

Fasal 199 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi cukai dikenakan ke atas pembayaran yang ditahan berkenaan dengan pembekalan yang dibuat selepas tarikh ditetapkan, walaupun kontrak itu dibuat sebelum tarikh ditetapkan.

Fasal 200 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi cukai dikenakan bagi penebusan baucar selepas tarikh ditetapkan, walaupun baucar itu dikeluarkan sebelum tarikh ditetapkan.

Fasal 201 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi layanan pembekalan barang atau perkhidmatan daripada apa-apa mesin atau peranti yang dikendalikan oleh syiling, token dan yang serupa dengannya. Cukai tidak dikenakan hanya bagi pengeluaran pertama dalam tempoh minggu pertama bermula pada tarikh ditetapkan dan apa-apa pengeluaran yang berikutnya dalam tempoh satu minggu bermula pada tarikh ditetapkan hendaklah termasuk cukai. Apa-apa pengeluaran pungutan selepas satu minggu bermula pada tarikh ditetapkan hendaklah termasuk cukai.

Jadual Pertama menyatakan perkara yang akan dikira sebagai suatu pembekalan barang atau suatu pembekalan perkhidmatan.

Jadual Kedua mengandungi perkara yang akan dikira sebagai bukan suatu pembekalan barang mahupun suatu pembekalan perkhidmatan.

Jadual Ketiga memperkatakan nilai pembekalan barang atau perkhidmatan.

Jadual Keempat bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang tidak boleh dirayu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2707]